

**PENGURUSAN KURIKULUM SEKOLAH MENENGAH DAN
HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK**

**Tesis Diserahkan Kepada Sekolah Siswazah Universiti Utara Malaysia
Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada Keperluan Untuk
Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)**

Oleh

ROSNAH SELAMAT

SEKOLAH SISWAZAH

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

September, 1995

© Rosnah Selamat, 1995. Hakcipta Terpelihara.

KEBENARAN MENGGUNA

Dalam menyerah tesis ini, sebagai memenuhi keperluan pengajian lepasan ijazah Universiti Utara Malaysia (UUM), saya bersetuju supaya pihak perpustakaan UUM menggunakan tesis ini bagi tujuan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan keseluruhan atau sebahagian daripadanya, bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan Sekolah Siswazah. Sebarang penyalinan, penerbitan atau penggunaan ke atas keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini, untuk pemerolehan kewangan tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Di samping itu pengikhtirafan kepada saya dan UUM seharusnya diberikan dalam sebarang kegunaan bahan-bahan yang terdapat dalam tesis ini. Permohonan untuk kebenaran membuat salinan atau kegunaan-kegunaan lain, sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya, boleh dibuat dengan menulis kepada:

DEKAN.

SEKOLAH SISWAZAH.

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA,

060 10, SINTOK, JITRA,

KEDAH DARUL AMAN.

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini ialah untuk meninjau sejauh manakah budaya pengurusan kurikulum yang sistematik, berkesan dan cemerlang telah diamalkan di sekolah-sekolah menengah **pada hari ini**, untuk mengetahui adakah sistem pengurusan kurikulum di sekolah pencapaian cemerlang berbeza dengan sekolah pencapaian sederhana dan untuk mengetahui adakah sistem pengurusan kurikulum sesebuah sekolah mempengaruhi pencapaian sekolah **tersebut** dalam Peperiksaan Awam.

Dua set soal selidik digunakan untuk mengesan sistem pengurusan kurikulum sekolah dan sistem pengurusan panitia. Responden kajian terdiri daripada 32 orang Setiausaha Akademik dan 253 orang Ketua Panitia daripada 33 buah sekolah menengah luar bandar di Daerah Kuala Selangor, Daerah Sabak Bernam, Daerah Kuala Langat dan Daerah Sepang, Selangor Darul Ehsan. Data **diproses** dengan Pengaturcaraan SPSS For Ms Windows 6.0.

Dapatan utama kajian ialah, sistem pengurusan kurikulum yang meliputi sistem pengurusan panitia di kebanyakan sekolah menengah **pada hari ini** hanya **pada** tahap yang memuaskan sahaja. Hanya sebahagian **kecil** sahaja sekolah yang telah mengamalkan budaya pengurusan kurikulum yang boleh dianggap sistematik, berkesan dan cemerlang. Didapati sistem pengurusan kurikulum di sekolah pencapaian cemerlang lebih baik daripada sekolah pencapaian sederhana dan keberkesanan sistem pengurusan kurikulum sesebuah sekolah merupakan antara faktor yang mempengaruhi pencapaian sekolah **tersebut** dalam Peperiksaan Awam.

Berasaskan dapatan ini, dicadangkan semua pihak yang terlibat dengan bidang pendidikan khasnya bidang kurikulum dan pengurusannya, di semua peringkat terutama **pengurus** kurikulum peringkat sekolah mengkaji semula sistem pengurusan kurikulum sekolah **masing-masing** untuk tujuan memperbaiki, memperkukuh dan meningkatkan keberkesanannya.

ABSTRACT

The main purpose of the study was to investigate how systematic, effective and excellent is the curriculum management in the secondary schools today, to compare between the curriculum management in excellent achievement schools and the moderate schools and to find out whether curriculum management in school influence the Public Examination.

Two sets of questionnaire were used to identify the curriculum management system and the subject department management system. The respondents of the study are 32 Academic Secretaries and 253 Senior Subject Teachers from 33 rural secondary schools in the District of Kuala Selangor, Sabak Bernam, Kuala Langat and Sepang, Selangor Darul Ehsan. The data was processed using SPSS For Ms Windows 6.0 program.

The main finding of the study was the curriculum management system including the management of each subject department in most of the secondary schools today is just satisfactory. Only a few schools was found to implement the systematic, effective and excellent curriculum management. It was also found that the curriculum management system in the excellent achievement schools is better than moderate achievement schools and the effectiveness of the curriculum management system in the school is one of the factor that influenced the achievement of the school in the Public Examination.

Based upon the findings, it is recommended that those involved in education especially in the curriculum and management department review the curriculum management system of their schools with the purpose of improving it.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Penyayang, tesis ini akhirnya dapat disiapkan. Justeru itu, dengan rendah diri, penyelidik memanjatkan kesyukuran kehadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah rahmat kurniaNya, dapat penyelidik menyiapkan tesis ini. Tesis ini juga berjaya disiapkan kerana hasil kerjasama dan galakan daripada banyak pihak. Justeru itu, penyelidik ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat.

Setinggi-tinggi terima kasih saya ajukan kepada Penyelia Pertama tesis ini, En. Ibrahim Ahmad yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar sejak dari awal kajian hingga ke akhir penulisan tesis. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Penyelia Kedua tesis ini, En. Abdurrahman Zuhair Sheikh Mohmood yang telah menyemak tesis dan memberikan teguran membina.

Ucapan ribuan terima kasih juga kepada Dekan Sekolah Siswazah, Dr. Ibrahim Abdul Hamid dan Pengarah IAB, Dr. Ibrahim Bajunid kerana telah memberi peluang kepada penyelidik mengikuti Kursus Sains Pengurusan sehingga dapat menyiapkan sebuah tesis.

Terima kasih juga kepada pihak Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Langat/Sepang, Daerah Kuala Selangor, Daerah Sabak Bernam dan Pengetua-Pengetua sekolah terlibat kerana telah memberi kebenaran dan kerjasama untuk menjalankan kajian ini. Setinggi-tinggi terima kasih kepada semua responden yang telah menjawab soal selidik.

Akhir sekali penyelidik ingin merakamkan penghargaan paling istimewa kepada suami, Mohd Asrore dan anak-anak, Mohd. Zhafri, Mohd. Hadri dan Mohd. Shaufi serta kedua-dua ibu dan ayah atas pengorbanan dan kesabaran mereka di sepanjang tempoh penyelidik menuntut di UUM.

JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
Kebenaran Menggunakan	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Jadual Kandungan	v
Senarai Jadual	ix
Senarai Rajah	xiii

BAB

1	PERMASALAHAN KAJIAN	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	7
1.3	Kepentingan Kajian	11
1.4	Objektif Kajian	14
1.5	Kenyataan Soalan Kajian	15
1.6	Hipotesis Kajian	17
1.7	Batasan Kajian	19
1.8	Definisi Konsep Utama	22
1.9	Model Teoritis Kajian	26
1.10	Rumusan	32

2	ULASANKARYA	33
2.1	Pendahuluan	33
2.2	Ulasan Teori	34
2.2.1	Teori Pengurusan	34
2.2.2	Pengurusan Sekolah	38
2.2.3	Teori Kurikulum	39
2.2.4	Pengurusan Kurikulum	42
2.2.5	Pengurusan Kurikulum Sekolah	45
2.2.6	Sruktur Organisasi Kurikulum Sekolah	49
2.2.7	Jawatan Kuasa Kurikulum Sekolah	51
2.2.8	Panitia Mata Pelajaran	53
2.2.9	Peranan Pengetua Sebagai Pemimpin Kurikulum	58
2.2.10	Penyeliaan Pengurusan Mata Pelajaran	59
2.3	Ulasan Kajian Lalu	61
2.4	Rumusan Ulasan Karya	67
3	METODOLOGI	69
3.1	Pendahuluan	69
3.2	Populasi, Lokasi dan Sampel	70
3.3	Prosedur Kajian	71
3.4	Instrumen	73
3.5	Tatacara Analisis Data	78
3.6	Rumusan	79
4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	81
4.1	Pendahuluan	81
4.2	Perihaln Mengenai Responden	82

SENARAI JADUAL

JADUAL	Muka Surat
Jadual 1: Taburan Bilangan dan Peratus Ketua Setiausaha Akademik Mengikut Gred Sekolah (n = 32).	82
Jadua12: Taburan Bilangan dan Peratus Setiausaha Akademik Mengikut Kelulusan Akademik (n = 32).	82
Jadua13 : Taburan Bilangan dan Peratus Setiausaha Akademik Mengikut Kategori Sekolah (n = 32).	83
Jadua14: Taburan Bilangan dan Peratus Setiausaha Akademik Mengikut Lama Menjadi Setiausaha Akademik (n = 32).	83
Jadual5 : Taburan Bilangan dan Peratus Ketua Panitia Mengikut Gred Sekolah (n = 253).	84
Jadua16: Taburan Bilangan dan Peratus Ketua Panitia Mengikut Mata Pelajaran (n = 253).	84
Jadua17: Taburan Bilangan dan Peratus Ketua Panitia Mengikut Kelulusan Akademik (n = 253).	85
Jadua18: Taburan Bilangan dan Peratus Ketua Panitia Mengikut Lama Menjadi Ketua Panitia (n = 253).	85
Jadua19: Taburan Bilangan dan Ketua Panitia Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).	85
Jadual 10: Bilangan dan Peratus Ketua Panitia Mengikut Daerah (n = 253).	86
Jadual 11: Taburan Bilangan dan Peratus Sekolah dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana (n = 32).	87
Jadual 12 : Taburan Bilangan dan Peratus Panitia dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana (n = 253).	87
Jadual 13 : Taburan Bilangan dan Peratus Sekolah dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana Mengikut Prinsip-Prinsip Pengurusan (n = 32).	90

4.2.1	Butir-Butir Diri Setiausaha Akademik	82
4.2.2	Butir-Butir Diri Ketua Panitia	84
4.3	Perihalhan Mengenai Pembolehubah	87
4.3.1	Sejauh Manakah Budaya Pengurusan Kurikulum yang Sistematik, Berkesan dan Cemerlang Telah Diamalkan di Sekolah-Sekolah Menengah pada Hari Ini ?	94
4.3.2	Adakah Wujud Perbezaan di antara Sistem Pengurusan Kurikulum Sekolah dan Sistem Pengurusan Panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang, Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana? Adakah Perbezaan yang Wujud di antara Sistem Pengurusan Panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang, Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana Signifikan?	94
4.3.3	Adakah Wujud Hubungan yang Signifikan di antara Pencapaian Sekolah dalam Peperiksaan Awam dengan Sistem Pengurusan Kurikulumnya dan di antara Pencapaian Mata Pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan Pengurusan Panitianya?	103
4.3.4	Sejauh Manakah Pengetahuan, Kemahiran dan Kefahaman yang Telah dikuasai oleh Setiausaha Kurikulum Sekolah dalam Pengurusan Kurikulum Sekolah dan Ketua Panitia dalam Pengurusan Panitia di Semua Kategori Sekolah?	107
4.35	Apakah Masalah-Masalah Utama yang Dihadapi oleh Ketua Panitia dalam Pengurusan Panitianya di Semua Kategori Sekolah?	112

4.3.6	Apakah Item-Item yang Masih Kurang Memuaskan dalam Pengurusan Kurikulum Sekolah dan Panitia Mata Pelajaran Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah?	117
5	RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	141
5.1	Pendahuluan	141
5.2	Ringkasan	141
5.2.1	Permasalahan Kajian	142
5.2.2	Metodologi Kajian	147
5.2.3	Keputusan Kajian	150
5.3	Kesimpulan	161
5.4	Cadangan	170
5.4.1	Cadangan daripada Dapatan Kajian	170
5.4.2	Cadangan Umum	176
5.4.3	Cadangan untuk Penyelidikan akan Datang	184
	Bibliografi	186
	Lampiran A: Borang Soal Selidik	193
	Lampiran B: Surat Menyurat	215
	Lampiran C: Senarai Sekolah	224
	Lampiran D: Peta Negeri Selangor	227

SENARAI JADUAL

JADUAL	Muka Surat
Jadual 14: Taburan Bilangan dan Peratus Panitia dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana Mengikut Prinsip-Prinsip Pengurusan (n = 253)	91
Jadual 15: Nilai Min, SD (Sisihan Piawai), Minimum dan Maksimum Skor Sistem Pengurusan Kurikulum Sekolah Secara Keseluruhan dan Mengikut Prinsip-Prinsipnya (n = 32).	93
Jadual 16: Nilai Min, SD (Sisihan Piawai), Minimum dan Maksimum Skor Sistem Pengurusan Panitia Mata Pelajaran Secara Keseluruhan dan Mengikut Prinsip-Prinsipnya (n = 253).	93
Jadual 17: Perbezaan Min Skor Sistem Pengurusan Kurikulum di SKPC, SKPM dan SKPS Secara Keseluruhan dan Mengikut Prinsip-Prinsipnya (n = 32).	94
Jadual 18: Min Skor Sistem Pengurusan Panitia di SKPC, SKPM dan SKPS Secara Keseluruhan dan Mengikut Prinsip-Prinsipnya (n = 253).	96
Jadual 19: Keputusan Analisis Varians Satu Hala (ANOVA) Sistem Pengurusan Panitia Mata Pelajaran Secara Keseluruhan bagi Ketiga Kategori Sekolah • SKPC, SKPM dan SKPS (n = 253).	97
Jadual 20: Keputusan Ujian HSD Tukey bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah yang Signifikan (n = 253).	98
Jadual 12 1: Keputusan Analisis Varians Satu Hala (ANOVA) Prinsip Perancangan dalam Sistem Pengurusan Panitia Mata Pelajaran di SKPC, SKPM dan SKPS (n = 253).	99
Jadual 122: Keputusan Ujian HSD Tukey bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah yang Signifikan (n = 253).	99
Jadual 123 : Keputusan Analisis Varians (ANOVA) Prinsip Pengelolaan & Pelaksanaan dalam Sistem Pengurusan Panitia Mata Pelajaran di SKPC, SKPM dan SKPS (n = 253).	100

SENARAI JADUAL

JADUAL	Muka Surat
Jadua124: Keputusan Ujian HSD Tukey bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah yang Signifikan (n = 253).	100
Jadua125: Keputusan Analisis Varian (ANOVA) Prinsip Kepimpinan dalam Sistem Pengurusan Panitia Mata Pelajaran di SKPC, SKPM dan SKPS (n = 253).	101
Jadua126: Keputusan Ujian HSD Tukey bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah yang Signifikan (n = 253).	101
Jadua127: Keputusan Analisis Varian (ANOVA) Prinsip Penyeliaan & Pengawalan dalam Sistem Pengurusan Panitia Mata Pelajaran di SKPC, SKPM dan SKPS (n = 253).	102
Jadual28: Keputusan Ujian HSD Tukey bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah yang Signifikan (n = 253).	102
Jadua129: Keputusan Ujian Koefisien Korelasi Hasil Darab Momen Pearson di antara Pencapaian Sekolah dalam Peperiksaan Awam dengan Sistem Pengurusan Kurikulumnya (n = 253).	103
Jadual 30: Keputusan Ujian Koefisien Korelasi Hasil Darab Momen Pearson di antara Pencapaian Mata Pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan Sistem Pengurusan Panitianya (n = 253).	103
Jadua13 1: Keputusan Ujian Koefisien Korelasi Hasil Darab Momen Pearson di antara Pencapaian Mata Pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan Sistem Pengurusan Panitianya Mengikut Mata Pelajaran (n = 253).	104
Jadua132: Min Skor Penguasaan Pengetahuan dan Kemahiran Setiausaha Akademik dalam Pengurusan Kurikulum Secara Keseluruhan (SK) dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 32).	107
Jadua13 3 : Min Skor Penguasaan Pengetahuan dan Kemahiran Ketua Panitia dalam Pengurusan Panitianya Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).	110

SENARAI JADUAL

JADUAL	Muka Surat
Jadua134: Min Skor dan Kedudukan Masalah-Masalah Utama dalam Pengurusan Panitia Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).	112
Jadua135: Min Skor Item-Item Prinsip Perancangan dalam Pengurusan Panitia Mata Pelajaran Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).	117
Jadua136: Min Skor Item-Item Prinsip Pengelolaan dan Pelaksanaan dalam Pengurusan Panitia Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).	121
Jadua137: Min Skor Item-Item Prinsip Kepimpinan dalam Pengurusan Panitia Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).	124
Jadua138: Min Skor Item-Item Prinsip Penyeliaan dan Pengawalan dalam Pengurusan Panitia Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).	126
Jadua139: Min Skor Item-Item Perancangan dalam Sistem Pengurusan Kurikulum Mengikut Kategori Sekolah dan Secara Keseluruhan (n = 32).	130
Jadual 40: Min Skor Item-Item Pengelolaan dan Pelaksanaan dalam Pengurusan Kurikulum Sekolah Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori (n = 32).	133
Jadua14 1: Min Skor Item-Item Prinsip Kepimpinan dalam Pengurusan Kurikulum Sekolah Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori (n = 32).	135
Jadua142: Min Skor Item-Item Prinsip Penilaian dan Pengawalan dalam Pengurusan Kurikulum Sekolah Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori (n = 32).	137

SENARAI RAJAH

RAJAH		Muka Surat
Rajah 14:	Graf Min Skor Penguasaan Pengetahuan dan Kemahiran Ketua Panitia dalam Pengurusan Panitianya Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).	109
Rajah 15:	Carta Bar Min Skor Masalah-Masalah Utama dalam Pengurusan Panitia Secara Keseluruhan dan Mengikut Item (n = 253).	114
Rajah 16:	Graf Min Skor Masalah-Masalah Utama dalam Pengurusan Panitia di SKPC Mengikut Item (n = 73).	115
Rajah 17:	Min Skor Masalah-Masalah Utama dalam Pengurusan Panitia di SKPM Mengikut Item (n = 112).	115
Rajah 18:	Min Skor Masalah-Masalah Utama dalam Pengurusan Panitia di SKPS Mengikut Item (n = 68).	116

SENARAI RAJAH

RAJAH	Muka Surat
Rajah 1: Model Kajian Pengurusan Kurikulum Sekolah.	29
Rajah 2: Model Kajian Pengurusan Panitia Mata Pelajaran.	31
Rajah 3: Proses Pengurusan (POLC) & Elemen-Elemen Asasnya.	37
Rajah 4: Corak Perkembangan Kurikulum.	41
Rajah 5: Struktur Organisasi Kurikulum Sekolah Menengah.	50
Rajah 6: Struktur Organisasi Panitia Mata Pelajaran.	51
Rajah 7: Carta Pai Peratus Sekolah dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana (n = 32).	88
Rajah 8: Carta Pai Peratus Panitia Mata Pelajaran dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana (n = 253).	88
Rajah 9: Carta Bar Bilangan Sekolah dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana Mengikut Prinsip-Prinsip Pengurusan (n = 32).	90
Rajah 10: Carta Bar Bilangan Panitia Mata Pelajaran dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana Mengikut Prinsip-Prinsip Pengurusan (n = 253).	91
Rajah 11: Carta Bar Perbezaan Min Skor Sistem Pengurusan Kurikulum di SKPC, SKPM dan SKPS Secara Keseluruhan dan Mengikut Prinsip-Prinsipnya (n = 32).	95
Rajah 12: Carta Bar Perbezaan Min Skor Sistem Pengurusan Panitia di SKPC, SKPM dan SKPS Secara Keseluruhan dan Mengikut Prinsip-prinsipnya (n = 253).	95
Rajah 13: Graf Min Skor Penguasaan Pengetahuan dan Kemahiran Setiausaha Akademik dalam Pengurusan Kurikulum Sekolahnya Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 32).	109

PENGENALAN KEPADA PERMASALAHAN KAJIAN

1.1 PENDAHULUAN

Wawasan 2020 merupakan matlamat yang telah ditetapkan oleh Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju seutuhnya menjelang 2020, maju dalam semua dimensi - ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya. Kemajuan **menurut** acuan **kita** sendiri, dibangunkan dan ditumbuhkan dari potensi, warisan dan tradisi **kita** sendiri. Demikianlah yang ditegaskan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamed (1992) :

Kita perlu menjadi negara yang maju **menurut** acuan **kita** sendiri. Malaysia tidaklah harus menjadi negara yang maju dari segi ekonominya semata-mata. Negara **kita** mestilah menjadi negara maju dari segala segi: dari segi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, kejiwaan dan kebudayaan. Kita hendaklah mencapai kemajuan sepenuhnya dari segi perpaduan negara dan kesepaduan sosial, dari segi ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem pemerintahan, mutu kehidupan, nilai-nilai sosial dan kerohanian, selain mempunyai rasa bangga dan keyakinan akan **bangsa** sendiri.

Justeru itu, Wawasan 2020 memberikan implikasi yang **besar** kepada semua lapangan kehidupan, terutama sekali kepada sektor pendidikan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Hussein Ahmad (199 1) :

Pendidikan adalah satu proses dan Wawasan 2020 adalah satu matlamat.

Justeru itu, peranan penting pendidikan bagi menyumbangkan ke arah pencapaian matlamat Wawasan 2020 memang sudah tidak dapat dinafikan lagi. Matlamat tersebut hanya akan sepenuhnya tercapai melalui sistem pendidikan yang sistematik, berkesan dan bermutu.

Wawasan 2020 juga bersifat futuristik dan sangat mencabar (Hussien Ahmad, 1991). Ini kerana, untuk mencapai pembangunan yang seimbang, negara perlu menggunakan pendekatan yang bersepadu. Ia meliputi bidang pembangunan kemanusiaan (insan) daripada perspektif yang betul, ekonomi, sosial, politik budaya dan pendidikan yang berteraskan empat unsur utama; intelek, rohani, jasmani dan emosi. Dalam hal ini, pelaksanaan dasar PENDIDIKAN yang berkesan dan sistematik merupakan faktor terpenting ke arah pencapaian semua matlamat tersebut.

Sehubungan dengan ini, pendidikan yang berterusan seperti yang tercatat dalam pernyataan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang telah digubal lebih awal sebelum Wawasan 2020, hendaklah dijadikan paksi yang kukuh dan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh. Berikutan dengan ini juga, beberapa reformasi pendidikan telah dan sedang diusahakan untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi kemampuan sistem pendidikan bagi memenuhi keperluan semasa dan cabaran masa muka. Usaha-usaha ini adalah untuk memastikan hasrat FPN dan matlamat Wawasan 2020 menjadi kenyataan.

Hussein Ahmad (1992), melihat reformasi pendidikan sebagai usaha yang pelbagai ke arah memperbaiki kedua-dua aspek teori dan amalan dalam pendidikan. Reformasi pendidikan yang telah bermula sejak 1965 lagi ialah untuk mempertingkatkan mutu pendidikan dari kedua-dua aspek tersebut. Bidang pendidikan khasnya bidang kurikulum bersifat dinamik. Ia terus berkembang untuk memenuhi keperluan semasa. Ringkasan sejarah

reformasi pendidikan sebagaimana yang dinyatakan oleh Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid b. Mohd Noordin (1993) ialah:

Pada tahun 1965, sistem pendidikan komprehensif telah dilaksanakan. Semua pelajar secara automatik meningkat dari sekolah rendah ke Tingkatan 1 dan pendidikan sarwajagat diluaskan daripada 6 tahun kepada 9 tahun. Kini, Jawatankuasa Kabinet mengkaji pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) bercadang untuk melanjutkan tempoh tersebut kepada 11 tahun. Reformasi pendidikan semakin berkembang pada dekad SO-an, lebih-lebih lagi dengan pengungkapan rasmi FPN pada tahun 1988, implikasinya jauh lebih besar dan mendalam berbanding dengan siri reformasi yang dilakukan sebelum ini. Antaranya yang paling penting dan utama ialah reformasi Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM).

Sejak mencapai kemerdekaan, reformasi kurikulum di sekolah-sekolah di Malaysia telah berlaku dengan kadar yang pesat. Penyata Razak (1956) telah mengesyorkan reformasi kurikulum berkaitan penggunaan Sukatan Pelajaran dan Jadual Waktu yang seragam bagi semua sekolah di Malaysia. Laporan Abdul Rahman Talib (1960) membawa reformasi seperti, pendidikan sekolah rendah yang percuma dan pengenalan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar utama. Pada tahun 1979, dengan terbitnya Laporan Jawatankuasa Kabinet, sekali lagi reformasi kurikulum secara besar-besaran diadakan. Perakuan-perakuan dalam laporan ini menyentuh aspek-aspek seperti peningkatan mutu kurikulum sekolah, pendidikan guru, perancangan dan pengurusan pendidikan, pembekalan khidmat sokongan dan pengenalan beberapa inovasi pendidikan.

Perakuan-perakuan laporan tersebut terutamanya perakuan peningkatan mutu kurikulum sekolah serta perancangan dan pengurusan pendidikan membawa kepada reformasi sistem pengurusan sekolah.

Pengurusan dalam bidang pendidikan di Malaysia boleh dianggap sebagai 'pendatang baru'. Kesedaran terhadap kepentingan bidang ini di kalangan para pendidik tanah air adalah agak lewat (Abdul Rahman Mat, 1992). Menurut beliau, perkembangan pendidikan di negara ini, khususnya dalam bidang pengurusan atau pentadbiran pendidikan secara lebih saintifik dan sistematik, hanya bermula selepas penubuhan Bahagian Perancangan Penyelidikan Pendidikan (EPRD) pada awal dekad 1970-an. Kemudian, lahirlah beberapa bahagian lain di Kementerian Pendidikan seperti Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), Lembaga Peperiksaan, Unit Kesihatan dan Unit Perpustakaan Teknologi. Bermula daripada sinilah, golongan pendidik tanah air mula sedar dan mula prihatin tentang perancangan, penyelidikan, penilaian dan akauntabiliti dalam dunia pendidikan. Menurut beliau, sebelum ini, pengurusan saintifik yang mengambil teori daripada model pengurusan dari bidang korporat atau 'business world' belum dipraktikkan. Sistem pengurusan dan pentadbiran pendidikan kebanyakannya dilaksanakan secara 'ad hoc', secara intuitif dan secara cuba jaya.

Rita Yiah (1993), menyatakan, sistem pendidikan Malaysia telah menempuh tiga 'gelombang' reformasi. 'Gelombang Pertama' reformasi pendidikan pada sekitar tahun 1960-an dan 1970-an ialah apabila prinsip pendidikan rendah sejagat telah diterima dan Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. 'Gelombang Kedua' reformasi pendidikan berpuncak dengan pelaksanaan KBSR dan KBSM yang masing-masing mula dilaksanakan pada 1982/1983 dan 1988/1989. 'Gelombang Ketiga' reformasi pendidikan yang sedang kita alami sekarang adalah berkisar mengenai sistem pengurusan sekolah yang meliputi berbagai-bagai aspek seperti pengurusan kurikulum, kokurikulum, pengurusan pejabat, pengurusan sumber manusia, kepimpinan, perkhidmatan penyayang dan lain-lain lagi.

Di antara aspek pengurusan sekolah, bidang pengurusan kurikulum merupakan antara aspek yang terpenting dan telah mendapat perhatian utama sejak akhir-akhir ini. Sebelum ini perhatian pihak atasan dan pihak sekolah lebih tertumpu kepada proses pengajaran dan pembelajaran tanpa memberi perhatian sama kepada proses pengurusannya. Walau bagaimanapun apabila KBSR dan KBSM dilaksanakan di sekolah-sekolah, semua pihak telah memberi perhatian kepada bidang tersebut. Ini adalah untuk memastikan matlamat KBSR dan KBSM tercapai sepenuhnya.

Faktor utama kejayaan sesuatu reformasi kurikulum tidak semata-mata terletak pada perancangan yang mantap dan berterusan di peringkat atas, malah yang lebih penting ialah keberkesanan pelaksanaan reformasi tersebut di peringkat pelaksanaan yang paling bawah. Oleh yang demikian, pelaksanaan kurikulum di peringkat sekolah, khususnya di dalam bilik darjah, merupakan faktor penentu kejayaan reformasi tersebut. Betapa pun rapinya perancangan sesuatu reformasi di peringkat atasan, tetapi jika pelaksanaannya di peringkat sekolah tidak sistematik, tidak terancang dan pihak pengurusan sekolah tidak peka terhadap nilai dan aspirasi yang hendak dicapai, maka perubahan yang diharapkan tidak akan berlaku (Anas Ahmad, 1988).

Apabila menyedari fenomena ini, satu bentuk penguatkuasaan dari aspek pengurusan kurikulum telah wujudkan oleh pihak atasan. Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan yang telah diberi tanggungjawab seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pelajaran 196 1 sebagai badan pengawal keutuhan mutu pendidikan di sekolah-sekolah negara ini, dari semasa ke semasa telah menjalankan penyeliaan pengajaran-pembelajaran dan pengurusannya. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) juga turut memainkan peranan dengan menjalankan penyeliaan di sekolah-sekolah, di negeri dan daerah masing-masing.

Apabila KBSR dan KBSM dilaksanakan di peringkat sekolah, masing-masing pada tahun 1982 dan 1988, bidang pengurusan kurikulum menjadi semakin penting. Pada tahun 1989, Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan telah menerbitkan Buku Panduan Penyeliaan untuk beberapa mata pelajaran. Buku-buku panduan tersebut mengandungi panduan bagaimana hendak menyelia aspek pengajaran-pembelajaran sesuatu mata pelajaran dan pengurusan mata pelajaran tersebut. Contoh borang penyeliaan untuk aspek-aspek tersebut juga disertakan. Dengan ini, tugas penyeliaan di peringkat sekolah boleh dilakukan sama ada oleh Pengetua, Penolong Kanan, Ketua Bidang atau Ketua Panitia. Usaha-usaha ini adalah untuk memastikan semua pelaksanaan reformasi kurikulum terutamanya KBSR dan KBSM yang sedang berjalan sekarang berjalan lancar seperti yang dirancang.

Kurikulum bolehlah dianggap sebagai nadi kepada sesebuah sekolah. Dalam pengertian yang luas kurikulum adalah segala-galanya bagi sesebuah sekolah. Oleh yang demikian, pengurusan kurikulum adalah satu bidang yang amat penting. Ia sama penting dengan proses pengajaran-pembelajaran. Justeru itu, kedua-dua aspek pengajaran-pembelajaran dan pengurusannya perlu diberi perhatian yang sama. Penyeliaan pengurusan kurikulum sekolah dan panitia-panitia mata pelajaran hendaklah dijalankan dari semasa ke semasa oleh pihak pengurusan sekolah supaya semua program kurikulum sekolah dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Perlu diambil perhatian bahawa isu pengurusan kurikulum masa kini bukan sahaja berkisar mengenai bagaimana hendak memaksimumkan pencapaian murid dalam peperiksaan tetapi juga kepada masalah bagaimana untuk melahirkan pelajar yang seimbang dan harmonis dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelek. Oleh yang demikian, peranan Pengetua, Penolong Kanan 1 (PK1), Ketua Bidang, Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia dalam

usaha untuk menguruskan reformasi kurikulum yang sistematik dan berkesan bagi menghasilkan pelajar yang memenuhi FPN dan berani menahuti cabaran 2020 semakin mencabar.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Meja Pengarang Jumal Pengurusan Pendidikan (1992), menggambarkan isu pengurusan pendidikan masa kini seperti berikut:

Mutu pendidikan bukan sahaja berkait dengan mutu pengajaran termasuk sikap guru dan kesediaan murid untuk belajar, tetapi juga dipengaruhi oleh faktor bagaimana pendidikan yang bermutu boleh diwujudkan melalui pengurusan pendidikan yang bukan sahaja bersistem, berkesan dan cekap tetapi harmonis dan berteraskan ilmu.

Oleh kerana menyedari betapa pentingnya pengurusan yang sistematik diwujudkan dan diamalkan di sekolah-sekolah, maka usaha-usaha telah diambil terutama oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk memperkenalkan stail dan sistem pengurusan berkesan di sekolah. Berbagai-bagai seminar dan kursus telah dikendalikan berdasarkan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan penyusunan semula sekolah. Antaranya yang diberi penekanan ialah pengurusan kurikulum sekolah.

Pada dasarnya, kurikulum semua mata pelajaran kini menitikberatkan proses pendidikan yang bersifat 'menyeluruh' dan seimbang di dalam semua aspek perkembangan individu yang meliputi perkembangan intelek, rohani, emosi dan jasmani (Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, 1989) . Ciri-ciri ini jelas terkandung dalam FPN. Untuk mencapai matlamat ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah dan sedang giat mengusahakan berbagai-bagai

reformasi dan program kurikulum di semua peringkat dari Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) hingga ke sekolah-sekolah.

Sejauh mana program dan reformasi yang dirancang mencapai matlamat yang dihasratkan, banyak bergantung kepada kecekapan sistem pengurusan di peringkat sekolah. Sehubungan dengan ini, semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan kurikulum peringkat sekolah terutamanya para Pengetua, Penolong Kanan 1, Ketua Bidang, Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia haruslah benar-benar dapat memainkan peranan masing-masing sebagai pemimpin ikhtisas dalam pelaksanaan program kurikulum sekolah masing-masing. Mereka seharusnya berkeupayaan untuk merancang, melaksana, mengawal dan menilai apa jua program kurikulum di peringkat sekolah. Mereka sepatutnya juga berupaya memberikan pandangan, panduan, dan bimbingan profesional kepada guru-guru yang mengajar. Guru-guru pula perlulah bertindak bukan sahaja sebagai pelaksana kurikulum yang telah digubal, bahkan lebih penting lagi mereka hendaklah menjadi agen inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna guru hendaklah berkemahiran menyampaikan pengajaran kepada pelajar dari pelbagai kebolehan.

Sejauh manakah amalan pengurusan kurikulum yang berkesan dan cemerlang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah pada hari ini? Sejauh manakah ilmu pengurusan yang diperolehi oleh Pengetua dan Penolong-Penolong Kanan melalui kursus-kursus yang diikuti oleh mereka telah dipraktikkan di sekolah masing-masing?

Untuk mengetahuinya, periu ada satu sistem pengesanan dan pengawalan untuk mengukur keberkesanan dan akauntabiliti pengurusan kurikulum yang telah diamalkan di sekolah-sekolah pada hari ini. Sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd (1993):

Pengesanan merupakan salah satu fungsi pengurusan dan salah satu komponen penting dalam proses kurikulum. Maksudnya pengurusan kurikulum tidak akan sempurna tanpa pengesanan.

Pengesanan dan pengukuran ini perlu untuk semua pihak yang terlibat menilai sejauh mana amalan pengurusan kurikulum yang cemerlang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah. Dapatan kajian boleh menjadi garis panduan untuk tindakan-tindakan tertentu bagi meningkatkan lagi mutu pengurusan kurikulum, terutamanya di sekolah-sekolah yang masih rendah mutu pengurusan kurikulumnya.

Antara isu lain yang sering dipersoalkan oleh golongan pendidik ialah, adakah sistem dan stail pengurusan kurikulum yang cemerlang dan berkesan boleh mempengaruhi pencapaian akademik sesebuah sekolah dalam Peperiksaan Awam? Berdasarkan kepada laporan keputusan PMR dan SPM didapati, pencapaian sekolah-sekolah di luar bandar ada yang lebih cemerlang daripada sekolah-sekolah bandar. Dalam daerah yang sama pun, keputusan Peperiksaan Awam di antara satu sekolah dengan sekolah yang lain jauh berbeza walaupun latar belakang dan kebolehan pelajar adalah sama. Antara alasan yang sering didengar ialah sekolah-sekolah yang cemerlang telah mengamalkan budaya pengurusan kurikulum yang berkesan. Sejauh manakah kebenaran isu ini? Budaya pengurusan kurikulum yang bagaimanakah yang menghasilkan kecemerlangan akademik sekolah-sekolah tersebut? Ini adalah antara persoalan-persoalan yang ingin dikaji oleh penyelidik.

Merujuk kepada sistem pengurusan panitia mata pelajaran, adalah dipercayai bahawa kecemerlangan pencapaian sesuatu mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam sedikit sebanyak dipengaruhi oleh sejauh mana aktifnya panitia tersebut melaksanakan aktiviti-aktiviti kurikulum terutamanya yang

ada kaitan dengan peningkatan prestasi peperiksaan. Setakat ini belum ada kajian yang membuktikan wujudnya hubungan tersebut.

Untuk memastikan semua aktiviti kurikulum sekolah dapat dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan, Setiausaha Akademik sekolah seharusnya mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kurikulum sekolah dan Ketua Panitia berkemahiran dalam pengurusan panitia masing-masing. Oleh itu, perlu ada pengesanan untuk mengetahui sejauh manakah pengetahuan dan kemahiran yang telah dikuasai oleh mereka. Pemilihan Setiausaha Akademik sekolah dan Ketua Panitia sepatutnya mengikut garis panduan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu berdasarkan kelayakan akademik dan ikhtisas, pengalaman mengajar, prestasi kerja, dan sifat-sifat kepimpinan (Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, 1989).

Pengesanan pengurusan kurikulum sekolah dan pengurusan panitia tidak lengkap tanpa mengkaji sekali masalah-masalah yang sering dihadapi, terutama sekali oleh Ketua Panitia dalam menguruskan panitianya. Ini kerana, kegagalan sesuatu panitia bergerak aktif mungkin disebabkan oleh beberapa masalah. Masalah-masalah tersebut perlu dikaji untuk diambil langkah-langkah bagi mengatasinya. Ini adalah untuk memastikan setiap panitia mata pelajaran dapat memainkan peranan sebagai pelaksana reformasi kurikulum di peringkat sekolah dengan lebih berkesan dan sistematik.

Antara faktor lain yang mendorong penyelidik untuk membuat kajian ini ialah kurangnya penyelidikan pendidikan dalam bidang pengurusan kurikulum sekolah. Sehingga hari ini, tidak banyak kajian tempatan yang dijalankan ke atas isu-isu yang berkaitan pengurusan kurikulum sekolah. Penyelidik-penyelidik pendidikan lebih tertumpu kepada bidang kurikulum

yang lain terutamanya bidang pedagogi. Adalah diharapkan dapatan kajian dapat memberikan satu contoh sistem pengurusan kurikulum sekolah cemerlang untuk dikongsi bersama oleh sekolah-sekolah lain.

1.3 KEPENTINGAN KAJIAN

Pengurusan kurikulum sekolah yang bersistem, berkesan, dan bermatlamat dapat menyumbangkan ke arah pembentukan fizikal, emosi (sikap), nilai murni dan daya juang pelajar. Seterusnya ia dapat melahirkan pelajar seperti yang dikehendaki oleh FPN dan mampu menjadi rakyat yang berani menahkod cabaran Wawasan 2020. Oleh itu, sistem pengesanan berterusan perlu dijalankan untuk menilai sejauh manakah sistem pengurusan kurikulum dan panitia mata pelajaran yang sistematik dan berkesan telah diamalkan di sekolah-sekolah menengah pada hari ini.

Justeru itu, antara kepentingan kajian ini ialah untuk mengesan sejauh mana keberkesanan sistem tersebut telah dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah pada hari ini. Dapatan pengesanan boleh digunakan oleh banyak pihak di semua peringkat, daripada Kementerian Pendidikan hingga ke peringkat sekolah untuk dijadikan panduan dan untuk diambil tindakan.

Pada tahun 1989, Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan Buku Panduan Penyeliaan bagi beberapa mata pelajaran seperti Matematik, Sains, Bahasa Malaysia, Sejarah Geografi dan lain-lain lagi. Buku-buku tersebut mengandungi garis panduan pengurusan kurikulum sekolah dan pengurusan panitia mata pelajaran. Oleh itu, di peringkat Kementerian Pendidikan, dapatan kajian boleh digunakan oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan untuk mengukur sejauh manakah

panduan sistem pengurusan dan penyeliaan kurikulum dan panitia yang telah disebarkan ke sekolah-sekolah dipraktikkan dan dipatuhi oleh pihak-pihak terlibat terutamanya Pengetua, Penolong Kanan 1, Ketua Bidang, Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia .

Di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri dan Daerah dapatan kajian boleh digunakan sebagai panduan atau perbandingan untuk mengkaji dan menilai semula sistem pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah dalam negeri dan daerah masing-masing.

Di peringkat sekolah, Pengetua, Penolong Kanan 1, Ketua Bidang, Setiausaha Akademik, Ketua Panitia malahan guru-guru juga boleh mendapat faedah daripada dapatan kajian ini terutamanya untuk tujuan memperbaiki dan meningkatkan kualiti sistem pengurusan kurikulum dan penyeliaannya di sekolah masing-masing.

Pengesanan terhadap penguasaan pengetahuan dan kemahiran pengurus-pengurus kurikulum peringkat sekolah terutamanya Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia penting untuk mengetahui sama ada mereka mempunyai pengetahuan, kefahaman dan kemahiran dalam hal-hal yang berkaitan dengan bidang pengurusan kurikulum, sebagaimana yang ditegaskan oleh Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin (1993) :

Seorang pengurus dan pemimpin pendidikan yang baik, dihormati, cekap dan berkesan perlu memiliki ilmu pengetahuan yang luas.

Antara kriteria penting yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan Ketua Panitia ialah pengalaman, kepimpinan, kelayakan akademik, kelayakan ikhtisas dan prestasi kerja. Oleh yang demikian, kajian ini juga penting untuk melihat sama ada pengurus-pengurus kurikulum peringkat sekolah menengah terutamanya Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia memenuhi

kriteria-kriteria tersebut. Dapatan kajian boleh digunakan sebagai panduan oleh semua pihak terlibat, terutama sekali untuk menilai semula penguasaan, pengetahuan dan kefahaman ketua-ketua panitia yang ada di sekolah masing-masing. Jika perlu, boleh diadakan kursus-kursus kepimpinan dan pengurusan kurikulum sekolah kepada mereka yang tahap ilmu pengurusan dan kepimpinannya masih rendah.

Pihak pentadbir sekolah sering memberi penegasan dan penekanan terhadap pentingnya pengurusan kurikulum dan panitia yang sistematik dan berkesan, tetapi mereka kurang prihatin terhadap masalah-masalah utama yang menyebabkan pengurusan panitia mata pelajaran di sekolahnya tidak aktif dan tidak berjalan lancar. Oleh itu, satu lagi kepentingan kajian ini adalah untuk mengesan masalah -masalah tersebut.

Hasil pengesanan masalah-masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan Ketua Panitia dalam pengurusan panitianya boleh digunakan oleh banyak pihak terutama sekali oleh Pengetua-Pengetua sekolah sebagai petunjuk untuk mengetahui sama ada masalah-masalah tersebut juga berlaku di sekolah mereka. Maklumat tersebut juga boleh menjadi garis panduan kepada mereka ketika merancang strategi untuk meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan kurikulum sekolah dan panitia mata pelajaran di sekolah masing-masing.

Dapatan kajian mengenai perbezaan di antara sistem pengurusan kurikulum/panitia di semua kategori sekolah dan mengenai perhubungan di antara sistem pengurusan kurikulum dengan pencapaian akademik berguna untuk semua pihak yang terlibat dengan bidang kurikulum, terutamanya pihak perancang, pelaksana dan pengurus-pengurus kurikulum di semua peringkat. Ini kerana dapatan-dapatan tersebut, boleh dijadikan

panduan untuk meningkatkan sistem pengurusan kurikulum dan sistem pengurusan panitia, terutamanya di peringkat sekolah.

Dapatan kajian boleh menjadi sumber pengetahuan yang boleh dikongsi bersama oleh semua golongan pendidik, terutamanya pengetua-pengetua dan pentadbir-pentadbir sekolah. Dapatan mengenai ciri-ciri pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah cemerlang boleh menjadi sebagai model untuk dicontohi oleh semua pihak yang terlibat dengan kurikulum sekolah terutamanya dalam bidang pengurusannya di peringkat sekolah.

Akhir sekali, kajian ini sangat penting sebagai perintis kepada kajian-kajian berikutnya, terutamanya yang berkaitan dengan isu pengurusan kurikulum sekolah. Dapatan kajian boleh digunakan oleh penyelidik-penyelidik pendidikan yang akan datang untuk dijadikan panduan dan perbandingan dengan dapatan-dapatan kajian yang akan diperolehi oleh mereka. Dengan ini, adalah diharapkan ilmu pengurusan kurikulum sekolah akan terus maju dan berkembang.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu objektif umum dan objektif khusus.

Objektif umum kajian ini ialah untuk meninjau sejauh manakah amalan pengurusan kurikulum yang sistematik, berkesan dan cemerlang telah diamalkan oleh sekolah-sekolah menengah pada hari ini.

Kajian ini mengandungi 6 objektif khusus seperti berikut:

1. Untuk menentukan sama ada wujud perbezaan di antara sistem pengurusan kurikulum/panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang (SKPC) , Sekolah kategori Pencapaian Memuaskan (SKPM) dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana (SKPS).
2. Untuk menentukan sama ada pencapaian sesebuah sekolah dalam Peperiksaan Awam dipengaruhi oleh sistem pengurusan kurikulum sekolah tersebut atau tidak.
3. Untuk menentukan sama ada pencapaian sesuatu mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam dipengaruhi oleh sistem pengurusan panitianya atau tidak.
4. Untuk mengesan sejauh manakah tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Setiausaha Akademik dalam pengurusan kurikulum sekolah dan Ketua Panitia dalam pengurusan panitianya.
5. Untuk mengesan masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Ketua Panitia dalam pengurusan panitianya.
6. Untuk mengenal pasti item-item dalam pengurusan kurikulum dan pengurusan panitia yang masih kurang memuaskan.

1.5 KENYATAAN SOALAN KAJIAN

Berpandukan objektif kajian di atas, 7 soalan kajian telah dibentuk. Tujuannya adalah untuk memudahkan prosedur kajian, terutamanya untuk

bahagian perbincangan keputusan kajian dan kesimpulan kajian dalam Bab 4 dan 5. Bahagian-bahagian ini akan dibincangkan berdasarkan soalan-soalan kajian berikut:

1. Sejauh manakah budaya pengurusan kurikulum yang sistematik, berkesan dan cemerlang telah diamalkan di sekolah-sekolah menengah pada hari ini?
2. Adakah wujud perbezaan di antara sistem pengurusan kurikulum sekolah dan sistem pengurusan panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang (SKPC), Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan (SKPM) dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana (SKPS)? Adakah perbezaan yang wujud di antara sistem pengurusan panitia di SKPC, SKPM dan SKPS signifikan?
3. Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara pencapaian sekolah dalam Peperiksaan Awam dengan sistem pengurusan kurikulumnya?
4. Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara pencapaian mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan sistem pengurusan panitianya?
5. Sejauh manakah pengetahuan, kemahiran dan kefahaman yang telah dikuasai oleh Setiausaha Akademik Sekolah dalam pengurusan kurikulum sekolahnya dan Ketua Panitia Mata Pelajaran dalam pengurusan panitianya di semua kategori sekolah?
6. Apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Ketua Panitia dalam pengurusan panitianya di semua kategori sekolah?

7. Apakah item-item dalam pengurusan kurikulum sekolah dan pengurusan panitia mata pelajaran yang masih kurang memuaskan ?

1.6 HIPOTESIS KAJIAN

Berpandukan Objektif dan soalan-soalan kajian, 5 hipotesis kajian telah dibentuk. Hipotesis tersebut perlu dibuktikan untuk menjawab sebahagian daripada soalan-soalan kajian pada 1.5. Setiap hipotesis kajian mengandungi Hipotesis 'Null' dan Hipotesis Alternatif. Tujuannya supaya, jika Hipotesis 'Nul' ditolak, Hipotesis Alternatifnya boleh diterima. Sebaliknya jika Hipotesis 'Nul' diterima, Hipotesis Alternatifnya akan di tolak. Berikut adalah hipotesis-hipotesis tersebut:

1. Hipotesis 'Null':

Sistem pengurusan panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang sama dengan sistem pengurusan panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan.

Hipotesis Alternatif:

Sistem pengurusan panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang lebih baik daripada sistem pengurusan panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan.

2. Hipotesis 'Null':

Sistem pengurusan panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang sama dengan sistem pengurusan panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana.

Hipotesis Alternatif

Sistem pengurusan panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang lebih baik daripada sistem pengurusan panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana.

3. Hipotesis 'Null':

Sistem pengurusan panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan sama dengan sistem pengurusan panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana.

Hipotesis Alternatif:

Sistem pengurusan panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan lebih baik daripada sistem pengurusan panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana.

4. Hipotesis 'Null'

Tidak terdapat hubungan signifikan di antara sistem pengurusan kurikulum sekolah dengan pencapaian sekolah dalam Peperiksaan Awam.

Hipotesis Alternatif

Terdapat hubungan yang signifikan di antara sistem pengurusan kurikulum sekolah dengan pencapaian sekolah dalam Peperiksaan Awam.

5. Hipotesis 'Null'

Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara sistem pengurusan panitia mata pelajaran dengan pencapaian mata pelajaran tersebut dalam Peperiksaan Awam.

Hipotesis Alternatif:

Terdapat hubungan yang signifikan di antara sistem pengurusan panitia sesuatu mata pelajaran dengan pencapaian mata pelajaran tersebut dalam Peperiksaan Awam.

1.7 BATASAN KAJIAN

1. Di Negeri Selangor Darul Ehsan, sehingga 1993, terdapat 117 buah sekolah menengah yang terletak di dalam 9 buah daerah iaitu Daerah Kuala Selangor, Daerah Sabak Bernam, Daerah Petaling, Daerah Gombak, Daerah Klang, Daerah Sepang, Daerah Kuala Langat, Daerah Hulu Langat dan Daerah Hulu Selangor. Untuk memudahkan kajian dan kerana beberapa kekangan terutamanya faktor masa, penyelidik hanya memilih sekolah-sekolah di 4 buah daerah sahaja iaitu Daerah Kuala Selangor (11 buah sekolah), Daerah Sabak Bernam (9 buah sekolah), Daerah Kuala Langat (11 buah sekolah) dan Daerah Sepang (4 buah sekolah). Daerah-daerah ini dipilih kerana sekolah-sekolah dalam daerah ini memenuhi kriteria sampel sekolah yang hendak dikaji. Antara kriteria tersebut ialah semua sekolah dalam daerah ini ialah sekolah luar bandar dan terdapat sekolah yang boleh dikategorikan sebagai Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang, Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana.
2. Jumlah sekolah yang dikaji untuk setiap kategori tidak sama. Jumlah sekolah yang dikaji untuk Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang, Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana masing-masing ialah 10, 15 dan 8. Jumlah ini

tidak sama kerana kebanyakan sekolah di daerah yang dipilih termasuk dalam Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan. Walau bagaimanapun jumlah tersebut mencukupi dan masih boleh mewakili sekolah-sekolah menengah luar bandar di Negeri Selangor. Ini kerana, kebanyakan data yang dikaji dianalisis menggunakan min.

3. Untuk memudahkan penyelidikan, penyelidik hanya menggunakan keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) sebagai ukuran pencapaian sekolah dan pencapaian sesuatu mata pelajaran. Oleh itu, hanya Ketua-Ketua Panitia bagi mata pelajaran yang terlibat dalam PMR sahaja dipilih sebagai responden. Mata pelajaran yang dipilih ialah Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Geografi, Sejarah, Pendidikan Islam dan Kemahiran Hidup 1. Mata pelajaran ini juga dipilih kerana panitia bagi mata pelajaran-mata pelajaran tersebut wujud di setiap sekolah. Oleh itu, mudah untuk dibuat perbandingan antara sekolah-sekolah yang dikaji.
4. Untuk membahagikan sekolah kepada Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang, Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana penyelidik hanya menggunakan keputusan Peperiksaan PMR dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk dua tahun berturut-turut sahaja iaitu, tahun 1993 dan 1994. Ini kerana pelaksanaan Peperiksaan PMR baru menjangkau dua tahun. Begitu juga Peperiksaan SPM berasaskan KBSM pun baru dua tahun usianya. Keputusan Peperiksaan PMR dan SPM tahun-tahun sebelumnya tidak berapa sesuai untuk diambil kira kerana kaedah penilaiannya berbeza.

5. Untuk mendapatkan maklumat mengenai sistem pengurusan kurikulum sekolah, penyelidik hanya menggunakan Setiausaha Akademik sahaja. Penyelidik tidak menggunakan guru-guru lain yang juga terlibat dengan pengurusan kurikulum sekolah seperti Pengetua, Penolong Kanan 1 dan Ketua Bidang kerana item-item dalam soal selidik berbentuk pengesanan yang memerlukan responden menggariskan tahap pengurusan kurikulum yang di bawah tanggungjawabnya. Oleh itu, jawapan dan maklumat daripada Setiausaha Akademik difikirkan lebih tepat dan benar kerana mereka lebih mengetahui perkembangan kurikulum sekolah berbanding guru-guru lain. Atas alasan yang sama juga, hanya Ketua Panitia sahaja yang dipilih untuk mendapatkan maklumat mengenai sistem pengurusan panitia yang di bawah tanggungjawabnya.
6. Kebanyakan Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia di sekolah-sekolah di Negeri Selangor masih baru dalam tugas masing-masing. Ini kerana sistem kenaikan pangkat yang berlaku setiap tahun. Oleh yang demikian, dalam kajian ini, tempoh pengalaman responden tidak diambil kira. Ini kerana, walaupun mereka baru mempunyai pengalaman kurang daripada setahun, tetapi maklumat yang diberikan masih boleh dipercayai kerana sebelum mereka menjadi Setiausaha Akademik, biasanya mereka telah menjadi Ketua Panitia atau Ahli Jawatan Kuasa Kurikulum Sekolah. Begitu juga, sebelum menjadi Ketua Panitia bagi sesuatu mata pelajaran, biasanya mereka telah menjadi ahli panitia. Oleh yang demikian, mereka dianggap telah tahu akan perkembangan pengurusan kurikulum sekolah dan perkembangan pengurusan panitia mata pelajarannya.
8. Sela peratus skor untuk menggariskan sistem pengurusan kurikulum/panitia kepada pengurusan kurikulum/panitia cemerlang

(peratus skor 76 ke atas), memuaskan (peratus skor 66 - 75) dan sederhana (peratus skor 66 ke bawah) adalah berdasarkan andaian penyelidik sendiri. Ini kerana penyelidik belum menemui sebarang maklumat daripada kajian-kajian lepas yang boleh digunakan sebagai rujukan untuk membentuk sela yang sesuai. Ini mungkin kerana, kajian mengenai sistem pengurusan kurikulum/panitia masih terlalu kurang. Walau bagaimanapun sela yang dipilih dianggap sesuai kerana item-item dalam soal selidik merupakan aktiviti-aktiviti dan program-program rutin yang memang sepatutnya dilaksanakan oleh sekolah dan panitia. Pemilihan sela tersebut juga dilakukan untuk memudahkan penyelidik mengenalpasti bilangan sekolah/panitia yang sistem pengurusan kurikulum/panitianya boleh dianggap sebagai cemerlang, memuaskan dan sederhana.

1.8 DEFINISI KONSEP UTAMA

1. Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang (SKPC), Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan (SKPM) dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana (SKPS).

Pembahagian sekolah kepada Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang (SKPC), Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan (SKPM) dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana (SKPS) adalah berdasarkan keputusan peperiksaan PMR dan SPM untuk tempoh 2 tahun berturut-turut (1993 - 1994). Berpandukan analisis keputusan Peperiksaan PMR/SPM mengikut susunan kedudukan dalam negeri, sekolah-sekolah dibahagikan kepada tiga bahagian yang sama

banyak, satu pertiga pertama dianggap termasuk dalam Bahagian Pertama, satu pertiga yang kedua dianggap termasuk dalam Bahagian Kedua dan satu pertiga terakhir dianggap termasuk dalam Bahagian Ketiga. Kedudukan sekolah-sekolah dalam 4 buah daerah tersebut disusun semula mengikut pencapaian PMR dan SPM 1993 dan 1994 dan dikategorikan kepada tiga kategori berikut:

(i) Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang (SKPC).

SKPC merujuk kepada sekolah-sekolah yang sering mendapat keputusan yang melebihi keputusan peringkat negeri dan sering termasuk dalam Bahagian Pertama dalam senarai kedudukan dalam negeri.

(ii) Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan (SKPM).

SKPM merujuk kepada sekolah yang keputusannya kerap menghampiri peringkat negeri dan sering termasuk dalam Bahagian Dua dalam senarai kedudukan dalam negeri.

(iii) Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana (SKPS).

SKPS merujuk kepada sekolah yang keputusannya sering rendah daripada peringkat negeri dan kerap termasuk dalam Bahagian Tiga dalam senarai kedudukan dalam negeri.

2. Sistem Pengurusan Kurikulum (SPK)

Sistem Pengurusan Kurikulum (SPK) adalah merujuk kepada sistem pengurusan kurikulum sekolah secara keseluruhan. Ia merujuk

kepada peratus skor yang diperolehi dengan menjumlahkan skor setiap item dalam keempat-empat prinsip pengurusan dalam Bahagian 2 borang soal selidik yang diisi oleh Setiausaha Akademik Sekolah. Berdasarkan peratus skor yang diperolehi, sekolah-sekolah tersebut dibahagikan kepada kategori berikut:

- (i) Sekolah Kategori Pengurusan Kurikulum Cemerlang (SKPKC).

SKPKC merujuk kepada sekolah yang mendapat peratus skor 76 ke atas.

- (ii) Sekolah Kategori Pengurusan Kurikulum Memuaskan (SKPKM).

SKPKM merujuk kepada sekolah yang mendapat peratus skor antara 66 dan 75.

- (iii) Sekolah Kategori Pengurusan Kurikulum Sederhana (SKPKS).

SKPKS merujuk kepada sekolah yang mendapat peratus skor 65 ke bawah.

3. Sistem Pengurusan Panitia (SPP)

Sistem Pengurusan Panitia merujuk kepada peratus skor yang diperolehi dengan menjumlahkan skor setiap item dalam keempat-empat prinsip pengurusan dalam Bahagian 2 borang soal selidik yang diisi oleh Ketua Panitia. Berdasarkan skor yang diperolehi, panitia-panitia tersebut dibahagikan kepada kategori berikut:

- (i) Panitia Kategori Pengurusan Cemerlang (PKPC)
PKPC merujuk kepada panitia mata pelajaran yang mendapat peratus skor 76 ke atas .
 - (ii) Panitia Kategori Pengurusan Memuaskan (PKPM)
PKPM merujuk kepada panitia mata pelajaran yang mendapat peratus skor antara 66 dan 75.
 - (iii) Panitia Kategori Pengurusan Sederhana (PKPS).
PKPS merujuk kepada panitia yang mendapat peratus skor 65 ke bawah.
4. Setiausaha Akademik
Setiausaha Akademik merujuk kepada guru kanan yang dilantik oleh Pengetua sebagai setiausaha Jawatan Kuasa Kurikulum Sekolah. Ia dikenali juga sebagai Setiausaha Kurikulum.
 5. Ketua Panitia (KP)
Ketua Panitia merujuk kepada guru kanan yang dilantik oleh Pengetua sebagai pengerusi sesuatu Panitia Mata Pelajaran.
 6. Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan
Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan ialah badan yang telah diberi tanggungjawab seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pelajaran 196 1 sebagai badan pengawalan keutuhan mutu pendidikan.
 7. Peperiksaan Awam
Peperiksaan Awam merujuk kepada peperiksaan yang diadakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia seperti Peperiksaan Sijil Tinggi

Pelajaran Malaysia (STPM), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan lain-lain lagi.

8. Sekolah Luar Bandar

Sekolah luar bandar merujuk kepada sekolah-sekolah yang terletak di luar bandar atau jauh daripada bandar-bandar besar.

9. Prinsip Pengurusan

Prinsip pengurusan merujuk kepada subbahagian dalam pengurusan iaitu, perancangan, pengelolaan & pelaksanaan, kepimpinan dan penyeliaan & pengawalan. Ia dikenali juga sebagai proses pengurusan.

10. Pengurusan Kurikulum

Pengurusan kurikulum merupakan salah satu subbidang kurikulum yang fungsinya untuk menguruskan segala aktiviti yang terlibat dalam proses perkembangan kurikulum supaya segala aktiviti terlaksana dengan sempurna.

11. Panitia Mata Pelajaran

Panitia Mata Pelajaran ialah sebuah **badan** ikhtisas yang dianggotai oleh semua guru yang mengajar mata pelajaran yang sama dalam sesebuah sekolah.

1.9 MODEL TEORITIS KAJIAN

Jenis kajian ini ialah Kajian Deskriptif yang melibatkan kajian tinjauan dan kajian hubungan. Responden yang dipilih ialah responden dari sekolah luar bandar. Kajian ini melibatkan dua kumpulan responden iaitu Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia. Dua set borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat sistem pengurusan kurikulum dan sistem pengurusan panitia mata pelajaran untuk sesebuah sekolah. Satu set untuk Setiausaha Akademik dan satu set lagi untuk Ketua Panitia. Kandungan item- item dalam kedua-dua soal selidik berbeza kecuali item-item pada Bahagian 3 borang soal selidik.

Tujuan utama kajian ialah untuk meninjau sejauh mana pengurusan kurikulum/ panitia yang sistematik, berkesan dan cemerlang, telah diamalkan di sekolah-sekolah yang dikaji dan untuk mengetahui sama ada wujud perbezaan di antara sistem pengurusan kurikulum/panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang , Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana serta untuk mengetahui sama ada sistem pengurusan kurikulum/panitia mempengaruhi pencapaian sekolah/mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam. Berpanduan tujuan utama kajian ini, dua set model kajian telah dibina (Rajah 1 dan 2) . Model pertama untuk kajian sistem pengurusan kurikulum sekolah dan model kedua untuk kajian sistem pengurusan panitia.

Model Pertama : Kajian Sistem Pengurusan Kurikulum Sekolah


Berasaskan analisis keputusan Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 1993 dan 1994 sekolah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Sekolah Kategori Pencapaian

Cemerlang (SKPC), Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan (SKPM) dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana (SKPS). Sistem pengurusan kurikulum di setiap sekolah dikaji menggunakan borang soal selidik yang diisi oleh Setiausaha Akademik. Item-item dalam borang soal selidik dibahagikan kepada 4 prinsip, iaitu Prinsip Perancangan, Prinsip Pengelolaan & Pelaksanaan, Prinsip Kepimpinan dan Prinsip Penilaian & Pengawalan. Skor setiap item dijumlahkan dan peratus skor untuk setiap prinsip dihitung. Peratus skor setiap prinsip kemudian digunakan untuk mencari peratus skor sistem pengurusan kurikulum secara keseluruhan (Sistem Pengurusan Kurikulum).

Sistem Pengurusan Kurikulum di ketiga -tiga kategori sekolah dianalisis untuk dikelaskan kepada Sekolah Kategori Pengurusan Kurikulum Cemerlang, Sekolah Kategori Pengurusan Kurikulum Memuaskan dan Sekolah Kategori Pengurusan Kurikulum Sederhana. Min skor Sistem Pengurusan Kurikulum (SPK) untuk setiap kategori sekolah juga dihitung untuk mengetahui sama ada wujud perbezaan sistem pengurusan kurikulum di ketiga-tiga kategori sekolah tersebut atau tidak. Min keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 1993 dan 1994 untuk setiap sekolah dihitung. Peratus skor Sistem Pengurusan Kurikulum (SPK) setiap sekolah dan min skor pencapaian PMR kemudian dianalisis menggunakan Ujian Koefisien Korelasi Hasil Darab Momen Pearson untuk menentukan sama ada wujud hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah tersebut atau tidak.

Pembolehubah bebas dalam model kajian ini ialah Prinsip Perancangan, Prinsip Pengelolaan & Pelaksanaan, Prinsip Kepimpinan, Prinsip Penilaian & Pengawalan dan Sistem Pengurusan Kurikulum. Sementara pembolehubah bersandarnya ialah pencapaian sekolah dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR).

Rajah 1: Model Kajian Pengurusan Kurikulum Sekolah




Model Kedua: Kajian Sistem Pengurusan Panitia Mata Pelajaran.

Berasaskan analisis keputusan PMR dan SPM 1993 dan 1994 sekolah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang (SKPC), Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan (SKPM) dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana (SKPS). Sistem pengurusan panitia di setiap sekolah dikaji menggunakan borang soal selidik yang diisi oleh Ketua Panitia Mata Pelajaran. Item-item dalam borang soal selidik dibahagikan kepada 4 prinsip, iaitu Prinsip Perancangan, Prinsip Pengelolaan & Pelaksanaan, Prinsip Kepimpinan dan Prinsip Penilaian & Pengawalan. Skor setiap item dijumlahkan dan peratus skor untuk setiap prinsip dihitung. Peratus skor setiap prinsip kemudian digunakan untuk mencari peratus skor sistem pengurusan panitia secara keseluruhan. Sistem Pengurusan Panitia (SPP) di ketiga-tiga kategori sekolah dianalisis untuk dikelaskan kepada Panitia Kategori Pengurusan Cemerlang (PKPC), Panitia Kategori Pengurusan Memuaskan (PKPM) dan Panitia Kategori Pengurusan Sederhana (PKPS). Min skor Sistem Pengurusan Panitia di setiap kategori sekolah dianalisis menggunakan ANOVA dan Ujian HSD Tukey untuk mengetahui sama ada wujud perbezaan yang signifikan di antara sistem pengurusan kurikulum di ketiga-tiga kategori sekolah tersebut atau tidak. Min pencapaian mata pelajaran dalam PMR 1993 dan 1994 untuk setiap panitia dihitung. Skor Sistem Pengurusan Panitia setiap sekolah dan min skor pencapaian mata pelajarannya dalam PMR kemudian dianalisis menggunakan Ujian Koefisien Korelasi Hasil Darab Momen Pearson untuk menentukan sama ada wujud hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah tersebut atau tidak.

Pembolehubah bebas dalam model kajian ini ialah Prinsip Perancangan, Prinsip Pengelolaan & Pelaksanaan, Prinsip Kepimpinan, Prinsip Penilaian & Pengawalan dan Sistem Pengurusan Panitia. Sementara pembolehubah bersandarnya ialah pencapaian mata pelajaran dalam Peperiksaan PMR.

Rajah 2: Model Kajian Pengurusan Panitia Mata Pelajaran



1.10 RUMUSAN

Keseluruhan isi kandungan Bab 1 merupakan bahagian pengenalan kepada permasalahan kajian. Pendahuluan dalam bab ini membincangkan hubungan penting di antara FPN dan Wawasan 2020, latar belakang reformasi pendidikan dan sejarah perkembangan pengurusan pendidikan di Malaysia, latar belakang dan pentingnya pengurusan kurikulum di sekolah. Pernyataan masalah pula membincangkan peranan pihak sekolah dalam pengurusan kurikulum, pentingnya sistem pengesanan untuk mengukur akauntabiliti sistem pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah pada masa kini dan isu-isu pengurusan kurikulum dan hubungannya dengan pencapaian akademik.

Beberapa kepentingan kajian telah dibincangkan meliputi kepentingan kajian kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, Pengetua, PK1, Ketua Bidang, Ketua Panitia dan guru-guru. Kajian ini mempunyai objektif umum dan 6 objektif khusus. 7 soalan kajian telah dibina untuk memenuhi objektif kajian tersebut. Kajian ini mempunyai 5 hipotesis yang perlu diuji untuk menjawab sebahagian soalan-soalan kajian.

Batasan-batasan kajian telah dibincangkan dari sudut kriteria daerah dan sekolah yang dipilih, jumlah SKPC, SKPM, dan SKPS, pemilihan Ketua Panitia, pembahagian kategori sekolah, pemilihan Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia sebagai responden, pengalaman responden dan sela skor sistem pengurusan kurikulum/panitia. Beberapa definisi konsep utama telah diberikan. Antaranya yang terpenting ialah definisi konsep SKPC, SKPM, SKPS, SPK, SPP dan lain-lain lagi. Bahagian akhir bab ini membincangkan model teoritis kajian yang melibatkan dua model ringkas, Model Sistem Pengurusan Kurikulum dan Model Sistem Pengurusan Panitia.

BAB 2

ULASAN KARYA

2.1 PENDAHULUAN

Kajian ini adalah mengenai sistem pengurusan kurikulum sekolah yang juga meliputi pengurusan panitia mata pelajaran bagi sekolah-sekolah menengah luar bandar. Untuk lebih memahami keseluruhan kajian ini, adalah penting untuk melihat dahulu teori-teori dan karya-karya yang berkaitan dengan sistem pengurusan kurikulum sekolah. Oleh itu, bahagian awal bab ini akan membincangkan beberapa teori dan karya-karya berkaitan. Antaranya ialah Teori Pengurusan, Pengurusan Sekolah, Teori Kurikulum, Pengurusan Kurikulum, Pengurusan Kurikulum Sekolah, Struktur Organisasi Kurikulum Sekolah, Jawatankuasa Kurikulum Sekolah, Panitia Mata Pelajaran, Peranan Pengetua, dan Penyeliaan Pengurusan Mata Pelajaran.

Selepas kita melihat teori-teori yang berkaitan, bab ini akan memberi tumpuan pula kepada kajian-kajian lepas yang berkaitan. Tidak banyak kajian lepas berkaitan dengan isu pengurusan kurikulum sekolah yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik sama ada pada peringkat Sarjana Muda, Sarjana atau Kedoktoran. Oleh itu, perbincangan kajian lepas lebih banyak ditumpukan kepada laporan kajian oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan.

Akhir sekali, pada penghujung bab ini ialah rumusan daripada teori-teori dan kajian-kajian yang dikemukakan.

2.2 ULASAN TEORI

2.2.1 Teori Pengurusan

Definisi Pengurusan

Ada banyak definisi pengurusan yang diberikan oleh pakar-pakar ilmu pengurusan. Antaranya yang diterima ramai ialah definisi oleh UNESCO (1980), yang mendefinisikan pengurusan sebagai satu proses sosial yang dibentuk untuk memastikan kerjasama, penglibatan, campurtangan dan penyertaan orang lain ke arah pencapaian yang efektif terhadap sesuatu objektif yang telah ditetapkan.

Prinsip-Prinsip Pengurusan

Terdapat berbagai-bagai prinsip mengenai pengurusan. Henry Fayol, (1916) mengemukakan 14 prinsip pengurusan yang wujud di dalam organisasi iaitu:

1. Pembahagian kerja
2. Kewibawaan
3. Disiplin
4. Seseorang pekerja harus menerima arahan dari orang atasan
5. Seorang ketua bagi satu unit
6. Mementingkan kehendak masyarakat daripada kehendak individu
7. Gaji/upah
8. Pemusatan
9. Aliran kewibawaan

10. Mengikut arahan
11. Persamaan
12. Kestabilan kerja
13. Inisiatif/daya usaha
14. Esprit de corps.

Elemen-Elemen Pengurusan

1. Membuat Keputusan
2. Menyelesaikan masalah
3. Hubungan Manusia
4. Komunikasi

Proses Pengurusan

Pengurusan bukan satu kaedah, tetapi suatu proses sosial. Ramai pakar yang telah cuba menganalisis peringkat-peringkat proses pengurusan. Masing-masing memberikan konsep yang tersendiri. Kebanyakan proses yang diberikan oleh mereka panjang, yang mungkin akan mengelirukan dan membuang masa. Justeru itu, UNESCO (1980) telah meringkaskan proses tersebut kepada PODC (Planning, Organizing, Directing, Controlling). Kini 'Directing' dikenali sebagai 'leading'. Oleh itu, proses yang diterima ramai kini ialah POLC, iaitu Merancang, Mengelola, Memimpin dan Mengawal. Rajah 3 menunjukkan ringkasan proses pengurusan (POLC) dan elemen-elemen asasnya.

Ringkasan proses-proses tersebut adalah seperti berikut:

Merancang (Planning) terdiri daripada:

- (i) Menentukan apa, bila, siapa dan bagaimana hendak dibuat.

- (ii) Mengenalpasti objektif dan menetapkan kaedah pencapaian keberkesanan yang paling maksimum melalui proses penetapan matlamat.
- (iii) Mengumpul serta menganalisa maklumat.
- (iv) Mencari alternatif/pilihan.
- (v) Menyediakan dan menghubungkan perancangan dengan keputusan.

Mengelola (Organizing) terdiri daripada:

- (i) Mendapatkan peralatan, kelengkapan dan staf untuk mewujudkan rangkadasar yang baik untuk menjalankan segala aktiviti perancangan yang telah dirancang.
- (ii) Mengumpul segala komponen-komponen pekerjaan ke dalam suatu struktur yang baik.
- (iii) Membentuk struktur kuasa (authority) dan menyelaras jentera pelaksanaan.
- (iv) Menyusun dan menjelaskan kaedah dan prosedur.
- (v) Memilih, melatih dan memberitahu staf serta mendapatkan sumber-sumber lain yang perlu.

Memimpin (leading) terdiri daripada:


- (i) Membentuk rangka kerja untuk masa dan perbelanjaan.
- (ii) Memperkenalkan dan memberikan kepemimpinan dalam pelaksanaan perancangan dengan cara membuat keputusan.
- (iii) Mengeluarkan arahan-arahan yang tertentu.
- (iv) Memimpin, mengelola dan memberi motivasi.

Mengawal (controlling) terdiri daripada:

- (i) Menilai segala kerja yang dijalankan dalam perancangan.

- (ii) Melaporkan segala **penyelewengan/kelemahan** dengan segera supaya dapat diperbetulkan. Menunjukkan jalan kepada langkah-langkah yang betul dengan cara membentuk matlamat dan taraf.
- (iii) Menetapkan pencapaian dan memperbaiki penyelewengan atau kelemahan.

Rajah 3: Proses Pengurusan (POLC) & Elemen-Elemen Asasnya



Sumber: UNESCO. Basic Concepts and Considerations in Education. Bangkok: 1980.

2.2.2 Pengurusan Sekolah

Pengurusan sekolah boleh dilihat dari segi proses merancang, mengelola, memimpin dan mengawal segala usaha ahli-ahli institusi itu serta menggunakan segala sumber organisasi yang terdapat untuk mencapai matlamat-matlamat sekolah yang telah dinyatakan (Lim Chee Tong, 1988). Berikut ialah ringkasan proses-proses tersebut:

1. Merancang bermakna pihak sekolah memikirkan *tentang* matlamat-matlamat dan tindakan-tindakan yang akan diambil terlebih dahulu. Tindakan-tindakan tersebut biasanya berdasarkan sesuatu *cara*, *plan* atau *logic*.
2. Mengelola bermakna bahawa pihak sekolah menyelaraskan kedua-dua sumber manusia dan kemudahan yang terdapat di dalam sekolahnya. Keberkesanan sesebuah sekolah *banyak* bergantung kepada sejauh *mana* kecekapannya *mengurus* sumber-sumber yang ada bagi mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan.
3. Memimpin ialah bagaimana pihak pentadbir sekolah menggerakkan serta mempengaruhi ahli sekolah untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti tertentu dengan mewujudkan suasana yang kondusif untuk membantu ahli-ahlinya bertugas dengan *bersungguh-sungguh*.
4. Mengawal bermakna pentadbir sekolah berusaha untuk memastikan bahawa sekolahnya sedang menuju ke arah matlamat-matlamatnya.

2.2.3 Teori Kurikulum

Definisi Kurikulum

Daud Hamzah (1993), menyatakan perkataan 'kurikulum' dalam Bahasa Latin mempunyai kata akar 'curere'. Kata ini bermaksud 'lalu' atau 'jajak'. Perkataan 'kurikulum' dalam Bahasa Inggeris mengandungi pengertian 'jelmaan' atau 'metamorfosis'. Paduan kedua-dua bahasa ini memberikan makna 'kurikulum' sebagai 'lalu dari satu peringkat ke satu peringkat'. Perluasan makna ini, memberikan pengertian 'kurikulum' dalam perbendaharaan kata pendidikan Bahasa Inggeris sebagai 'jurusan pengajian yang diikuti di sekolah' (Kliebard, 1982).

Ada banyak definisi kurikulum yang ditulis oleh penulis-penulis Inggeris. Antaranya, Neagley & Evans (1967), mendefinisikan kurikulum sebagai semua pengalaman yang dirancang dan dikemukakan oleh pihak sekolah. Kurikulum juga ditakrifkan sebagai rancangan yang menyediakan kesempatan pembelajaran bagi memperoleh berbagai-bagai tujuan menyeluruh dan objektif spesifik yang berkait dengannya, dan rancangan ini dibina oleh pusat persekolahan untuk sesuatu populasi murid sekolah (Saylor & Alexander, 1974). Daud Hamzah (1993), mendefinisikan kurikulum sebagai unsur budaya/ilmu pengetahuan yang dikenalpasti dengan harapan untuk memandu guru mengajar kumpulan murid tertentu.

Razali Arof (1991), telah membahagikan kurikulum kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama, secara amnya mendefinisikan kurikulum itu sebagai segala jenis pengalaman dan pembelajaran yang dipelajari oleh pelajar sama ada yang telah dirancang atau

ditentukan oleh pihak sekolah ataupun yang tidak, dan sama ada pembelajaran dan pengalaman yang telah dipelajari itu positif ataupun negatif. Kumpulan kedua, mendefinisikan kurikulum sebagai segala jenis pembelajaran (konsep, kemahiran dan lain-lain lagi) yang telah dirancang oleh pihak sekolah dan dipelajari oleh pelajar. Takrif yang diberikan oleh kumpulan ketiga adalah lebih sempit, dengan mendefinisikan kurikulum sebagai segala jenis pembelajaran yang telah dirancang atau ditentukan yang perlu dipelajari oleh pelajar di dalam suasana dan lokasi yang formal.


Ramai ahli kurikulum khususnya, lebih mirip kepada definisi yang diberikan oleh kumpulan ketiga yang menghadkan pembelajaran itu kepada segala yang berlaku dalam bentuk formal dan di dalam bilik darjah sahaja. Di sekolah-sekolah di Malaysia, kegiatan dan pembelajaran dalam kelas dan di luar kelas diasingkan. Kedua-dua kurikulum di luar dan di dalam kelas dirancang. Semua aktiviti pembelajaran terancang di dalam kelas ditakrifkan sebagai kurikulum dan aktiviti/kegiatan pembelajaran luar kelas dipanggil kokurikulum.

Pengertian Perkembangan Kurikulum

Kurikulum adalah satu bidang yang saintifik dan dinamik. Oleh yang demikian, bidang ini sentiasa berkembang daripada yang kurang berkesan kepada yang lebih sistematik dan daripada satu tahap kepada satu tahap yang lain. Contohnya daripada pembentukan kurikulum kepada tahap penyebarannya, tahap pelaksanaannya, tahap penilaiannya, tahap pembaruannya yang akan membawa kepada pembentukan dan pewujudan satu kurikulum yang baru pula.

Bidang kurikulum itu sebenarnya adalah satu bidang yang luas dan merangkumi aspek-aspek tertentu dalam bidang yang lain seperti pedagogi dan andragogi, komunikasi, penilaian dan pengurusan. Bidang kurikulum boleh dibahagikan kepada **enam** subbidang (Razali Arof, 1991) . Bidang-bidang tersebut ialah Pembentukan Kurikulum, Penyebaran Kurikulum, Pengajaran Kurikulum, Penilaian Kurikulum, Pembaharuan Kurikulum dan Pengurusan Kurikulum. Rujuk Rajah 4.

Rajah 4: Corak Perkembangan Kurikulum.



Sumber: Razali Arof. Pengantar Kurikulum. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 199 1.

Perkembangan kurikulum bermula dengan pembentukan kurikulum, diikuti dengan proses penyebarannya ke sekolah - sekolah. Kemudian kurikulum dilaksanakan dan diimplimentasikan. Seterusnya kurikulum tersebut akan dinilai dari semasa ke semasa untuk melihat sejauh mana keberkesanannya. Begitulah seterusnya, ia akan membawa kepada pembentukan semula kurikulum yang baru (sila lihat Rajah 4). Aspek pengurusan kurikulum wujud di setiap fasa perkembangan tersebut untuk mengurus dan memastikan setiap aktiviti dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Perkembangan kurikulum pendidikan di negara kita bermula dengan pembentukannya di peringkat Kementerian oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK), kemudian disebarkan ke Jabatan-Jabatan Pendidikan dan seterusnya ke sekolah-sekolah untuk dilaksanakan. Penilaian dan pengawalan pelaksanaannya di sekolah biasanya dilakukan oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, Pegawai-Pegawai Jabatan Pendidikan, Pengetua, Penolong Kanan 1 dan Ketua Panitia. Pengurusan Kurikulum di peringkat sekolah adalah pengurusan pada peringkat pelaksanaannya.

2.2.4 Pengurusan Kurikulum

Sebelum kita meneliti karya-karya mengenai sistem pengurusan kurikulum sekolah, kita lihat dahulu sistem pengurusan kurikulum secara umum yang ditulis oleh Razali Arof, (1991). Sebagaimana yang telah diterangkan sebelumnya, Pengurusan Kurikulum merupakan subbidang kurikulum yang terdapat di semua peringkat aktiviti kurikulum. Fungsi pengurusan ialah untuk memastikan

segala aktiviti yang terlibat dalam proses perkembangan kurikulum terlaksana dengan sempurna.

Definisi Pengurusan Kurikulum

Pengurusan bermakna segala aktiviti yang dilakukan untuk menentukan kejayaan langkah-langkah mengenai sesuatu projek untuk memaksimumkan pencapaian objektif projek (Razali Arof, 1991). Oleh itu, jika kita membincangkan pengurusan kurikulum, maka pengertiannya lebih khusus kepada bidang kurikulum. Pengurusan kurikulum boleh ditakrifkan sebagai segala aktiviti yang dilakukan bagi menentukan kejayaan langkah-langkah dan aktiviti yang diambil sama ada untuk membentuk kurikulum, menyebarkan kurikulum, menilai kurikulum atau memperbaharui kurikulum, supaya semua objektif dan matlamat yang telah ditentukan itu akan tercapai pada tahap yang maksimum dan sepenuhnya (Razali Arof, 1991).

Walaupun pengurusan kurikulum wujud di setiap subbidang kurikulum iaitu pada peringkat Pembentukan Kurikulum, Penyebaran Kurikulum, Pengajaran Kurikulum, Penilaian Kurikulum dan Pembaharuan Kurikulum tetapi perbincangan seterusnya hanya akan memberi tumpuan kepada pengurusan kurikulum pada peringkat Pengajaran Kurikulum dan Penilaian Kurikulum sahaja. Ini kerana kedua-dua peringkat ini terlibat di peringkat sekolah dan berkaitan dengan bidang kajian.

Subbidang pengajaran atau pelaksanaan merupakan subbidang yang luas dan paling penting, oleh itu ia perlu diurus dengan sistematik dan berkesan supaya pelaksanaannya berjalan lancar. Di

antara tugas pengurusan yang terlibat dalam subbidang pelaksanaan kurikulum ialah memastikan kurikulum yang asal diterima oleh pelajar dan guru, menyediakan segala kemudahan yang diperlukan untuk pelaksanaan, mewujudkan suasana yang positif, memberi motivasi dan aspirasi kepada kedua-dua pengajar dan pelajar dan menjadi penghubung di antara pihak pembentuk kurikulum dengan pelajar dan pengajar. Tugas pengurusan yang lain ialah menangani segala masalah yang timbul dalam proses pelaksanaan kurikulum dan bertindak sebagai pembimbing pelaksanaan kurikulum oleh pihak-pihak tertentu.

Tugas pengurusan dalam subbidang penilaian adalah berkaitan dengan soal-soal keberkesanan, pencapaian dan sebagainya. Di peringkat sekolah antara aktiviti pengurusan yang paling penting ialah memastikan kurikulum dan aspek-aspeknya itu dinilai secara berterusan . Seterusnya pihak pengurusan hendaklah melapor dan membincangkan hasil penilaian untuk dikemukakan kepada pihak-pihak terlibat supaya langkah-langkah tertentu dapat diambil untuk pembaikan atau peningkatan. Tugas pengurusan lain yang tidak kurang pentingnya ialah menyimpan penemuan dan laporan secara sistematik untuk rujukan pada masa depan, menghantar atau memaklumkan laporan penilaian kepada semua pihak yang memerlukan untuk mendapatkan maklumbalas.

Secara ringkasnya, antara konsep-konsep pengurusan yang terlibat dalam aktiviti kurikulum ialah konsep pengawalan, pemastian atau penentuan, kordinasi atau penyelarian, penyediaan atau perwujudan, mengemuka atau melapor, mencetus atau inisiasi, melantik atau membentuk, menyimpan dan merekod, menolong atau membantu, memerhati atau mengawas dan juga konsep hubungan.

Pengurus Kurikulum

Tugas pengurusan kurikulum bukan sahaja tanggungjawab guru besar, pengetua, pengarah, dan sebagainya. Ia sebenarnya terletak kepada siapa sahaja yang melakukan atau melaksanakan konsep-konsep pengurusan sebagaimana yang diterangkan di atas (Razali Arof, 1991). Oleh itu, sesiapa sahaja yang terlibat dengan konsep pengurusan kurikulum adalah pengurus kurikulum. Di peringkat sekolah, terutamanya sekolah menengah, antara pengurus-pengurus kurikulum yang terlibat aktif ialah Pengetua, Penolong Kanan 1, Ketua Bidang, Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia.

2.2.5 Pengurusan Kurikulum Sekolah

Penulisan Razali Arof mengenai pengurusan kurikulum adalah terlalu umum, ia meliputi pengurusan kurikulum di semua peringkat. Untuk melihat pengurusan kurikulum di peringkat sekolah yang berkaitan dengan bidang yang akan dikaji secara lebih jelas, kita lihat pula penulisan-penulisan yang ditulis oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan . Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan adalah bahagian yang telah diberi tanggungjawab seperti yang diperuntukkan dalam Akta Pelajaran 1961 sebagai badan pengawal keutuhan mutu pendidikan di sekolah-sekolah negara ini, terutamanya dalam bidang pengajaran-pembelajaran serta pengurusannya.

Kurikulum didefinisikan sebagai apa sahaja yang berhubungkait dengan bidang pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, pengurusan kurikulum ialah bagaimana kurikulum itu diuruskan bagi memastikan

pengajaran dan pembelajaran berjalan licin dan mencapai objektifnya (Ismail Abu Talib, 1992).

Mengikut beliau, dalam pengurusan kurikulum ada beberapa perkara penting yang perlu diambil perhatian oleh pihak sekolah antaranya ialah :

1. **Jadual Waktu**

Sekolah perlu menyediakan beberapa jadual waktu yang berasingan bagi jadual waktu besar, jadual waktu kelas, jadual waktu guru, jadual waktu guru ganti, jadual waktu mata pelajaran, jadual waktu Radio Pendidikan dan TV Pendidikan, jadual waktu bilik khas (misalnya Pusat Sumber Sekolah dan jadual waktu penyeliaan Guru Besar/Pengetua /Guru Penolong Kanan. Peruntukan masa bagi sesuatu mata pelajaran yang diajar di sekolah hendaklah tidak kurang daripada masa yang dinyatakan di dalam peraturan Kursus Pengajian Sekolah. Penyebaran waktu bagi sesuatu mata pelajaran itu hendaklah mengikut kehendak mata pelajaran berkenaan, mata pelajaran yang memerlukan diajar tiap-tiap hari, mata pelajaran yang diperlukan diajar sebelum rehat dan mata pelajaran yang memerlukan waktu bergabung. Bagi setiap jadual waktu kelas dan jadual waktu guru, hendaklah disediakan satu analisis yang jelas dan teratur.

2. **Sukatan Pelajaran**

Setiap guru hendaklah mempunyai sukatan pelajaran bagi setiap mata pelajaran yang diajarnya. Kandungan sukatan pelajaran hendaklah dikaji untuk melihat perkembangan topik-topik yang terkandung di dalamnya dan bidang serta

kemahiran penting dari segi keperluan dan kehendak sesuatu mata pelajaran itu.

3. **Rancangan Pengajaran**

Rancangan pengajaran hendaklah memenuhi kehendak Pekeliling 256 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ia hendaklah disediakan berdasarkan sukatan pelajaran semasa, dan dibahagikan mengikut rancangan tahunan, penggalan, mingguan, dan harian. Seelok-eloknya rancangan pelajaran hendaklah disediakan sendiri oleh guru yang mengajar mata pelajaran itu. Butir-butir yang dinyatakan di dalam rancangan hendaklah dicatat dengan kemas dan jelas. Untuk itu, rancangan pelajaran boleh ditulis, ditaip atau dalam bentuk-bentuk lain yang sesuai asalkan ia adalah rancangan pengajaran semasa dan bukannya yang telah digunakan pada tahun-tahun sebelumnya, tanpa sebarang ubahsuai. Rancangan pengajaran yang disediakan oleh panitia mata pelajaran boleh juga digunakan oleh guru dan jika perlu boleh diubahsuai mengikut kebolehan murid di kelas yang diajar. Apa yang penting ialah rancangan pengajaran penggalan, mingguan dan harian hendaklah ada di dalam Buku Rekod Persediaan Mengajar sebagai rujukan. Jika tidak cukup ruang untuk memuatkan rancangan pengajaran penggalan dalam Buku Rekod Persediaan Mengajar, ia boleh disimpan di dalam fail khas dan catatan mengenainya dibuat di ruangan rancangan pengajaran di dalam Buku Rekod Persediaan Mengajar guru berkenaan.

4. Alat Bantu Mengajar

Alat bantu mengajar perlu digunakan oleh guru semasa mengajar supaya pengajaran guru benar-benar difahami oleh mm-id. Murid juga perlu menggunakan alat bantu belajar.

5. Perkembangan Staf

Perkembangan staf hendaklah diadakan secara berterusan dengan tujuan untuk meningkatkan profesionalisme guru melalui latihan peringkat sekolah (in house training) atau aktiviti-aktiviti lain yang sesuai. Buku-buku rujukan guru perlu disediakan dan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

6. Buku Rekod Persediaan Mengajar

Buku ini hendaklah sentiasa kemas dan lengkap dengan butir-butir dan maklumat-maklumat yang dikehendaki.

7. Jawatankuasa Kurikulum Sekolah

Jawatankuasa Kurikulum Sekolah hendaklah diurus dengan baik. Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap semester dengan segala maklumat lengkap mesyuarat direkodkan dan disimpan secara teratur di dalam fail. Bagi sesuatu mata pelajaran yang mempunyai bilangan guru yang mengajar ramai, panitia mata pelajaran perlu diwujudkan dan panitia ini perlu mengadakan mesyuarat secara tetap dan teratur.

8. Pusat Sumber Sekolah

Pusat Sumber Sekolah merupakan nadi yang menggerakkan kurikulum. Ia perlu diurus dengan baik supaya murid mendapat manfaat yang maksimum terhadap kemudahan itu.


Segala kemudahan sumber yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan hendaklah digunakan dengan baik oleh guru.

2.2.6 Struktur Organisasi Kurikulum Sekolah.

Dalam Struktur Organisasi Kurikulum sesebuah sekolah menengah, Pengetua adalah bertanggungjawab kepada Kementerian Pendidikan tentang pelaksanaan kurikulum di sekolahnya untuk mencapai matlamat Dasar pendidikan Kebangsaan. Guru Penolong Kanan 1 adalah bertanggungjawab kepada Pengetua dalam hal pengurusan kurikulum untuk mencapai matlamat sekolah. Manakala Ketua Bidang, Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia bertanggungjawab kepada pengetua dalam hal pengurusan dari segi perancangan, pengelolaan dan pelaksanaan, kepimpinan dan penyeliaan & kawalan yang berkaitan dengan bidang dan mata pelajaran masing-masing. Setiap sekolah mempunyai Jawatan Kuasa Kurikulum Sekolah dengan Pengetua sebagai Pengerusi dan Guru Penolong Kanan 1 sebagai Naib Pengerusi dan Setiausaha Kurikulum/Akademik sebagai Setiausaha.

Peranan yang dimainkan oleh pihak pengurusan dan pentadbiran sekolah adalah sama pentingnya dengan peranan guru yang mengajar mata pelajaran di dalam bilik-bilik darjah. Oleh itu, semua pihak yang terlibat dengan kurikulum perlulah mengetahui Struktur Organisasi Kurikulum Sekolah dengan jelas supaya setiap pihak dapat menjalankan tugas masing-masing dengan lebih berkesan. Secara ringkasnya, Struktur Organisasi Kurikulum Sekolah Menengah boleh digambarkan seperti dalam Rajah 5 dan Struktur Organisasi Panitia Mata Pelajaran dalam Rajah 6.


Rajah 5: Struktur Organisasi Kurikulum Sekolah Menengah.



Sumber: Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, KPM. Buku Panduan Penyeliaan Bahasa Malaysia Sekolah Rendah/Menengah. KPM.1989.

* Jawatan yang baru diwujudkan 1993

Rajah 6: Struktur Organisasi Panitia Mata Pelajaran



PETUNJUK:



Sumber: Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, KPM. Buku Panduan Penyeliaan Geografi Sekolah Menengah. KPM. 1989.

2.2.7 Jawatan Kuasa Kurikulum Sekolah (JKS).

Jawatankuasa Kurikulum Sekolah adalah sebuah jawatankuasa tertinggi dalam bidang kurikulum di peringkat sekolah. Jawatankuasa ini dipimpin oleh Pengetua sendiri sebagai pengerusi. Guru Penolong Kanan 1 sebagai Naib Pengerusi dan seorang guru yang dilantik oleh Pengetua sebagai Setiausaha. JKS adalah badan yang menentukan

dasar-dasar sekolah yang berkaitan dengan kurikulum. Fungsi JKS ialah untuk merancang dan menyelaraskan segala hal berkenaan dengan pelaksanaan kurikulum di sekolah. Ahli-ahli JKS adalah terdiri daripada Ketua-Ketua Bidang, Guru-Guru Kanan atau Ketua-Ketua Panitia Mata Pelajaran dan Ketua-Ketua Bidang seperti Ketua Pusat Sumber Sekolah dan Kokurikulum.

Antara peranan Jawatankuasa Kurikulum Sekolah yang diberikan oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1988) adalah seperti berikut:

1. Jawatan tertinggi dalam bidang kurikulum di peringkat sekolah ini adalah bertanggungjawab meningkatkan taraf pengurusan serta pengajaran dan pembelajaran supaya dapat menghasilkan prestasi yang baik bagi semua mata pelajaran.
2. Memberi maklumbalas berhubung dengan pelaksanaan Sukatan Pelajaran kepada Jawatankuasa Kurikulum Daerah/Negeri.
3. Mengemukakan kepada Jawatankuasa Kurikulum Daerah/Negeri syor berhubung dengan buku teks/buku tambahan yang digunakan di sekolah setelah dikaji dan dinilai oleh panitia.
4. Jawatankuasa Kurikulum mengadakan perbincangan berhubung dengan bidang pedagogi khususnya kaedah yang boleh membantu mempertingkatkan pengajaran dan pembelajaran.

5. Memastikan supaya semua panitia menggunakan secara bersama Alat Pandang Dengar/ Alat Bantu Mengajar (APD/ABM) yang sesuai yang telah disediakan oleh panitia mata pelajaran masing-masing.
6. Menentukan penyebaran maklumat mengenai teknologi pendidikan seperti program TV Pendidikan dan Radio Pendidikan serta sumber-sumber pendidikan yang lain kepada panitia-panitia.
7. Membincang dan meluluskan anggaran perbelanjaan yang dikemukakan oleh semua panitia mata pelajaran .

2.2.8 Panitia Mata Pelajaran

Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 486, Ruj: KP (BS) 8591/Jld. 1 1(49) bertarikh 13 hb. Mac 1986 berhubung dengan panitia mata pelajaran menegaskan peri pentingnya panitia-panitia mata pelajaran ditubuhkan di sekolah-sekolah. Surat Pekeliling tersebut telah memberikan garis panduan tentang struktur dan organisasi panitia-panitia, tujuan panitia mata pelajaran dan peranan-peranan yang harus dimainkan oleh panitia mata pelajaran. Surat Pekeliling tersebut juga mengarahkan pihak sekolah menubuhkan atau memperkembangkan lagi panitia mata pelajaran supaya keberkesanan pengajaran-pembelajaran di sekolah dapat dipertingkatkan. Berikut adalah garis panduan-garis panduan yang diberikan:

Struktur dan Organisasi

1. Panitia mata pelajaran adalah sebuah badan ikhtisas yang dianggotai oleh semua guru yang mengajar mata pelajaran yang sama di sesebuah sekolah. (sekolah-sekolah kecil yang bilangan gurunya sedikit adalah difikirkan tidak perlu menubuhkan pelbagai panitia mata pelajaran).
2. Badan ini hendaklah dipimpin dan dikendalikan oleh seorang guru kanan yang dilantik sebagai ketua panitia oleh Guru Besar atau Pengetua Sekolah.
3. Semua ketua panitia mata pelajaran adalah secara automatik menjadi ahli-ahli Jawatankuasa Kurikulum Sekolah. Mereka ini mewakili panitia mata pelajaran masing-masing di dalam jawatankuasa tersebut dan menjadi sebagai penghubung di antara ahli panitia dengan Guru Besar atau Pengetua sekolah.
4. Keputusan-keputusan yang diambil oleh tiap-tiap panitia di dalam perjumpaan-perjumpaan berhubung dengan isu-isu atau masalah-masalah kurikulum dan pengajaran perlu dibawa oleh ketua panitia kepada Guru Besar atau Pengetua atau Penolong Kanannya, sama ada untuk mendapat penyelesaian atau untuk makluman.
5. Di sekolah-sekolah yang belum menubuhkan Jawatankuasa Kurikulum Sekolah , ketua panitia masih memainkan peranan penting untuk berhubung dengan Guru besar atau Pengetua bagi membentangkan masalah-masalah atau isu-isu yang sedang dihadapi dan mengesyorkan segala cadangan atau

permintaan ahli-ahli panitia berhubung dengan keperluan pengajaran dan pembelajaran.

Tujuan Panitia Mata pelajaran

Berikut adalah di antara tujuan penubuhan panitia mata pelajaran:

1. Memperbaiki dan meningkatkan mutu dan kekesan pengajaran-pembelajaran:
2. Berikhtiar dan berusaha untuk mendapatkan strategi-strategi mengajar yang inovatif dan boleh mendorong serta menggerakkan kecenderungan para pelajar terhadap pembelajaran;
3. Memperbaiki prestasi pelajar di dalam peperiksaan (berasaskan sekolah dan awam) dalam mata pelajaran berkenaan berpandukan atau berasaskan prestasi/target yang ditunjukkan dalam rancangan akademik sekolah;
4. Mewujudkan semangat kerjasama di antara panitia mata pelajaran dengan persatuan kelab akademik.

Peranan Panitia

Berikut adalah di antara perkara yang dianggap perlu dilaksanakan oleh panitia, sejajar dengan peranannya sebagai sebuah badan ikhtisas:

1. Memperolehi sukatan pelajaran yang terbaru atau kemaskini untuk kegunaan ahli-ahli panitia;
2. Menyediakan rancangan mengajar untuk ketiga-tiga penggal dalam tahun persekolahan. Rancangan mengajar ini diselaraskan di antara guru dalam sesuatu **tingkatan/darjah** dan juga di antara **tingkatan/darjah** yang ada kaitan;
3. Memilih dan mencadangkan kepada pentadbir sekolah buku teks untuk digunakan oleh pelajar berdasarkan kesesuaian buku itu dari segi kehendak sukatan pelajaran dan tahap kebolehan mereka;
4. Memilih dan mencadangkan buku rujukan atau bahan bacaan tambahan yang sesuai dengan keperluan pembelajaran para pelajar dan kegunaan guru untuk dibekalkan di **pusat** sumber sekolah;
5. Menyelaraskan **soalan-soalan** ujian dan peperiksaan (berasaskan sekolah) yang disediakan **bagi** tiap-tiap tingkatan atau darjah dan jika perlu, menubuhkan bank soalan;
6. Mengkaji dan menganalisis keputusan peperiksaan pelajar dalam tiap-tiap peperiksaan berasaskan sekolah (khususnya peperiksaan pertengahan dan akhir tahun) dan mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kelemahan-kelemahan pengaj aran dan pembelajaran;

7. Mengadakan mesyuarat panitia secara berkala sekurang-kurangnya sekali sepenggal dan mengadakan perjumpaan secara 'ad-hoc' jika perlu;
8. Mengatur perjumpaan atau mesyuarat dengan ahli-ahli panitia (secara formal atau tidak formal) untuk memikirkan dan membincangkan masalah-masalah atau isu-isu yang berkaitan seperti masalah-masalah yang berhubung dengan kaedah mengajar serta mencari penyelesaian kepada masalah atau isu tersebut;
9. Bertukar-tukar pengalaman dan pengetahuan baru yang diperolehi setelah mengikuti kursus atau seminar dengan ahli-ahli lain;
10. Mewujudkan semangat saling bekerjasama dengan persatuan di sekolah dan menjalin hubungan kerja yang boleh membantu bagi mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran;
11. Bekerjasama dan bertukar-tukar fikiran, pengalaman dan kepakaran dengan panitia-panitia di sekolah-sekolah berhampiran atau sekawasan;
12. Bekerjasama dengan panitia-panitia lain dan membantunya dalam usaha ke arah memajukan pelajar yang lemah dalam mata pelajaran-mata pelajaran tertentu;

13. Melantik seorang setiausaha dari kalangan ahli untuk menyediakan minit mesyuarat dan mengedarkan minit itu kepada semua ahli panitia;
14. Menyelenggarakan fail-fail panitia dan semua minit atau laporan mesyuarat, surat menyurat dan rekod-rekod yang berkenaan.

2.2.9 Peranan Pengetua Sebagai Pemimpin Kurikulum.

Pengurusan kurikulum merupakan tugas utama Pengetua. Sehubungan dengan ini, di peringkat sekolah, Pengetua adalah pengurus kurikulum yang paling utama. Selain menjalankan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, Pengetua harus memainkan peranan sebagai pemimpin kurikulum. Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1989) telah memberikan garis panduan peranan-peranan tersebut, antaranya adalah untuk memastikan bahawa:

1. Pelaksanaan kurikulum di sekolahnya dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan serta mengikut prinsip-prinsip pendidikan yang kemaskini;
2. Pembekalan alat bantu mengajar dan bahan-bahan tambahan dikendalikan secara terancang;
3. Pengagihan tugas mengajar dan kokurikulum dibuat mengikut kelayakan dan pengalaman guru serta dibuat secara seimbang;

4. Panitia mata pelajaran berfungsi seperti yang diharapkan;
5. Program perkembangan staf dirancang dan dijalankan berdasarkan keperluan-keperluan yang telah dikenalpasti;
6. Program penilaian berterusan dijalankan seperti yang dikehendaki dan tindakan susulan diadakan ke atas hasil penilaian (iaitu rekod profil dan rekod prestasi pelajar);
7. Rancangan pengajaran guru dan rancangan aktiviti panitia dilaksanakan dan kajian semula diadakan dari semasa ke semasa;
8. Mutu kerja pelajar dan prestasi pelajar sentiasa dikawal;

Untuk memastikan aktiviti-aktiviti yang tersebut di atas berjalan lancar, Pengetua hendaklah menjalankan penyeliaan dari semasa ke semasa.

2.2.10 Penyeliaan Pengurusan Mata Pelajaran.

Penyeliaan Pengetua dalam mata pelajaran boleh dibahagikan kepada dua bidang besar, iaitu penyeliaan dalam pengurusan mata pelajaran dan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran. Bidang yang hendak dikaji oleh penyelidik adalah berkaitan dengan penyeliaan dalam pengurusan mata pelajaran. Selain menyelia aktiviti pengurusan kurikulum sekolah secara keseluruhan, Pengetua juga bertanggungjawab untuk menyelia pengurusan setiap panitia mata

pelajaran di sekolahnya. Penyeliaan Pengetua dalam pengurusan mata pelajaran merangkumi proses-proses perancangan, pengelolaan, pelaksanaan dan pengawalan. Bagi memastikan setiap panitia mata pelajaran berfungsi dengan berkesan untuk meningkatkan mutu/prestasi mata pelajaran tersebut dalam Peperiksaan Awam, antara tugas pengurusan pengetua terhadap panitia mata pelajaran yang diberikan oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1989) adalah untuk memastikan bahawa:

1. Seorang Guru Kanan/Ketua Panitia mata pelajaran yang sesuai dilantik.
2. Panitia mata pelajaran menyediakan rancangan jangka panjang dan jangka pendek mengikut garis panduan yang diberikan.
3. Mesyuarat panitia mata pelajaran berjalan seperti yang dirancangan.
4. Pihak Pengetua/ Guru Penolong Kanan dapat menghadiri mesyuarat panitia untuk memberi bimbingan profesional;
5. Pihak Pengetua/Guru Penolong Kanan menerima dan menyemak minit mesyuarat serta mengambil tindakan ke atas keputusan-keputusan mesyuarat;
6. Pihak pengetua menerima laporan daripada Guru Penolong Kanan dan Guru Kanan Matematik tentang perkembangan/kemajuan aktiviti kurikulum dan kokurikulum mata pelajaran yang dijalankan di sekolah.

7. Pihak pengetua memberikan maklumbalas kepada guru hasil daripada penyeliaan ke atas perjalanan panitia mata pelajaran, penyemakan Buku Rekod Persediaan Mengajar Guru, penyemakan kerja bertulis pelajar, penyemakan rekod markah/rekod prestasi pelajar dan pencerapan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

2.3 ULASAN KAJIAN LALU

Setakat ini, penyelidik belum dapat mengesan adanya kajian khusus yang mengaitkan pencapaian sesebuah sekolah dalam Peperiksaan Awam dengan sistem pengurusan kurikulumnya dan pencapaian mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan sistem pengurusan panitia mata pelajaran tersebut. Juga, belum ditemui lagi kajian khas yang menunjukkan wujud perbezaan di antara sistem pengurusan kurikulum sekolah /sistem pengurusan panitia di sekolah-sekolah pencapaian cemerlang dan sederhana. Walaubagaimana pun, dapatan kajian-kajian keberkesanan sekolah menunjukkan, di antara ciri-ciri sekolah berkesan ialah wujudnya aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan prinsip-prinsip dan elemen-elemen pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah tersebut.

Antara ciri-ciri tersebut ialah bentuk kurikulum yang digunakan, kepimpinan pengajaran dan matlamat sekolah (Vulliamy, 1987). Duigan (1986), pula mendapati banyak faktor yang mempengaruhi kecemerlangan pelajar, di antara faktor-faktor yang berkaitan dengan pengurusan kurikulum ialah kepimpinan pengetua, jangkaan staf terhadap prestasi pelajar, objektif sekolah dan penekanan, suasana pengajaran dan pembelajaran dan sistem pemantauan kemajuan murid. Corcoran dan Wilson (1987) yang telah mengkaji 571 buah sekolah berkesan di Amerika Syarikat (1987) mendapati,

antara ciri-ciri sekolah berkesan yang ditemui ialah penekanan kepada kelakuan yang baik dan pencapaian akademik, perhatian kepada masa pembelajaran dan guru yang cekap. Seterusnya ciri sekolah cemerlang untuk sekolah-sekolah di Barat telah dirumuskan kepada 9 tema. 4 tema yang berkaitan dengan prinsip/elemen pengurusan kurikulum ialah objektif sekolah yang jelas, kawalan dan budibicara oleh pengetua dengan menekankan penjelasan dan pengurusan kurikulum yang rapi, menyelia guru dengan bertimbang rasa, menghargai pencapaian guru dan **tema yang keempat** ialah mengharapkan pencapaian pelajar yang tinggi.

Basil W. Kings (1985), daripada kajian-kajian ke atas kekesan sekolah, telah mengenalpasti beberapa petunjuk utama yang boleh digunakan untuk mengukur kejayaan sesebuah sekolah. Antara yang berkaitan dengan pengurusan ialah kepimpinan yang tegas serta menggalakkan termasuk keprihatinan dan memberi sokongan kepada guru, harapan yang tinggi oleh guru besar, guru-guru, murid-murid serta ibubapa terhadap kebolehan. setiap ahli sekolah mencapai matlamat-matlamat yang dihasratkan, satu rancangan perkembangan staf yang berkesan dan sistem kawalan yang rapi terhadap kemajuan proses pembelajaran murid. Edmunds (1979a, 1979b, 1982), mengemukakan lima ciri sekolah berkesan, iaitu Guru Besar/Pengetua bertindak sebagai pemimpin yang berwibawa, penumpuan terhadap pencapaian akademik yang tinggi, guru mempunyai harapan yang tinggi bahawa murid-murid boleh menguasai kurikulum, adanya sistem penilaian yang dapat menilai pencapaian murid dan terdapatnya iklim yang sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran.

Purkey dan Smith (1983), mengemukakan 13 ciri sekolah berkesan. 9 ciri berkaitan dengan pembolehubah struktur organisasi dan 4 ciri pembolehubah proses yang berkaitan dengan budaya dan iklim sekolah. 5 ciri pembolehubah struktur organisasi yang berkaitan dengan prinsip/elemen

pengurusan ialah penekanan kepada pengurusan dan membuat keputusan yang demokratik, kepimpinan yang berwibawa oleh Guru Besar/Pengetua, para pentadbir atau guru-guru, penekanan kepada kurikulum dan pengajaran-pembelajaran, sekolah memberi penghargaan kepada kejayaan akademik yang memberi perangsang kepada murid untuk menerapkan nilai-nilai kejayaan, dan penggunaan masa yang efektif, dengan menggunakan masa yang lebih untuk mata pelajaran akademik dan mengurangkan aktiviti-aktiviti tidak akademik.

Cohn dan Rossmiller (1987), pula menyenaraikan beberapa pembolehubah yang mempengaruhi pencapaian murid, khususnya di negara yang sedang membangun. Antara pembolehubah tersebut ialah kepimpinan sekolah, penekanan akademik di sekolah dan bilik darjah, perkembangan staf (latihan dalam perkhidmatan), pelaburan dalam buku teks dan peralatan dan kekerapan ujian. Kajian oleh Kumar (1994), pula menyenaraikan 5 ciri sekolah cemerlang. 4 daripada ciri tersebut berkaitan dengan prinsip/elemen pengurusan kurikulum iaitu kepimpinan yang kuat, jangkaan pencapaian yang tinggi kepada murid, penegasan kepada kemahiran asas dan kekerapan pengesanan kemajuan murid.

Kajian tempatan mengenai keberkesanan sekolah oleh Zainal Ghani (1988), mengenalpasti 4 bidang kajian yang utama. Dapatan dalam kajian Bidang Bahan Pengajaran menunjukkan bahawa bahan pengajaran yang berlainan adalah sesuai untuk mengajar kemahiran-kemahiran atau bidang-bidang mata pelajaran yang berlainan. Penggunaan bahan pengajaran yang tepat boleh mempertingkatkan prestasi pelajar-pelajar. Kajian sekolah menengah efektif luar bandar di Malaysia oleh Abd. Karim Md. Nor (1989), telah menemukan 11 ciri sekolah berkesan. Antara ciri yang berkaitan dengan prinsip/elemen pengurusan ialah kepimpinan yang mantap dan berketrampilan, guru mempunyai harapan yang tinggi terhadap kemajuan

murid dan memberi bantuan dan bimbingan ke arah ini, guru mempunyai sikap positif terhadap murid, guru mempunyai pandangan tinggi terhadap sekolah mereka, Pengetua yang berpengalaman, dan penggunaan sepenuhnya sumber dan kemudahan-kemudahan awam.

Kajian oleh Bahagian Perancangan Penyelidikan Pendidikan (1989), mengenalpasti profil umum sebuah sekolah menengah yang berkesan ialah mempunyai ciri-ciri seperti, kepimpinan yang tegas tetapi cekap, penekanan kepada pencapaian akademik dan kelakuan pelajar yang baik, harapan yang tinggi untuk pencapaian akademik, penyeliaan yang rapi, perhubungan pengetua - guru yang baik, pencapaian dan usaha-usaha guru dihargai, guru-guru merasa bangga mengajar, pelajar-pelajar merasa bangga menjadi sebahagian ahli sekolah dan kemudahan-kemudahan fizikal yang baik.

Dalam kebanyakan kajian sekolah berkesan, keberkesanan adalah ditakrifkan dalam konteks pencapaian pelajar. Definisi oleh Cuttance (1985) menyatakan sekolah berkesan ialah sekolah yang sebahagian besar dari pelajar-pelajarnya mencapai tahap yang tinggi dalam prestasi akademik. Dengan ini, sekolah berkesan ialah sekolah yang pencapaian akademiknya tinggi. Sebahagian ciri-ciri sekolah berkesan yang telah dibincangkan di atas berkaitan dengan prinsip/elemen pengurusan sekolah yang meliputi pengurusan kurikulum/panitia mata pelajaran. Berasaskan dapatan-dapatan kajian sekolah berkesan dapatlah disimpulkan bahawa, kecemerlangan akademik sesebuah sekolah memang mempunyai hubungan dengan keberkesanan budaya pengurusan kurikulumnya. Untuk memperkukuhkan kebenaran dapatan ini, perlu satu kajian lanjut yang khusus mengenai sistem pengurusan kurikulum sekolah/pengurusan panitia di sekolah-sekolah pencapaian cemerlang dan di sekolah pencapaian sederhana sebagaimana yang ingin dilakukan oleh penyelidik.

Di Malaysia, kebanyakan kajian atau pengesanan mengenai sistem pengurusan kurikulum sekolah dilakukan oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan. Antara dapatan pemeriksaan pengurusan kurikulum oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan (1988), ke atas 118 buah sekolah menengah adalah seperti berikut:

Pengurusan Kurikulum

1. Didapati 108 buah sekolah (91.5%) telah mengenalpasti objektif sekolah masing-masing. 98 buah sekolah (83.1%) daripada yang telah diperiksa ada menyediakan rancangan program sekolah untuk mencapai objektif -objektif berkenaan.
2. 92.4% daripada sekolah yang telah diperiksa telah menubuhkan Jawatankuasa Kurikulum masing-masing, tetapi hanya 67.0% daripadanya sahaja yang telah menentukan fungsi Jawatankuasa Kurikulum. 88.1% melibatkan guru-guru kanan dalam jawatankuasa kurikulum, 64.4% mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum pada tiap-tiap penggal dan hanya 48.3% sekolah menyediakan minit-minit mesyuarat untuk tindakan pihak-pihak berkenaan.
3. Kebanyakan sekolah didapati telah menubuhkan panitia mata pelajaran dan telah menentukan fungsi panitia tetapi kebanyakan panitia tidak berfungsi untuk mempertingkatkan kualiti profesionalisme tenaga pengajar secara terus dan terancang. Panitia lebih menumpukan kepada aspek-aspek pentadbiran subjek berkenaan sahaja.
4. Dalam pengurusan kewangan, 32 buah sekolah (26.3%) membuat anggaran belanjawan tahunan tetapi tidak semuanya lengkap dan

sempurna. Kebanyakan sekolah (73%) ada mengambil kira keperluan semua mata pelajaran dan 76.3% pula mengambil kira kepentingan sumber/teknologi pendidikan semasa memperuntukkan perbelanjaan sekolah.

5. Terdapat 23 buah sekolah menengah (19.5%) yang menubuhkan jawatankuasa kewangan sekolahnya.
6. Hanya 40.7% sahaja pengetua yang membuat penyeliaan di bilik darjah.

Pengurusan Sumber Pelajaran

1. Dari 118 buah sekolah yang telah diperiksa, 99 buah sekolah (83.7%) telah menubuhkan Pusat Sumber Sekolah (PSS). 16.1 % yang tidak menubuhkan PSS kerana kekurangan bilik khas.

Dapatan yang dilaporkan di atas adalah hasil pemeriksaan yang dibuat pada tahun 1988, dan hanya untuk 118 buah sekolah menengah sahaja. Walaubagaimana pun, hasil kajian ini dapat memberikan gambaran bahawa sistem pengurusan kebanyakan sekolah yang dikaji dari segi penetapan objektif dan strategi untuk mencapainya serta penubuhan Jawatankuasa Kurikulum Sekolah boleh dikategorikan sebagai memuaskan. Kelemahan-kelemahan sistem pengurusan yang masih ketara ialah dari segi belanjawan, dan penyeliaan dalam bilik darjah.

Satu lagi kajian terperinci oleh Nordin Awang (1992), ke atas sebuah sekolah rendah luar bandar yang mencapai kejayaan cemerlang dalam UPSR selama lima tahun berturut-turut mendapati, segala aktiviti yang berlaku di

sekolah tersebut menepati ciri-ciri dan kehendak-kehendak KBSR dari segi pengurusan kurikulum, kepimpinan, budaya sekolah, pengajaran dan pembelajaran, perkembangan staf dan penglibatan Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG). Antara ciri-ciri pengurusan kurikulum yang terdapat di sekolah tersebut ialah:

1. Pelaksanaan kurikulum dijalankan melalui peranan aktif yang dimainkan oleh Jawatankuasa Kurikulum Sekolah.
2. Penyusunan Jadual Waktu Pencerapan, Program Perkembangan Staf dan Program Khas meningkatkan pengajaran-pembelajaran menjadi amalan biasa di sekolah tersebut.
3. Budaya sekolah dijemakan melalui pengurusan pusat sumber sekolah yang baik, pengamalan nilai-nilai murni yang berterusan dan kecintaan yang mendalam terhadap ilmu.
4. Pihak sekolah mewujudkan beberapa laluan ilmu dan hentian ilmu yang dilengkapi dengan pelbagai bahan bacaan di ruang koridor yang menghubungkan antara bangunan sekolah.

2.4 RUMUSAN ULASAN KARYA

Sistem Pengurusan Kurikulum sekolah-sekolah menengah di Malaysia adalah di bawah kawalan Bahagian Sekolah dan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pihak Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan surat-surat pekeliling dan buku-buku panduan pengurusan kurikulum sekolah. Oleh itu, apa jua aktiviti kurikulum

yang diadakan di peringkat sekolah hendaklah mengikut garis panduan tersebut. Berpandukan garis panduan tersebut, didapati pengurusan kurikulum di peringkat sekolah menengah melibatkan **banyak** pihak terutamanya Pengetua, Guru Penolong Kanan 1, Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia yang masing-masing telah ditetapkan peranannya. Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan surat-surat pekeliling yang menegaskan **peri** pentingnya penyeliaan pengurusan panitia dan penyeliaan pengajaran-pembelajaran dijalankan di peringkat sekolah. Kementerian Pendidikan juga telah memberikan garis panduan faktor-faktor penting yang perlu diberi perhatian dalam pengurusan kurikulum dan pengurusan panitia **juga** garis panduan untuk penyeliaan. Oleh kerana **banyak** pihak yang terlibat dalam pengurusan kurikulum peringkat sekolah dan **banyak** faktor yang perlu diselia, maka satu sistem pengesanan yang sistematik perlu wujudkan. Sehubungan dengan ini, Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan telah mengeluarkan contoh borang pengesanan yang boleh digunakan di peringkat sekolah.

Walaupun sehingga kini, belum ditemui lagi kajian khas yang mengaitkan secara langsung di antara sistem pengurusan kurikulum sekolah dengan pencapaian akademiknya, tetapi dapatan beberapa kajian sekolah berkesan menunjukkan wujud pengaruh elemen-elemen pengurusan kurikulum ke **atas** pencapaian akademik sekolah.

Laporan pemeriksaan sistem pengurusan sekolah menengah oleh Jemaah Nazir menunjukkan, sistem pengurusan kurikulum sekolah menengah secara keseluruhannya adalah memuaskan. Laporan pemeriksaan oleh Jemaah Nazir yang lain pula menunjukkan bahawa, sekolah yang cemerlang ialah sekolah yang telah mengamalkan budaya pengurusan kurikulum yang cemerlang.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 PENDAHULUAN

Keseluruhan bab ini akan membincangkan metodologi kajian yang meliputi populasi, lokasi dan sampel kajian, prosedur kajian, instrumen dan tatacara analisis data. Antara tujuan utama kajian ini adalah untuk meninjau sistem pengurusan kurikulum sekolah dan sistem pengurusan panitia pada masa kini, untuk mengetahui sama ada wujud perbezaan di antara sistem pengurusan kurikulum dan panitia di sekolah pencapaian cemerlang dan sederhana atau tidak dan untuk melihat jika wujud hubungan di antara sistem pengurusan kurikulum sekolah dengan pencapaian sekolah dalam Peperiksaan Awam dan di antara sistem pengurusan panitia mata pelajaran dengan pencapaian mata pelajaran tersebut dalam Peperiksaan Awam. Justeru itu, untuk memenuhi tujuan ini, penyelidik telah menggunakan Kaedah Penyelidikan Deskriptif. Kaedah Penyelidikan Deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Majid Konteng, 1993). Galfo dan Miller (1965), menakrifkan penyelidikan deskriptif sebagai semua kajian yang tujuan utamanya untuk menerangkan keadaan semasa yang berlaku semasa kajian sedang dijalankan.

Jenis kajian deskriptif yang digunakan ialah kajian korelasi dan kajian tinjauan. Mengikut Majid Konteng (1993), kajian korelasi ialah untuk mengkaji perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah yang wujud dalam

sesuatu masalah dan kajian tinjauan pula bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat mengenai pembolehubah-pembolehubah yang berkait dengan sesuatu fenomena tanpa menyoal mengapa pembolehubah tersebut wujud. Pembolehubah-pembolehubah sistem pengurusan kurikulum dan panitia diukur menggunakan skala sela. Skala sela merupakan skala pengukuran apabila cerapan ke atas pembolehubah melibatkan pengelasan dan susunan serta jarak (Majid Konteng, 1993).

3.2 POPULASI, LOKASI DAN SAMPEL

Populasi kajian ialah Setiausaha Kurikulum (Akademik) dan Ketua Panitia Mata Pelajaran sekolah-sekolah menengah luar bandar di Negeri Selangor Darul Ehsan. Negeri Selangor mempunyai 9 buah daerah iaitu, Daerah Kuala Selangor, Daerah Kuala Langat, Daerah Sabak Bernam, Daerah Klang, Daerah Gombak, Daerah Petaling, Daerah Hulu Langat, Daerah Hulu Selangor dan Daerah Kuala Langat. Sehingga 1993, di Negeri Selangor terdapat 117 buah sekolah menengah. Setiap sekolah mempunyai seorang Setiausaha Akademik dan lebih kurang 15 orang Ketua Panitia Mata Pelajaran. Untuk mengatasi masalah populasi kajian yang besar, penyelidik telah menggunakan prinsip populasi sasaran dan populasi digunakan. Populasi sasaran merupakan populasi yang mengandungi masalah yang perlu dikaji, sementara populasi digunakan merupakan sebahagian daripada populasi sasaran (Majid Konteng, 1993). Dalam kajian ini populasi sasaran ialah Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia di sekolah-sekolah daerah luar bandar di Negeri Selangor. Populasi digunakan ialah Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia di sekolah-sekolah di Daerah Kuala Langat (10 buah), Daerah Kuala Selangor (11 buah), Daerah Sabak Bernam (9 buah) dan Daerah Sepang (3 buah). Pemilihan 4 buah daerah ini adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang telah diterangkan dalam Bab 1. Antaranya, kerana semua sekolah di daerah tersebut ialah sekolah kategori luar bandar.

Jumlah sekolah yang dikaji ialah 33 buah. Berasaskan analisis keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), 10 buah sekolah dikenalpasti sebagai Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang, 15 buah sekolah sebagai Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan dan 8 buah sekolah sebagai Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana. Kadar pulangan borang soal selidik oleh Setiausaha Akademik ialah 97% (32 orang) dan oleh Ketua Panitia ialah 96% (253 orang). Ketua Panitia yang menjadi responden ialah Ketua Panitia Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Geografi, Matematik, Sains, Pendidikan Islam dan Kemahiran Hidup. Butir-butir terperinci mengenai responden yang dikaji boleh dilihat dalam Jadual 1 hingga 12 pada Bab 4.

3.3 PROSEDUR KAJIAN

Setelah draf instrumen disediakan, penyelidik telah membuat Ujian Pilot ke atas beberapa Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia di beberapa buah sekolah untuk menguji ketepatan instrumen yang digunakan. Daripada hasil kajian tersebut beberapa perubahan yang difikirkan perlu telah dibuat ke atas instrumen tersebut.

Instrumen beserta cadangan penyelidikan kemudian telah dihantar ke Bahagian Perancangan Penyelidikan Pendidikan (EPRD) untuk mendapatkan surat kebenaran menjalankan kajian di sekolah-sekolah. Setelah hampir sebulan kemudian penyelidik telah mendapat surat kebenaran tersebut. Dengan surat kebenaran itu, penyelidik memohon pula kebenaran kepada Pegawai Pendidikan Daerah bagi daerah-daerah yang dipilih. Penyelidik telah berjumpa dengan semua Pegawai Pendidikan di daerah-daerah tersebut untuk menerangkan dan berbincang mengenai tujuan dan pentingnya kajian. Penerangan ini penting untuk memberi keyakinan kepada pegawai-pegawai tersebut bagi tujuan mendapatkan kerjasama sepenuhnya. Seterusnya

penyelidik telah pergi ke semua 33 buah sekolah di Daerah Kuala Langat, Sepang, Sabak Bernam dan Kuala Selangor untuk berjumpa dengan Pengetua atau Penolong Kanan sekolah-sekolah tersebut. Sekali lagi penyelidik memberi penjelasan dan penerangan mengenai objektif dan pentingnya kajian, untuk tujuan mendapatkan kebenaran dan kerjasama daripada pihak sekolah. Setelah mendapat kebenaran, penyelidik berjumpa dengan Setiausaha Akademik atau salah seorang Ketua Panitia untuk menyerahkan borang soal selidik dan memberi penerangan bagaimana untuk mengisi borang tersebut. Penyelidik tidak dapat berjumpa dan menyerahkan borang soal selidik kepada setiap responden kerana tidak mahu mengganggu perjalanan kelas. Oleh itu, penyelidik meminta Setiausaha Akademik atau salah seorang Ketua Panitia untuk mengedarkan borang soal selidik kepada Ketua Panitia yang telah disenaraikan. Walaupun borang tersebut hanya memerlukan masa di antara 10 - 15 minit untuk diisi, tetapi penyelidik memberi tempoh 3 - 4 hari kepada setiap sekolah. Ini kerana, ada Ketua-Ketua Panitia yang tidak berada di sekolah kerana berkursus, cuti sakit dan sebagainya. Selepas tempoh tersebut, penyelidik datang semula ke sekolah-sekolah tersebut untuk mengutip borang soal selidik yang telah lengkap diisi. Bagi sekolah-sekolah yang jauh dari tempat kediaman penyelidik, borang soal selidik diserahkan bersama-sama dengan sampul surat yang lengkap dengan setem dan alamat penyelidik untuk diposkan kepada alamat penyelidik selepas tempoh 3 - 4 hari.

Penyelidik mengambil masa hampir sebulan untuk mendapatkan semula borang soal selidik daripada sekolah-sekolah yang dikaji. Sebanyak 253 (96 %) borang soal selidik dari Ketua Panitia dan 32 (97 %) borang soal selidik dari Setiausaha Akademik telah diperolehi semula. Kebanyakan borang soal selidik yang tidak dapat dikutip semula adalah kerana Ketua Panitia berkenaan tidak berada di sekolah.

Segala usaha telah dibuat supaya responden memberikan kerjasama yang penuh dan bersikap jujur dan positif terhadap kajian ini agar jawapan dan maklumat yang diberikan benar dan tepat. Antaranya ialah arahan supaya nama responden dan nama sekolah tidak ditulis . Jaminan bahawa semua maklumat yang diberikan akan dirahsiakan, diproses secara berkumpulan dan akan dimusnahkan sebaik kajian selesai ditegaskan di muka surat pertama borang soal selidik. Makluman mengenai kebenaran yang telah diperolehi daripada Bahagian Perancangan Penyelidikan Pendidikan, Pejabat Pendidikan Daerah dan Pengetua sekolah berkaitan juga dinyatakan dalam surat meminta kerjasama untuk mengisi borang soal selidik yang dikepikan bersama dengan borang soal selidik. Selain daripada itu, setiap responden diberikan sampul surat supaya soal selidik yang telah diisi dapat dimasukkan ke dalam sampul surat tersebut. Dengan cara ini, hanya responden dan penyelidik sahaja yang mengetahui maklumat yang diberikan.

3.4 INSTRUMEN

Untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian ini, dua set borang soal selidik telah dibina oleh penyelidik. Borang soal selidik pertama untuk diisi oleh Setiausaha Akademik bagi mendapatkan maklumat mengenai sistem pengurusan kurikulum sekolah dan borang soal selidik kedua untuk diisi oleh Ketua Panitia Mata Pelajaran bagi mendapatkan maklumat mengenai sistem pengurusan panitia mata pelajaran tersebut.

Borang soal selidik untuk Setiausaha Akademik mengandungi 3 bahagian dan untuk Ketua Panitia mengandungi 4 bahagian. Bahagian 1 kedua-dua borang soal selidik mengandungi butir-butir diri responden. Item-item Bahagian 2 dalam kedua-dua borang soal selidik diambil dari Borang Penyeliaan Pengurusan Panitia Matematik Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Item-item tersebut telah

diubahsui sedikit untuk disesuaikan dengan pengurusan kurikulum sekolah dan semua mata pelajaran. Item-item asal berbentuk senarai semak dan responden hanya perlu menjawab 'ya' atau 'tidak', tetapi untuk tujuan kajian ini penyelidik menggunakan skala antara 0 hingga 10. 0 untuk 'tiada aktiviti atau dokumen', 1 untuk 'kurang memuaskan' dan berakhir dengan 10 untuk 'yang terbaik'. Item-item Bahagian 3 borang soal selidik untuk Setiausaha Akademik dan bahagian 3 dan 4 untuk Ketua Panitia dibina sendiri oleh penyelidik berasaskan pengalaman penyelidik sebagai Ketua Panitia Matematik, Ahli Jawatan Kuasa Kurikulum Sekolah, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PKHEM) dan Guru Penolong Kanan 1 (GPK1). Juga daripada rujukan buku-buku panduan penyeliaan beberapa mata pelajaran yang diterbitkan oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan dan rujukan bahan-bahan yang berkaitan dengan pengurusan dan kurikulum.

Borang soal selidik untuk Setiausaha Akademik peringkat awal, iaitu sebelum Ujian Pilot Pertama dilakukan mengandungi 7 bahagian dan soal selidik untuk Ketua Panitia mengandungi 6 bahagian. Skala Likert digunakan untuk skor setiap item. Selepas Ujian Pilot, kedua-dua soal selidik tersebut telah diperbaiki dan diubahsui untuk benar-benar dapat mengukur maklumat yang dikehendaki. Soal selidik telah dipermudahkan dan diringkaskan masing-masing menjadi 3 bahagian untuk soal selidik Setiausaha Akademik dan 4 bahagian untuk Ketua Panitia. Skala Likert ditukar kepada skala yang bermula dengan 0 jika 'tiada aktiviti atau dokumen' , 1 'untuk kurang memuaskan' dan berakhir dengan 10 untuk 'terbaik'. Skala yang digunakan diperluaskan untuk memberi pilihan yang lebih banyak kepada responden bagi menggredkan tahap sistem pengurusan kurikulum sekolah/panitia mata pelajaran yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Selain itu, penyelidik juga telah meminta beberapa rakan sejawat yang pakar dalam pengurusan kurikulum sekolah dan panitia mata pelajaran untuk

menyemak dan mengenal pasti mana-mana item yang tidak sesuai dan tidak tepat. Soal selidik tersebut juga telah disemak oleh dua orang guru Bahasa Melayu untuk memastikan ketepatan bahasa yang digunakan. Akhir sekali, instrumen tersebut telah disemak oleh Penyelia kajian. Setelah diubahsuai dan diperbaiki, Ujian Pilot yang kedua dilakukan ke atas sekumpulan Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia di salah sebuah sekolah di Changloon Kedah. Soal selidik diubahsuai lagi sebelum diedarkan kepada responden. Untuk menghasilkan borang soal selidik seperti yang disertakan dalam Lampiran A penyelidik telah membuat ubahsuai tidak kurang daripada 7 kali.

Borang soal selidik untuk Setiausaha Akademik yang digunakan untuk tujuan kajian ini terbahagi kepada 4 bahagian seperti berikut:

Bahagian 1: Butir-Butir Diri.

Bahagian ini mengandungi 6 item yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai ciri-ciri responden yang dikaji. Maklumat tersebut ialah gred sekolah, kedudukan sekolah, kelulusan akademik yang tertinggi, peratus kelulusan SPM dan PMR dan tempoh pengalaman menjadi Setiausaha Akademik.

Bahagian 2 : Pengesanan Sistem Pengurusan Kurikulum Sekolah.

Bahagian ini terbahagi kepada 4 prinsip, iaitu Prinsip Perancangan (17 item), Prinsip Pengelolaan dan Pelaksanaan (10 item), Prinsip Kepimpinan (10 item) dan Prinsip Pengawalan dan Penilaian (15 item). Tujuan bahagian ini ialah untuk mendapatkan maklumat mengenai sistem pengurusan kurikulum sekolah secara keseluruhan dan mengikut prinsip-prinsipnya. Bahagian ini memerlukan responden menggredkan sistem pengurusan kurikulum yang di bawah tanggungjawabnya dengan

menggunakan skala antara 0 hingga 10. Skor 0 jika 'tiada aktiviti dan dokumen', 1 untuk 'kurang memuaskan' dan berakhir dengan 10 untuk 'terbaik'. Skor-skor setiap item dijumlahkan dan peratus skor untuk setiap prinsip dan untuk keseluruhan dihitung. Bahagian ini juga mengandungi maklumat untuk menguji hipotesis kajian.

Bahagian 3: Pengesanan Pengetahuan/Kemahiran Setiausaha Akademik.

Bahagian ini mengandungi 10 item. Tujuan bahagian ini ialah untuk mengesan tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Setiausaha Akademik dalam pengurusan kurikulum sekolahnya. Seperti item dalam Bahagian 2, skala 0 hingga 10 digunakan untuk memberikan skor setiap item, Min skor setiap item dihitung untuk mengenalpasti mana-mana item yang masih kurang dikuasai oleh Setiausaha Akademik.

Borang soal selidik untuk Ketua Panitia mengandungi 4 bahagian. Bahagian-bahagian tersebut ialah seperti berikut:

Bahagian 1 : Butir-Butir Diri Ketua Panitia.

Bahagian ini mengandungi 6 item, iaitu gred sekolah, ketua panitia mata pelajaran, kelulusan akademik yang tertinggi, tempoh pengalaman menjadi ketua panitia, peratus keputusan peperiksaan mata pelajaran dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan peratus keputusan peperiksaan mata pelajaran dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tujuan bahagian ini ialah untuk mendapatkan maklumat mengenai ciri-ciri responden yang dikaji.

Bahagian 2 : Pengesanan Sistem Pengurusan Panitia Mata Pelajaran.

Bahagian ini mengandungi 4 prinsip pengurusan, iaitu Prinsip Perancangan (28 item), Prinsip Pengelolaan dan Pelaksanaan (20 item), Prinsip Kepimpinan (10 item) dan Prinsip Penyeliaan dan Pengawalan (19 item). Tujuan bahagian ini ialah untuk mendapatkan maklumat mengenai sistem pengurusan panitia secara keseluruhan dan mengikut prinsip-prinsipnya. Bahagian ini memerlukan responden menggredkan sistem pengurusan panitianya dengan menggunakan skala 0 hingga 10, 0 ‘untuk tidak ada dokumen dan aktiviti’ , 1 untuk ‘kurang memuaskan’ dan berakhir dengan 10 untuk ‘terbaik’. Skor-skor setiap item dijumlahkan dan peratus skor untuk setiap prinsip dan pengurusan keseluruhan dihitung. Bahagian ini juga mengandungi maklumat untuk menguji hipotesis kajian.

Bahagian 3: Pengesanan Pengetahuan/Kemahiran Ketua Panitia.

Bahagian ini mengandungi 10 item. Tujuan bahagian ini adalah untuk mengesan tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Ketua Panitia dalam pengurusan panitianya. Seperti item dalam Bahagian 2, setiap item dalam bahagian ini diberikan skor antara 0 hingga 10. Min skor setiap item dihitung untuk mengenal pasti item-item yang masih kurang dikuasai oleh kebanyakan Ketua Panitia.

Bahagian 4 : Pengesanan Masalah-Masalah Utama Dalam Pengurusan Panitia.

Bahagian ini mengandungi 10 item. Tujuan bahagian ini adalah untuk mengesan masalah-masalah utama yang sering dihadapi oleh kebanyakan Ketua Panitia. Skala Likert digunakan untuk memberikan skor setiap item. Min skor setiap item dihitung untuk menentukan susunan dan kedudukan masalah.

3.5 TATACARA ANALISIS DATA

Data-data untuk kajian ini terdiri dari Data Primer dan Sekunder. Data Primer ialah sistem pengurusan kurikulum sekolah dan sistem pengurusan panitia secara keseluruhan dan mengikut prinsip-prinsipnya yang diperolehi menggunakan soal selidik yang diberikan kepada responden. Manakala data sekunder ialah pencapaian sekolah dan mata pelajaran dalam PMR dan SPM untuk tahun 1993 - 1994 dan analisis peperiksaan tersebut pada peringkat daerah dan negeri. Analisis tersebut diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Pejabat Pendidikan Daerah yang terlibat. Berpandukan analisis keputusan Peperiksaan PMR dan SPM di peringkat negeri dan daerah, penyelidik membahagikan sekolah kepada tiga kategori, iaitu Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang, Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana. Min keputusan PMR untuk sekolah dan mata pelajaran yang terlibat dihitung untuk tempoh dua tahun berturut-turut (1993 - 1994) untuk digunakan bagi menguji hipotesis. Antara analisis keputusan yang digunakan ialah keputusan Peperiksaan PMR dan SPM sekolah-sekolah Negeri Selangor mengikut kedudukan dalam negeri, analisis keputusan PMR dan SPM dalam daerah-daerah yang dikaji dan analisis keputusan PMR Negeri Selangor mengikut mata pelajaran.

Maklumat dan data -data yang diperolehi dikodkan dan 'input'nya dimasukkan ke dalam komputer dan dianalisis menggunakan 'SPSS For Ms Windows 6.0'. Analisis Statistik Deskriptif, Statistik Korelasi dan analisis Statistik Inferensi digunakan untuk menganalisis data. Data Bahagian 1 untuk soal selidik Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia dianalisis untuk mendapatkan frekuensi dalam bentuk bilangan dan peratusan. Data Bahagian 2 soal selidik untuk kedua-dua Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia dianalisis menggunakan Statistik Deskriptif, Statistik Korelasi dan Statistik Inferensi. Item-item bahagian ini dianalisis

untuk mendapatkan frekuensi, min skor setiap item, min skor sistem pengurusan secara keseluruhan dan mengikut prinsip-prinsipnya. Min skor sistem pengurusan secara keseluruhan dan mengikut prinsip-prinsipnya kemudian dianalisis semula menggunakan Statistik Inferensi dan Statistik Korelasi untuk menguji hipotesis kajian yang disenaraikan dalam Bab 1.

Hipotesis Kajian yang pertama, kedua dan ketiga dianalisis menggunakan Analisis Varian Satu Hala (ANOVA) dan Ujian 'Honestly Significance Difference' (HSD) Tukey. ANOVA digunakan untuk mencari sama ada wujud perbezaan yang signifikan di antara min skor sistem pengurusan di ketiga-tiga kategori sekolah. Kemudian Ujian HSD Tukey digunakan pula untuk mengenal pasti mana-mana gabungan dua kategori sekolah yang min skornya berbeza dengan signifikan. ANOVA dan Ujian HSD Tukey juga digunakan untuk menguji perbezaan Min skor prinsip-prinsip pengurusan di ketiga-tiga kategori sekolah. Ujian Koefisien Korelasi Hasil Darab Momen Pearson digunakan untuk mencari koefisien hubungan di antara skor sistem pengurusan kurikulum dengan pencapaian sekolah dalam Peperiksaan Awam dan di antara sistem pengurusan panitia mata pelajaran dengan pencapaian mata pelajaran tersebut dalam Peperiksaan Awam. Seterusnya ujian ini digunakan untuk menguji hipotesis kajian yang keempat dan kelima, iaitu untuk menentukan sama ada wujud hubungan yang signifikan di antara pembolehubah-pembolehubah tersebut. Aras kesignifikanan semua ujian dalam kajian ini ditetapkan pada tahap 0.05.

3.6 RUMUSAN

Oleh kerana populasi kajian agak besar, penyelidik telah menggunakan prinsip populasi sasaran dan populasi digunakan. Maklumat yang diperlukan untuk memenuhi tujuan penyelidikan dikurnpul secara kuantitatif menggunakan borang soal selidik yang telah diubahsuai daripada Borang

Penyeliaan Pengurusan Panitia Matematik oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Data yang digunakan ialah data primer dan sekunder. Data sekunder ialah analisis keputusan Peperiksaan SPM dan PMR dan data primer ialah skor sistem pengurusan kurikulum sekolah dan skor sistem pengurusan panitia mata pelajaran. Data telah dikodkan dan dianalisis menggunakan program 'SPSS For Ms Windows 6.0'. Analisis Statistik Deskriptif, Statistik Korelasi dan Statistik Inferensi digunakan untuk penganalisan data. Hipotesis kajian diuji menggunakan Analisis Varian Satu Hala (ANOVA), Ujian HSD Tukey dan Ujian Koefisien Korelasi Hasil Darab Momen Pearson.

BAB 4

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan mengemukakan dan membincangkan keputusan kajian bermula dengan perihalan mengenai responden diikuti dengan perihalan mengenai pembolehubah yang dibincangkan mengikut susunan soalan kajian berikut:

1. Sejauh manakah budaya pengurusan kurikulum yang sistematik, cemerlang dan berkesan telah diamalkan di sekolah-sekolah menengah pada hari ini?
2. Adakah wujud perbezaan di antara sistem pengurusan kurikulum sekolah dan sistem pengurusan panitia di SKPC, SKPM dan SKPS? Adakah perbezaan yang wujud di antara sistem pengurusan panitia di SKPC, SKPM dan SKPS signifikan?
3. Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara pencapaian sekolah dalam Peperiksaan Awam dengan sistem pengurusan kurikulumnya?
4. Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara pencapaian mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan sistem pengurusan panitianya?
5. Sejauh manakah pengetahuan, kemahiran dan kefahaman yang telah dikuasai oleh Setiausaha Akademik Sekolah dalam pengurusan

kurikulum sekolahnya dan Ketua Panitia Mata Pelajaran dalam pengurusan panitia di semua kategori sekolah?

6. Apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Ketua Panitia dalam pengurusan panitianya di semua kategori sekolah?
7. Apakah item-item dalam pengurusan kurikulum sekolah dan pengurusan panitia mata pelajaran yang masih kurang memuaskan ?

4.2 PERIHALAN MENGENAI RESPONDEN

4.2.1 Butir-Butir Diri Setiausaha Akademik

Jadual 1: Taburan Bilangan dan Peratus Setiausaha Akademik Mengikut Gred Sekolah (n = 32).

Gred Sekolah	Bilangan	Peratus
Gred A	19	59.4
Gred B	13	40.6
Jumlah	32	100.0

Jadua12: Taburan Bilangan dan Peratus Setiausaha Akademik Mengikut Kelulusan Akademik (n = 32).

Kelulusan Akademik	Bilangan	Peratus
SPM/MCE	3	9.4
STPM/HCE	1	3.1
Diploma	1	3.1
Ijazah Sarjana Muda	26	81.3
Ijazah Sarjana	1	3.1
JUMLAH	32	100.0

Jadua13 : Taburan Bilangan dan Peratus Setiausaha Akademik Mengikut Kategori Sekolah (n = 32).

Kategori Sekolah	Bilangan	Peratus
Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang (SKPC)	10	31.3
Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan (SKPM)	14	43.8
Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana (SKPS)	8	25.0
Jumlah	32	100.0

Jadua14: Taburan Bilangan dan Peratus Setiausaha Akademik Mengikut Lama Menjadi Setiausaha Akademik (n = 32).

Tempoh	Bilangan	Peratus
0 - 2	22	68.8
3 - 4	8	25
5 - 6	1	3.1
7 - 8	1	3.1
9 - 10	0	0
11 Ke atas	0	0
Jumlah	32	100.0

Merujuk kepada Jadual Butir-Butir Diri Setiausaha Akademik (Jadual 1) didapati 19 (59.4%) orang Setiausaha Akademik dari sekolah gred A dan 13 (40.6%) dari sekolah gred B. Jadual 2 pula menunjukkan bahawa, 26 (81.3%) responden berkelulusan Ijazah Sarjana Muda. Daripada Jadual 3 didapati, 10 (31.3 %) orang responden dari SKPC, 14 (43.8 %) responden daripada SKPM dan 8 (25 %) daripada SKPS. Merujuk kepada Jadua14 pula, didapati kebanyakan responden (68.8 %) mempunyai pengalaman sebagai Setiausaha Akademik antara 0 - 2 tahun. Manakala 8 (25%) responden mempunyai pengalaman antara 3 - 4 tahun. Dapatan ini menggambarkan yang kebanyakan responden yang dikaji masih baru dalam tugas mereka sebagai Setiausaha Akademik.

4.2.2 Butir-Butir Diri Ketua Panitia

Jadual5: Taburan Bilangan dan Peratus Ketua Panitia Mengikut Gred Sekolah (n = 253).

Gred Sekolah	Bilangan	Peratus
Gred A	138	54.5
Gred B	115	45.5
Jumlah	253	100.0

Jadua16: Taburan Bilangan dan Peratus Ketua Panitia Mengikut Mata Pelajaran (n = 253).

Mata Pelajaran	Bilangan	Peratus
Bahasa Melayu	32	12.6
Bahasa Inggeris	30	11.9
Sejarah	33	13.0
Geografi	30	11.9
Matematik	32	12.6
Sains	32	12.6
Pendidikan Islam	31	12.3
Kemahiran Hidup (Pilihan 1)	33	13.0
Jumlah	253	100.0

Jadual 7: Taburan Bilangan dan Peratus Ketua Panitia Mengikut Kelulusan Akademik (n = 253).

Kelulusan Akademik	Bilangan	Peratus
SPM/MCE	27	10.7
STM/HCE	13	5.1
Diploma	7	2.8
Ijazah Sarjana Muda	198	78.3
Ijazah Sarjana	8	3.2
Jumlah	253	100.0

Jadual 8: Taburan Bilangan dan Peratus Ketua Panitia Mengikut Lama Menjadi Ketua Panitia (n = 253).

Tempoh	Bilangan	Peratus
0 - 1	87	34.4
2 - 3	94	37.2
4 - 5	44	17.4
6 - 7	10	4.0
8 - 9	5	2.0
10 Tahun Ke atas	13	5.1
Jumlah	253	100.0

Jadua19: Taburan Bilangan dan Peratus Ketua Panitia Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).

Kategori Sekolah	Bilangan	Peratus
Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang (SKPC)	73	28.9
Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan (SKPM)	112	44.3
Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana (SKPS)	68	26.9
Jumlah	253	100.0

Jadual 10 : Bilangan dan Peratus Ketua Panitia Mengikut Daerah (n = 253).

Daerah	Bilangan	Peratus
Daerah Sabak Bernam	66	26.1
Daerah Kuala Selangor	87	34.4
Daerah Kuala Langat/ Sepang	100	39.5
Jumlah	253	100.0

Merujuk kepada Jadual 5, didapati 138 (54.5 %) responden dari sekolah Gred A dan bakinya 115 (45.5 %) dari sekolah Gred B. Ini bermakna jumlah responden dari kedua-dua gred sekolah adalah lebih kurang sama. Daripada Jadual 6, jelas dilihat bahawa, jumlah Ketua Panitia untuk setiap mata pelajaran adalah lebih kurang sama iaitu antara 30 dan 33. Kelulusan akademik kebanyakan responden adalah Ijazah Sarjana Muda iaitu sebanyak 198 (78.3 %) , sila lihat Jadual 7 . Ini menunjukkan kebanyakan jawatan Ketua Panitia di kebanyakan sekolah pada hari ini disandang oleh guru-guru yang berkelulusan. Sebanyak 27 (10.1%) responden hanya berkelulusan SPM/MCE. Kebanyakan daripada mereka adalah Ketua Panitia Kemahiran Hidup.

Merujuk kepada Jadual 8, 94 (37.2 %) responden mempunyai pengalaman menjadi Ketua Panitia selama antara 2 - 3 tahun, manakala 87 (34.4 %) berpengalaman antara 0 - 1 tahun. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan Ketua Panitia di sekolah-sekolah pada masa kini masih baru dalam tugas masing-masing. Jika dilihat bilangan responden mengikut kategori sekolah, didapati 73 (28.9 %) responden dari SKPC, 112 (44.3%) dari SKPM dan 68 (26.9%) dari SKPS (lihat Jadual 9). Jadual 10 pula menunjukkan 100 (39.5 %) responden daripada Daerah Kuala Langat/ Sepang, 87 (34.4 %) daripada Daerah Kuala Selangor dan 66 (26.1 %) daripada Daerah Sabak Bernam.

4.3 PERIHALAN MENGENAI PEMBOLEHUBAH

4.3.1 Sejauh Manakah Budaya Pengurusan Kurikulum yang Sistematis, Berkesan dan Cemerlang Telah Diamalkan di Sekolah-Sekolah Menengah pada Hari Ini?

Jadual 11: Taburan Bilangan dan Peratus Sekolah dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana (n = 32).

Kategori	Bilangan	Peratus
Cemerlang *	9	28.1
Memuaskan *	10	31.3
Sederhana *	13	40.6
Jumlah	32	100.0

Nota: * Cemerlang - peratus skor 76% ke atas.

* Memuaskan - peratus skor di antara 66% dan 75%.

* Sederhana - peratus skor 65% ke bawah.

Jadual 12: Taburan Bilangan dan Peratus Panitia dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana (n = 253).


Kategori	Bilangan	Peratus
Cemerlang *	77	30.4
Memuaskan *	101	39.9
Sederhana *	75	29.6
Jumlah	253	100.0

Nota: *Cemerlang - peratus skor 76% ke atas.


* Memuaskan - peratus skor di antara 66% dan 75%.

* Sederhana - peratus skor 65% ke bawah.

Rajah 7: Carta Pai Peratus Sekolah dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana (n = 32).



Rajah 8: Carta Pai Peratus Panitia Mata Pelajaran dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana (n = 253).




Setelah skor sistem pengurusan untuk setiap sekolah dan panitia dikira didapati sebanyak 9 buah sekolah atau 28.1% boleh dikategorikan sebagai Sekolah Kategori Pengurusan Kurikulum Cemerlang , 10 (3 1.3 %) sebagai Sekolah Kategori Pengurusan Kurikulum Memuaskan dan 13 (40.6 %) dalam Sekolah Kategori Pengurusan Kurikulum Sederhana (lihat Jadual 11). Merujuk daripada data Jadual 12, didapati daripada 253 ketua panitia yang dikaji, 77 (30.4 %) boleh dikategorikan sebagai Panitia Kategori Pengurusan Cemerlang , 101 (39.9 %) sebagai Panitia Kategori Pengurusan Memuaskan dan 75 (29.6 %) sebagai Panitia Kategori Pengurusan Sederhana. Berdasarkan Rajah 7, jelas ditunjukkan bahawa kebanyakan sekolah yang dikaji sistem pengurusan kurikulumnya termasuk dalam kategori sederhana. Rajah 8 pula menunjukkan kebanyakan panitia yang dikaji termasuk dalam kategori pengurusan memuaskan.

Dapatan-dapatan ini menggambarkan bahawa sistem pengurusan kurikulum di kebanyakan sekolah yang dikaji secara keseluruhannya adalah memuaskan kerana 19 (59.4%) sekolah mendapat skor 66 ke atas. Hanya 13 (40.6 %) buah sekolah sahaja yang sistem pengurusannya masih kurang memuaskan (min skor 65% ke bawah) dan perlu mengambil langkah-langkah tertentu untuk memperbaikinya. Dapatan kajian sistem pengurusan panitia mata pelajaran juga menunjukkan bahawa kebanyakan sistem pengurusan panitia yang dikaji berada pada tahap memuaskan (min skor = 66 % ke atas) iaitu sebanyak 177 (70.4 %). Hanya 75 (29.6 %) daripada panitia yang dikaji sistem pengurusannya berada pada tahap sederhana (min skor 65 % ke bawah).

Jadual 13: Taburan Bilangan dan Peratus Sekolah dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana Mengikut Prinsip-Prinsip Pengurusan (n = 32).

Prinsip Pengurusan	Cemerlang (76 % ke atas)		Memuaskan (66 % - 75%)		Sederhana (65 % ke bawah)	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Perancangan	8	25	13	40.6	11	34.4
Pengelolaan & Pelaksanaan	12	37.5	9	28.1	11	34.4
Kepimpinan	9	28.1	10	31.3	13	40.6
Penyeliaan & Pengawasan	11	34.4	9	28.1	12	37.5


Rajah 9: Carta Bar Bilangan Sekolah dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana Mengikut Prinsip-Prinsip Pengurusan (n = 32).



Jadual 14: Taburan Bilangan dan Peratus Panitia dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana Mengikut Prinsip-Prinsip Pengurusan (n = 253).

Prinsip Pengurusan	Cemerlang (76% ke atas)		Memuaskan (66%- 75%)		Sederhana (65% ke bawah)	
	Bil	%	Bil	%	Bil	%
Perancangan	76	30.0	77	30.4	100	39.5
Pengelolaan & Pelaksanaan	76	30.0	82	32.4	95	37.5
Kepimpinan	107	42.3	67	26.5	79	31.2
Penyeliaan & Kawalan	100	39.5	74	29.2	79	31.2

Rajah 10: Carta Bar Bilangan Panitia Mata Pelajaran dalam Kategori Pengurusan Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana Mengikut Prinsip-Prinsip Pengurusan (n = 253).



Data dalam Jadual 13 menunjukkan min skor prinsip-prinsip pengurusan kurikulum sekolah mengikut kategori. Didapati kebanyakan Prinsip Perancangan, Pengelolaan & Pelaksanaan, Kepimpinan dan Penyeliaan & Pengawalan di sekolah-sekolah yang dikaji adalah pada tahap yang memuaskan (jumlah skor 66% ke atas). Hanya lebih kurang 1/3 daripada sekolah yang dikaji prinsip-prinsip pengurusannya masih pada tahap yang sederhana (jumlah skor 65% ke bawah). Keputusan yang sama jelas dilihat dalam Jadual 14, prinsip-prinsip pengurusan panitia mata pelajaran yang dikaji kebanyakannya juga berada pada tahap yang memuaskan. Berdasarkan Jadual 13 dan 14 didapati juga, bilangan sekolah dan panitia mata pelajaran mengikut prinsip-prinsip pengurusan dalam Kategori Cemerlang, Memuaskan dan Sederhana adalah lebih kurang sama. Merujuk kepada Rajah 9, didapati bagi kebanyakan sekolah yang dikaji Prinsip Perancangannya adalah dalam Kategori Memuaskan manakala Prinsip Kepimpinan dan Prinsip Penyeliaan & Pengawalan dalam Kategori Sederhana dan Prinsip Pengelolaan & Pelaksanaan termasuk dalam Kategori Cemerlang. Carta Bar pada Rajah 10 pula menunjukkan bagi kebanyakan panitia yang dikaji, Prinsip Perancangan dan Prinsip Pengelolaan & Pelaksanaannya adalah dalam Kategori Sederhana, manakala Prinsip Kepimpinan dan Penyeliaan & Pengawalan berada dalam Kategori Cemerlang.

Dapatan-dapatan ini menunjukkan bahawa Prinsip-Prinsip Perancangan, Pengelolaan & Pelaksanaan, Kepimpinan dan Penyeliaan & Pengawalan dalam sistem pengurusan kurikulum sekolah dan pengurusan panitia mata pelajaran di kebanyakan sekolah yang dikaji adalah pada tahap yang memuaskan.

Jadual 15 : Nilai Min, SD (Sisihan Piawai), Minimum dan Maksimum Skor Sistem Pengurusan Kurikulum Sekolah Secara Keseluruhan dan Mengikut Prinsip-Prinsipnya (n = 32).

Prinsip Pengurusan	Min	SD	Minimum	Maksimum
Perancangan	68.59	14.78	36	97
Pengelolaan & Pelaksanaan	68.00	15.47	34	91
Kepimpinan	67.19	15.98	32	94
Penyeliaan & Pengawalan	68.84	14.08	39	95
Keseluruhan	67.69	13.29	36	93

Jadual 16: Nilai Min, SD (Sisihan Piawai), Minimum dan Maksimum Skor Sistem Pengurusan Panitia Mata Pelajaran Secara Keseluruhan dan Mengikut Prinsip-Prinsipnya (n = 253).

Prinsip Pengurusan	Min	SD	Minimum	Maksimum
Perancangan	66.96	13.53	17	96
Pengelolaan & Pelaksanaan	67.02	13.77	10	96
Kepimpinan	69.47	15.41	8	99
Penyeliaan & Pengawalan	68.87	15.98	6	99
Keseluruhan	68.74	12.44	21	96

Merujuk kepada Jadual 15, didapati min skor keseluruhan sistem pengurusan kurikulum sekolah-sekolah yang dikaji ialah 67.69 peratus dengan SD = 13.29. Nilai minimum dan maksimumnya masing-masing ialah 36 dan 93. Daripada jadual ini didapati juga, min skor sistem pengurusan kurikulum untuk setiap prinsip pengurusan adalah lebih kurang sama iaitu antara 67.19 peratus dan 68.8 peratus. Nilai-nilai SD, minimum dan maksimum untuk setiap prinsip pengurusan juga lebih kurang sama. Data dalam Jadual 16 pula menunjukkan min skor sistem pengurusan panitia mata pelajaran yang dikaji ialah 68.74 peratus, SD nya ialah 12.44, nilai minimumnya ialah 21 dan nilai maksimum 96. Nilai minimum prinsip pengurusan paling rendah ialah pada Prinsip Penyeliaan dan Kawalan dengan jumlah skornya hanya


6% sahaja dan prinsip pengurusan paling tinggi ialah pada Prinsip Perancangan iaitu 2 1%. Manakala nilai-nilai Min, SD dan nilai maksimum untuk setiap prinsip pengurusan adalah lebih kurang sama. Keputusan daripada kedua-dua Jadual 15 dan 16 memberi gambaran bahawa, sistem pengurusan kurikulum sekolah dan sistem pengurusan panitia mata pelajaran di sekolah-sekolah yang dikaji adalah seimbang dari segi Perancangan, Pengelolaan & Pelaksanaan, Kepimpinan dan Penyeliaan & Pengawalan. Perbezaan antara nilai-nilai minimum dan maksimum bagi sistem pengurusan kurikulum dan panitia mata pelajaran secara keseluruhan yang terlalu jauh juga menggambarkan ada sekolah/panitia mata pelajaran yang sistem pengurusannya cemerlang dan ada sekolah/panitia yang sistem pengurusannya sangat tidak memuaskan.

4.3.2 Adakah Wujud Perbezaan antara Sistem Pengurusan Kurikulum Sekolah dan Sistem Pengurusan Panitia di SKPC, SKPM dan SKPS ? Adakah Perbezaan yang Wujud di antara Sistem Pengurusan Panitia di SKPC, SKPM dan SKPS signifikan?


Jadual 17: Perbezaan Min Skor Sistem Pengurusan Kurikulum di SKPC, SKPM dan SKPS Secara Keseluruhan dan Mengikut Prinsip-Prinsipnya (n = 32).

Prinsip Pengurusan	SKPC	SKPM	SKPS
Perancangan	81.30	63.21	54.38
Pengelolaan & Pelaksanaan	75.30	68.64	57.75
Kepimpinan	78.70	66.29	57.75
Penyeliaan & Pengawalan	77.20	68.64	62.13
Sistem Pengurusan (Keseluruhan)	78.20	66.29	58.63

Rajah 11: Carta Bar Perbezaan Min Skor Sistem Pengurusan Kurikulum di SKPC, SKPM dan SKPS Secara Keseluruhan dan Mengikut Prinsip-Prinsipnya (n =32).



Rajah 12: Carta Bar Perbezaan Min Skor Sistem Pengurusan Panitia Di SKPC, SKPM dan SKPS Secara Keseluruhan dan Mengikut Prinsip-prinsipnya (n = 253).



Merujuk kepada Jadual 17, didapati min skor sistem pengurusan kurikulum (keseluruhan) di SKPC ialah 78.20% , di SKPM 65.36% dan 58.63% di SKPS. Perbezaan min skor ini jelas menunjukkan wujud perbezaan sistem pengurusan kurikulum di SKPC, SKPM dan di SKPS. Min skor mengikut prinsip pengurusan (lihat Rajah 11) di ketiga-tiga kategori sekolah juga jelas berbeza, didapati min skor semua prinsip pengurusan di SKPC lebih besar daripada di SKPM dan di SKPS, manakala min skor semua prinsip Pengurusan di SKPM pula adalah lebih besar daripada min skor di SKPS. Berasaskan dapatan ini dapatlah dinyatakan secara keseluruhannya, sistem pengurusan kurikulum di SKPC adalah lebih baik daripada sistem pengurusan kurikulum di SKPM dan di SKPS. Manakala sistem pengurusan kurikulum di SKPM pula lebih baik daripada sistem pengurusan di SKPS.

Jadual 18: Min Skor Sistem Pengurusan Panitia di SKPC, SKPM dan SKPS Secara Keseluruhan dan Mengikut Prinsip-Prinsipnya (n = 253).

Prinsip Pengurusan	SKPC	SKPM	SKPS
Perancangan	72.30	63.60	66.76
Pengelolaan & Pelaksanaan	73.03	63.14	66.94
Kepimpinan	75.52	66.03	68.66
Penyeliaan & Pengawalan	76.75	64.96	66.84
Sistem Pengurusan (Keseluruhan)	75.41	65.26	67.3 1

Min skor sistem pengurusan panitia mata pelajaran (keseluruhan) di SKPC , SKPM dan SKPS masing-masing ialah 75.41, 65.26 dan 67.3 1 (lihat Jadual 18). Keputusan ini jelas menunjukkan bahawa, wujud perbezaan sistem pengurusan panitia di ketiga-tiga kategori sekolah tersebut, didapati min skor sistem pengurusan panitia SKPC lebih besar daripada min skor SKPM dan SKPS, tetapi didapati min skor sistem pengurusan SKPS lebih besar daripada min skor SKPM. Merujuk kepada min skor untuk setiap prinsip

pengurusan didapati min skor prinsip-prinsip pengurusan untuk kategori sekolah yang sama adalah lebih kurang sama. Carta Bar Rajah 12 menunjukkan min skor kesemua prinsip pengurusan di SKPC adalah lebih besar daripada min skor di SKPM dan SKPS, tetapi min skor kesemua prinsip tersebut di SKPS adalah lebih besar daripada SKPM. Keputusan ini menggambarkan secara keseluruhannya, sistem pengurusan panitia di SKPC adalah lebih baik daripada di SKPM dan SKPS. Manakala sistem pengurusan panitia di SKPS pula lebih baik daripada di SKPM.

Jadual 19: Keputusan Analisis Variasi Satu Hala (ANOVA) Sistem Pengurusan Panitia Mata Pelajaran Secara Keseluruhan bagi Ketiga Kategori Sekolah - SKPC, SKPM dan SKPS (n= 253).

Sumber Variasi	DF	s s	M S	F	P
Antara Kelompok	2	4745.1056	2372.5528	17.3160	0.000 *
Dalam Kelompok	250	34253.6770	137.0147		
Jumlah	252	38998.7826			

* Signifikan pada 0.05

Keputusan ANOVA satu hala min skor sistem pengurusan panitia (Jadual 19) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($p = 0.000$ dan $F = 17.3160$) di antara kategori sekolah tersebut. Ini bermakna terdapat perbezaan di antara sistem pengurusan panitia di SKPC, SKPM dan SKPS. Seterusnya Ujian HSD Tukey pada aras signifikan 0.05 digunakan untuk menentukan gabungan dua kategori sekolah yang signifikan. Keputusan ujian tersebut (Jadual 20) menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan di antara sistem pengurusan panitia di SKPC dan SKPM dan di antara sistem pengurusan panitia di SKPC dan SKPS. Merujuk kepada jadual tersebut juga, ternyata tidak wujud perbezaan yang signifikan antara sistem pengurusan panitia di SKPM dan SKPS.

Jadual 20: Keputusan Ujian HSD Tukey bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah yang Signifikan (n = 253).

Min	Kategori Sekolah	SKPM	SKPS	SKPC
65.2589	SKPM	▪		
67.3088	SKPS	-		
75.4110	SKPC	*	*	

* Signifikan pada 0.05

Dengan ini Hipotesis “Null” bagi Hipotesis Pertama ditolak dan Hipotesis Alternatifnya yang menyatakan sistem pengurusan panitia di SKPC lebih baik daripada sistem pengurusan panitia di SKPM diterima . Berdasarkan keputusan ini bolehlah dikatakan bahawa, sistem pengurusan panitia di SKPC secara keseluruhannya lebih baik daripada sistem pengurusan panitia di SKPM.

Keputusan ujian ini juga membolihkan Hipotesis “Null” bagi Hipotesis Kedua ditolak dan Hipotesis Alternatifnya yang menyatakan sistem pengurusan panitia di SKPC sama dengan SKPS diterima. Dengan ini bolehlah dianggapkan bahawa, sistem pengurusan panitia di SKPC juga lebih baik berbanding dengan sistem pengurusan panitia di SKPM.

Perbezaan di antara min skor sistem pengurusan panitia di SKPM dan di SKPS ialah -2.0499, dan Ujian HSD Tukey (Jadual 20) menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan. Sehubungan dengan ini, Hipotesis “Null” dalam Hipotesis Ketiga yang menyatakan sistem pengurusan panitia di SKPM sama dengan SKPS diterima dan Hipotesis Alternatifnya ditolak. Berdasarkan dapatan ini bolehlah dianggapkan bahawa sistem pengurusan panitia di SKPM adalah lebih kurang sama dengan sistem pengurusan panitia di SKPS.

Jadual 21: Keputusan Analisis Varian Satu Hala (ANOVA) Prinsip Perancangan dalam Sistem Pengurusan Panitia Mata Pelajaran di SKPC, SKPM dan SKPS (n = 253).

Sumber Variasi	DF	SS	MS	F	P
Antara Kelompok	2	3351.0799	1675.5400	9.7933	0.001*
Dalam Kelompok	250	42772.5248	171.0901		
Jumlah	252	46123.6047			

* Signifikan pada 0.05

Jadual 22: Keputusan Ujian HSD Tukey bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah yang Signifikan (n = 253).

Min	Kategori Sekolah	SKPM	SKPS	SKPC
63.5982	SKPM	-		
66.7647	SKPS	-		
72.3014	SKPC	*	*	

* Signifikan pada 0.05

Keputusan ANOVA menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan di antara min skor Prinsip Perancangan di SKPC, SKPM dan SKPS ($F = 9.7933$, $p = 0.0001$). Keputusan Ujian HSD Tukey menunjukkan gabungan min skor di SKPC dan di SKPM dan gabungan min skor di SKPC dengan di SKPS adalah signifikan. Manakala gabungan min skor di SKPM dan SKPS tidak signifikan. Sehubungan dengan itu, bolehlah dianggap sistem pengurusan panitia dari segi perancangannya di SKPC adalah lebih baik berbanding dengan di SKPM dan SKPS. Manakala sistem perancangan panitia di SKPM dan SKPS adalah lebih kurang sama sahaja.

Jadua123: Keputusan Analisis Varian (ANOVA) Prinsip Pengelolaan & Pelaksanaan dalam Sistem Pengurusan Panitia Mata Pelajaran di SKPC, SKPM dan SKPS (n = 253).

Sumber Variasi	DF	s s	M S	F	P
Antara Kelompok	2	4318.5126	2159.2563	12.4222	0.000 *
Dalam Kelompok	250	43455.4242	173.8217		
Jumlah	252	47773.9368			

* Signifikan pada 0.05

Jadua124: Keputusan Ujian HSD Tukey bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah yang Signifikan (n = 253).

Min	Kategori Sekolah	SKPM	SKPS	SKPC
63.1429	SKPM	▪		
66.9412	SKPS	▪		
73.0274	KPC	*	*	

* Signifikan pada 0.05

Keputusan ANOVA menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan di antara min skor Prinsip Pengelolaan & Pelaksanaan di SKPC, SKPM dan SKPS ($F = 12.4222$, $p = 0.0000$). Keputusan Ujian HSD Tukey menunjukkan gabungan min skor di SKPC dengan di SKPM dan gabungan min skor di SKPC dengan di SKPS adalah signifikan. Manakala gabungan min skor di SKPM dan SKPS tidak signifikan. Sehubungan dengan dapatan ini, bolehlah dianggapkan sistem pengurusan panitia dari segi pengelolaan & pelaksanaannya di SKPC adalah lebih baik daripada di SKPM dan SKPS. Manakala sistem pengelolaan & pelaksanaan panitia di SKPM dan SKPS adalah lebih kurang sama sahaja.

Jadual 25: Keputusan Analisis Varian (ANOVA) Prinsip Kepimpinan dalam Sistem Pengurusan Panitia Mata Pelajaran di SKPC, SKPM dan SKPS (n = 253).

Sumber Variasi	DF	SS	MS	F	P
Antara Kelompok	2	4044.7236	2022.3618	9.0636	0.0002
Dalam Kelompok	250	55782.3594	223.1294		
Jumlah	252	59827.0830			

* Signifikan pada 0.05

Jadual 126: Keputusan Ujian HSD Tukey bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah yang Signifikan (n = 253).

Min	Kategori Sekolah	SKPM	SKPS	SKPC
66.0268	SKPM	▪		
68.6618	SKPS	▪		
75.5205	KPC	*	*	

* Signifikan pada 0.05

Keputusan ANOVA menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan di antara min skor Prinsip Kepimpinan, di SKPC, SKPM dan SKPS ($F = 9.0636$, $p = 0.0002$). Keputusan Ujian HSD Tukey menunjukkan gabungan min skor di SKPC dan di SKPM dan gabungan min skor di SKPC dengan di SKPS adalah signifikan. Manakala gabungan min skor di SKPM dan SKPS tidak signifikan. Berasaskan keputusan ini, dapatlah dianggapkan bahawa tahap pengurusan panitia dari segi kepimpinan di sekolah-sekolah yang cemerlang pada umumnya lebih baik daripada sekolah-sekolah dalam kategori memuaskan dan sederhana, tetapi tahap kepimpinan dalam pengurusan panitia di SKPM dan SKPS tidak jauh bezanya.

Jadua127: Keputusan Analisis Varian (ANOVA) Prinsip Penyeliaan & Pengawalan dalam Sistem Pengurusan Panitia Mata Pelajaran di SKPC, SKPM dan SKPS (n = 253).

Sumber Variasi	DF	s s	MS	F	P
Antara Kelompok	2	6526.0563	3263.0281	14.1138	0.0000*
Dalam Kelompok	250	57798.6394	231.1946		
Jumlah	252	64324.6957			

* Signifikan pada 0.05

Jadua128: Keputusan Ujian HSD Tukey bagi Menentukan Gabungan Dua Kategori Sekolah yang Signifikan (n = 253).

Min	Kategori Sekolah	SKPM	SKPS	SKPC
64.9643	SKPM	-		
66.8382	SKPS	-		
76.7534	SKPC	*	*	

* Signifikan pada 0.05

Keputusan ANOVA menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan di antara min skor Prinsip Penyeliaan & Pengawalan, di SKPC, SKPM dan SKPS ($F = 14.1138$, $p = 0.0000$). Keputusan Ujian HSD Tukey menunjukkan gabungan min skor di SKPC dan di SKPM dan gabungan min skor di SKPC dengan di SKPS adalah signifikan. Manakala gabungan min skor di SKPM dan SKPS tidak signifikan. Sehubungan dengan ini bolehlah dianggapkan sistem pengurusan panitia dari segi penyeliaan dan pengawalan di SKPC adalah lebih baik berbanding daripada di SKPM dan SKPS. Manakala sistem penyeliaan dan pengawalan dalam pengurusan panitia di SKPM dan SKPS adalah lebih kurang sama sahaja.

4.3.3 Adakah Wujud Hubungan yang Signifikan di antara Pencapaian Sekolah dalam Peperiksaan Awam dengan Sistem Pengurusan Kurikulumnya dan di antara Pencapaian Mata Pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan Pengurusan Panitianya?

Jadua129: Keputusan Ujian Koefisien Korelasi Hasil Darab Momen Pearson antara Pencapaian Sekolah dalam Peperiksaan Awam dengan Sistem Pengurusan Kurikulumnya (n = 32).

	Pencapaian	Sistem Pengurusan Kurikulum
Pencapaian	1 .0000 (32) P = .	0.4876 (32) P = 0.005 **

** Signifikan pada 0.05

Keputusan Ujian Korelasi (Jadual 29) bagi pencapaian sekolah (32 buah sekolah) dalam Peperiksaan Awam dengan sistem pengurusan kurikulumnya menunjukkan wujud hubungan positif yang sederhana teguh ($r = 0.4876$) dan signifikan ($p = 0.005$). Sehubungan dengan ini, Hipotesis “Null” bagi Hipotesis Keempat ditolak dan Hipotesis Alternatifnya di terima. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa, wujud hubungan yang signifikan di antara pencapaian akademik sekolah dengan sistem pengurusan kurikulumnya.

Jadual 30: Keputusan Ujian Koefisien Korelasi Hasil Darab Momen Pearson antara Pencapaian Mata Pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan Sistem Pengurusan Panitianya (n = 253).

	Pencapaian	Sistem Pengurusan Panitia
Pencapaian	1 .0000 (253) P = .	0.2783 (253) P = 0.000 **

* * Signifikan pada 0.05

Daripada Jadual 30, keputusan Ujian Korelasi menunjukkan wujud hubungan positif yang lemah ($r = 0.2783$) di antara pencapaian mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan sistem pengurusan panitianya. Keputusan seterusnya menunjukkan hubungan ini signifikan ($p = 0.000$). Berasaskan keputusan ujian ini, maka Hipotesis “Null” bagi Hipotesis Kelima ditolak dan Hipotesis Alternatifnya, iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara sistem pengurusan panitia dengan pencapaian mata pelajarannya dalam Peperiksaan Awam diterima. Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa wujud hubungan di antara pencapaian mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan sistem pengurusan panitianya. Ini bermakna pencapaian sesuatu mata pelajaran juga dipengaruhi oleh sistem pengurusan panitianya.

Jadua13 1: Keputusan Ujian Koefisien Korelasi Hasil Darab Momen Pearson di antara Pencapaian Mata Pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan Sistem Pengurusan Panitianya Mengikut Mata Pelajaran ($n = 253$).

Mata Pelaj aran	Pencapaian	Pengurusan Panitia
Bahasa Melayu	Pencapaian 1 .0000 (32) P = .	0.3943 (32) P = 0.026 **
Bahasa Inggeris	Pencapaian 1 .0000 (30) P = .	0.1182 (30) P = 0.534
Sejarah	Pencapaian 1 .0000 (33) P = .	0.3565 (33) P = 0.042 **
Geografi	Pencapaian 1 .000 (30) P = .	0.5884 (30) P = 0.001**

** Signitikan pada 0.05

Mata Pelajaran	Pencapaian	Pengurusan Panitia
Matematik	Pencapaian 1.0000 (32) P = .	-0.1591 (32) P = 0.384
Sains	Pencapaian 1.0000 (32) P = .	0.0965 (32) P = 0.599
Pendidikan Islam	Pencapaian 1.0000 (31) P = .	0.0361 (31) P = 0.847
Kemahiran Hidup	Pencapaian 1.0000 (33) P = .	0.1391 (33) P = 0.440

** Signifikan pada 0.05

Keputusan Ujian korelasi (Jadual 31) bagi pencapaian mata pelajaran dengan sistem pengurusan panitianya menunjukkan hanya pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah, dan Geografi sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan sistem pengurusan panitianya. Pencapaian Bahasa Melayu mempunyai hubungan positif yang lemah ($r = 0.3943$) dan signifikan ($p = 0.026$). Hubungan pencapaian Mata Pelajaran Sejarah dengan sistem pengurusan panitianya juga agak lemah ($r = 0.3565$) tetapi signifikan ($p = 0.042$). Manakala hubungan pencapaian Mata Pelajaran Geografi dengan sistem pengurusan panitianya adalah sederhana teguh ($r = 0.5884$) dan signifikan ($p = 0.001$). Hubungan positif juga wujud pada Mata Pelajaran Bahasa Inggeris, Sains, Pendidikan Islam dan Kemahiran

Hidup tetapi hubungan tersebut tidak signifikan. Manakala bagi Mata Pelajaran Matematik wujud hubungan negatif tetapi juga tidak signifikan. Wujudnya hubungan yang positif atau negatif tetapi tidak signifikan mungkin disebabkan oleh jumlah sampel yang digunakan kecil.

Dapatan-dapatan ini menunjukkan bahawa ada juga mata pelajaran yang pencapaiannya tidak terlalu dipengaruhi oleh sistem pengurusan panitianya. Ini bermakna ada mata pelajaran yang pencapaiannya sederhana, walaupun sistem pengurusan panitianya cemerlang. Begitu juga sebaliknya. Ada juga mata pelajaran yang cemerlang, walaupun sistem pengurusannya sederhana sahaja. Contohnya, pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Inggeris bagi kebanyakan sekolah yang dikaji adalah rendah, walaupun jumlah skor sistem pengurusannya tinggi. Berbeza dengan mata pelajaran Pendidikan Islam dan Kemahiran Hidup, pencapaian kebanyakan sekolah yang dikaji dalam mata pelajaran tersebut adalah tinggi, tetapi jumlah skor yang diberikan oleh ketua panitianya ada juga yang rendah. Keadaan ini berlaku kerana terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian sesuatu mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam dan faktor pengurusan panitianya hanya merupakan salah satu faktor sahaja.

4.3.4 Sejauh Manakah Pengetahuan, Kemahiran dan Kefahaman yang Telah Dikuasai oleh Setiausaha Akademik Sekolah dalam Pengurusan Kurikulum Sekolah dan Ketua Panitia dalam Pengurusan Panitia di Semua Kategori Sekolah.

Jadua132: Min Skor Penguasaan Pengetahuan dan Kemahiran Setiausaha Akademik dalam Pengurusan Kurikulum Secara Keseluruhan (SK) dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 32).

ITEM	SK	SKPC	KPM	SKPS
1. Pengetahuan dan kefahaman tentang senarai tugas yang perlu dilaksanakan.	7.38	7.40	7.29	7.50
2. Pengalaman dalam bidang tugas	6.91	7.30	6.29	7.50
3. Kemahiran menjalankan tugas .	7.31	7.50	7.00	7.62
4. Kefahaman tentang matlamat dan hala tuju kurikulum sekolah	7.53	7.90	7.07	7.87
5. Kefahaman kepentingan pengurusan kurikulum berkesan/ cemerlang untuk merealisasikan FPN dan Wawasan 2020.	7.34	7.70	6.79	7.87
6. Kemahiran dan kreativiti dalam menyelesaikan masalah-masalah kurikulum.	7.03	7.40	6.50	7.50

* Min Skor Sederhana


ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
7. Kefahaman mengenai konsep 'Zero Defect' dalam pengurusan kurikulum .	7.22	7.90	6.64	7.38
8. Kefahaman dan kemahiran bagaimana strategi-strategi utama Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah dilaksanakan	7.28	8.00	6.64	7.50
9. Pengetahuan/kefahaman tentang sistem pengurusan kurikulum sekolah yang sistematik dan berkesan.	7.06	7.50	6.64	7.25
10. Pengetahuan tentang R & D atau Penyelidikan Tindakan (Action Research) dalam penyelesaian masalah kurikulum sekolah .	6.41	6.80	5.93*	6.75

* Min Skor Sederhana


Min skor secara keseluruhan bagi Setiausaha Akademik untuk semua item di kebanyakan sekolah adalah melebihi 7 kecuali min skor Item10 dan Item 2. (lihat Jadual 32). Keputusan ini menunjukkan tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Setiausaha Akademik di semua kategori sekolah yang dikaji adalah memuaskan kecuali dari segi pengalaman tugas (min skor = 6.91) dan Pengetahuan tentang R & D (Min skor = 6.41). Merujuk kepada Rajah 13, jelas dilihat bahawa min skor kebanyakan item bagi Setiausaha Akademik di SKPC lebih kurang sama dengan min skor bagi Setiausaha Akademik di SKPS dan lebih tinggi daripada min skor di SKPM. Manakala min skor bagi Setiausaha Akademik di SKPS adalah lebih tinggi daripada min skor bagi

Setiausaha Akademik di SKPM. Keputusan ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Setiausaha Akademik dalam pengurusan kurikulum di SKPC pada umumnya adalah lebih kurang sama dengan di SKPM dan lebih baik berbanding di SKPS.

Rajah 13: Graf Min Skor Penguasaan Pengetahuan dan Kemahiran Setiausaha Akademik dalam Pengurusan Kurikulum Sekolahnya Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 32).



Rajah 14: Graf Min Skor Penguasaan Pengetahuan dan Kemahiran Ketua Panitia dalam Pengurusan Panitianya Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).



Jadua133: Min Skor Penguasaan Pengetahuan dan Kemahiran Ketua Panitia dalam Pengurusan Panitianya Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
1. Pengetahuan dan kefahaman tentang senarai tugas yang perlu dilaksanakan.	7.42	7.73	7.08	7.65
2. Pengalaman dalam bidang tugas	6.16	6.40	5.82*	6.46
3. Kemahiran menjalankan tugas .	6.62	6.71	6.33	7.01
4. Kefahaman tentang matlamat dan hala tuju kurikulum sekolah	7.6 1	7.82	7.33	7.85
5. Kefahaman kepentingan pengurusan panitia yang berkesan/ cemerlang untuk merealisasikan FPN dan Wawasan 2020.	7.3 ¹	7.53	7.03	7.54
6. Kefahaman mengenai konsep 'Zero Defect' dalam pengurusan kurikulum .	7.43	7.59	7.25	7.57
7. Kefahaman dan kemahiran bagaimana strategi-strategi utama Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan.	7.66	7.58	7.85	7.46

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
8. Kemahiran dan kreativiti dalam penyelesaian masalah kurikulum	7.09	7.38	6.78	7.29
9. Pengetahuan/kefahaman tentang sistem pengurusan kurikulum sekolah yang sistematik dan berkesan.	6.96	7.14	6.75	7.13
10. Pengetahuan tentang R & D atau Penyelidikan Tindakan (Action Research) dalam penyelesaian masalah kurikulum sekolah .	6.64	7.45	6.22	6.47

Keputusan pada Jadual 33 menunjukkan min skor secara keseluruhan yang diperolehi oleh Ketua Panitia bagi kebanyakan item adalah melebihi 7 kecuali pada Item 2, 3, 9 dan 10. Keputusan ini menunjukkan yang kebanyakan Ketua Panitia yang dikaji masih kurang pengalaman dalam bidang tugas masing-masing (min skor = 6.16), kurang kemahiran menjalankan tugas (min skor = 6.62), kurang kefahaman/pengetahuan tentang pengurusan panitia (min skor = 6.96) dan kurang kefahaman/pengetahuan tentang R & D (min skor = 6.64). Min skor paling tinggi ialah pada Item 7. Ini menunjukkan yang tahap kefahaman/pengetahuan mengenai KBSM bagi kebanyakan Ketua Panitia yang dikaji adalah memuaskan (min skor = 7.66). Apabila keputusan dalam Jadual tersebut digrafkan (lihat Rajah 14) didapati min skor yang diperolehi oleh Ketua Panitia bagi kebanyakan item di SKPC lebih tinggi berbanding dengan min skor bagi Ketua Panitia di SKPM dan SKPS. Min skor semua item kecuali Item 7 bagi Ketua Panitia di SKPS pula lebih tinggi daripada min skor bagi Ketua Panitia di SKPM.

Keputusan-keputusan ini menggambarkan yang tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Ketua-Ketua Panitia di SKPC pada keseluruhannya adalah lebih baik berbanding dengan di SKPM dan SKPS . Manakala di SKPS, tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan panitia ketua-ketua panitianya pula lebih baik daripada di SKPM.

4.3.5 Apakah Masalah-Masalah Utama yang Dihadapi oleh Ketua Panitia dalam Pengurusan Panitianya di Semua Kategori Sekolah.


Jadua134: Min Skor dan Kedudukan Masalah-Masalah Utama dalam Pengurusan Panitia Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
1. Ketua Panitia kurang pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan panitia.	2.84	2.78	2.90	2.79
2. Aktiviti panitia kurang mendapat kerjasama daripada ahli panitia/guru-guru lain.	2.68	2.58	2.69	2.79
3. Aktiviti Panitia kurang mendapat kerjasama daripada Pengetua /PK1.	2.33	2.27	2.40	2.26
4. Aktiviti panitia kurang mendapat sambutan daripada murid misalnya aktiviti kelas tambahan dll.	3.28 *	3.07*	3.31*	3.47*

ITEM	SC	SKPC	SKPM	SKPS
5. Kekurangan sumber kewangan untuk aktiviti yang dirancang menyebabkan sebahagian aktiviti tidak dapat dilaksanakan.	3.35"	3.42*	3.45*	3.12*
5. Faktor masa menyebabkan sebahagian aktiviti tidak dapat dilaksanakan.	4.01*	3.90*	4.06*	4.03*
7. Pentadbir sekolah kurang perihatin terhadap masalah-masalah dalam panitia menyebabkan aktiviti tidak berjalan lancar.	2.74	2.58	2.88	2.71
8. Susah untuk mendapat kebenaran Pengetua bagi menggunakan wang peruntukan untuk aktiviti panitia.	2.47	2.49	2.54	2.32
9. Program Penyeliaan dan Pencerapan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.	3.27*	3.16*	3.29"	3.35*
10. Perancangan Kurikulum Sekolah tidak sistematik menyebabkan pelaksanaanya tidak selaras dengan perancangan panitia	2.77	2.58	2.88	2.79


Nota: 1 untuk sangat tidak setuju , 2 untuk tidak setuju , 3 untuk kurang setuju, 4 untuk setuju dan 5 untuk sangat setuju

Rajah 15: Carta Bar Min Skor Masalah-Masalah Utama dalam Pengurusan Panitia Secara Keseluruhan dan Mengikut Item ($n = 253$).




Merujuk kepada min skor untuk semua kategori sekolah (lihat Jadual 34) didapati min skor bagi Item 4, 5, 6 dan 9 adalah lebih daripada 3. Manakala item-item yang lain min skornya kurang daripada 3. Ini menunjukkan bahawa masalah-masalah utama yang sering dihadapi oleh Ketua-Ketua Panitia di semua kategori sekolah ialah, aktiviti panitia kurang mendapat sambutan daripada murid, kekurangan sumber kewangan untuk aktiviti, faktor masa menyebabkan sebahagian aktiviti tidak dapat dilaksanakan dan program penyeliaan dan pencerapan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Min skor di semua kategori sekolah bagi semua item adalah lebih kurang sama. Ini menggambarkan yang semua Ketua Panitia di semua kategori sekolah menghadapi masalah yang sama. Merujuk kepada min skor keseluruhan (Rajah 15) didapati Item 6, iaitu faktor masa (min skor = 4.01) merupakan masalah paling utama yang dihadapi oleh Ketua Panitia di kebanyakan sekolah yang dikaji. Masalah utama yang kedua ialah kekurangan sumber kewangan untuk aktiviti (min skor = 3.35) diikuti oleh aktiviti panitia kurang mendapat sambutan daripada murid (min skor = 3.28) dan yang keempat ialah program penyeliaan dan pencerapan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya (min skor = 3.27).


Rajah 16: Graf Min Skor Masalah-Masalah Utama dalam Pengurusan Panitia di SKPC Mengikut Item (n = 73).



Rajah 17: Min Skor Masalah-Masalah Utama dalam Pengurusan Panitia di SKPM Mengikut Item (n = 112)



Rajah 18: Min Skor Masalah-Masalah Utama dalam Pengurusan Panitia di SKPS Mengikut Item(n = 68).



Masalah paling utama di SKPC (Rajah 18) ialah Item 6 iaitu faktor masa (min skor = 3.90), diikuti oleh kekurangan sumber kewangan (min skor = 3.42) , program penyeliaan dan pencerapan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya (min skor = 3.16) dan aktiviti panitia kurang mendapat kerjasama murid (min skor = 3.07). Item 3 dengan min skor 2.27, menggambarkan kebanyakan Pengetua/ PK1 di SKPC sentiasa memberi kerjasama kepada aktiviti-aktiviti panitia di sekolah mereka. Ketua-Ketua Panitia di kedua-dua SKPM dan SKPS (Rajah 17 dan 18) juga memilih faktor masa (Item 6) sebagai masalah paling utama dengan min skor masing-masing ialah 4.06 dan 4.03. Masalah yang kedua penting di SKPS ialah aktiviti panitia kurang mendapat sambutan murid dengan min skor 3.47, diikuti oleh program penyeliaan dan pencerapan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya (min skor = 3.35) dan kekurangan sumber kewangan (min skor = 3.12). Di SKPM pula, masalah kedua penting ialah kekurangan sumber kewangan untuk aktiviti panitia, diikuti oleh program penyeliaan dan pencerapan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dan aktiviti panitia kurang mendapat sambutan daripada murid.

4.3.6 Apakah Item-Item yang Masih Kurang Memuaskan dalam Pengurusan Kurikulum Sekolah dan Panitia Mata Pelajaran di SKPC, SKPM dan SKPS.

Jadual35: Min Skor Item-Item Prinsip Perancangan dalam Pengurusan Panitia Mata Pelajaran Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
1.1 Matlamat dan objektif panitia jelas dan diketahui oleh semua pihak.	7.02	7.10	7.02	6.94
1.2 Takwim Tahunan Panitia diwujudkan	6.21	6.38	6.00	6.37
Takwim Panitia Tahunan mengandungi:				
a. Jadual Mesyuarat Panitia	6.54	6.99	6.27	6.50
b. Jadual Penyeliaan oleh Ketua Panitia	5.04*	5.78*	4.71	4.79*
c. Jadual Pemeriksaan buku latihan pelajar	5.85*	6.32	5.90*	5.26*
d. Jadual Ujian dan Peperiksaan	7.38	7.60	7.25	7.34
e. Jadual Kelas Tambahan/Pemulihan	6.34	7.15	6.41	5.35*
f. Jadual Program Perkembangan Staf untuk ahli panitia	4.70	5.23*	4.11*	5.09
g. Jadual Ceramah/Kursus Khas untuk PMR/SPM/STPM.	5.56*	6.07	5.38*	5.31

* Min Skor Sederhana

ITEM		SK	SKPC	SKP	SKPS
1.3	Sukatan Pelajaran dan Bahar Kurikulum				
a.	Salinan asal sukatan mata pelajaran yang kemaskini disimpan di pejabat sekolah.	7.60	7.58	7.45	7.90
b.	Kesemua guru mempunyai sukatan pelajaran yang berkenaan	8.39	8.59	8.07	8.71
c.	Huraian Sukatan Pelajaran (1- 5) dibekalkan kepada guru.	7.66	7.07	7.32	7.90
d.	Buku teks bagi pelajar mencukupi.	7.83	8.26	7.51	7.88
e.	Nota guru bagi Program TV Pendidikan dibekalkan .	3.14*	3.41*	3.29*	2.60*
f.	Kelengkapan alat bantu mengajar yang asas mencukupi dan berfungsi.	6.17	6.60	5.72*	6.46
1.4	Peruntukan Masa dan Sebaran Waktu				
a.	Peruntukan masa pengajaran bagi semua kelas menepati kehendak peraturan (Kursus Pengajian) sekolah sekolah yang berkuatkuasa.	8.04	8.49	7.73	8.06

* Min Skor Sederhana

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
3. Waktu mata pelajaran disebarkan secara seimbang bagi semua kelas.	8.02	8.16	7.84	8.15
c. Pada hari yang diadakan dua waktu, waktu berganding diadakan.	7.00	7.30	7.32	6.16
d. Waktu TV Pendidikan ditunjukkan dalam jadual waktu.	2.50*	3.62*	2.08*	1.99*
1.5 Panitia Mata Pelajaran				
a. Panitia telah menyediakan Perancangan Peningkatan Prestasi Jangka Panjang.	7.20	7.58	6.96	7.21
b. Rancangan penambahan alat dan bahan disediakan berdasarkan keperluan dan anggaran belanjawan.	6.80	7.05	6.68	6.74
c. Rancangan aktiviti kokurikulum berkaitan mata pelajaran ada disediakan.	6.56	6.99	6.36	6.44
d. Guru mata pelajaran yang berpengalaman dilantik sebagai seorang guru Penasihat Persatuan.	7.47	7.90	7.37	7.16
1.6 Rancangan Pengajaran				
a. Rancangan tahunan mengikut penggal telah disediakan oleh guru pada awal tahun.	8.50	8.82	8.21	8.62

* Min Skor Sederhana

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
b. Rancangan Penggal mengandungi perkara-perkara yang telah ditetapkan.	8.49	8.71	8.30	8.56
c. Rancangan penggal telah disemak dan ditandatangani oleh Pengetua.	8.41	8.55	8.21	8.59
d. Rancangan mingguan yang disediakan mengandungi perkara-perkara yang telah ditetapkan.	8.66	8.79	8.46	8.87
e. Rancangan Harian mengandungi butir-butir yang dikehendaki.	8.58	8.73	8.46	8.62

Min skor item-item dalam Prinsip Perancangan jika dilihat secara keseluruhan (Jadual35) adalah memuaskan kerana min skor bagi kebanyakan item melebihi 6. Hanya 6 item sahaja yang min skornya kurang daripada 6, iaitu Item 1.2 b, 1.2c, 1.2g, 1.2 f , 1.3e dan 1.4 d . Keputusan ini menggambarkan yang kebanyakan Panitia tidak mewujudkan Takwim Panitia Tahunan (min skor = 6.21) dan jika wujud pun belum lengkap kerana terutamanya, tidak mengandungi Jadual Penyeliaan oleh Ketua Panitia (min skor = 5.04), Jadual Program Perkembangan Staf untuk ahli panitia (min skor = 4.70), Jadual Pemeriksaan Buku Buku Latihan Pelajar (min skor = 5.85) dan Jadual Ceramah/ Kursus khas untuk PMR/SPM/STPM (min skor = 5.56). Min skor yang terlalu rendah untuk Item 1.3 e dan 1.4d menunjukkan yang kebanyakan Ketua Panitia tidak dibekalkan dengan Nota Program TV Pendidikan (min skor = 3.14) dan waktu TV Pendidikan juga tidak ditunjukkan dalam jadual waktu (min skor = 2.50). Kebanyakan panitia yang dikaji masih kekurangan alat bantu mengajar yang asas (min skor = 6.17). Jika dilihat mengikut kategori sekolah, didapati min skor kebanyakan item bagi Ketua Panitia di SKPC lebih tinggi berbanding dengan di SKPM dan SKPS, tetapi min skor antara SKPM dan SKPS tidak banyak berbeza. Didapati item-item yang kurang memuaskan di SKPC juga tidak memuaskan di SKPM dan di SKPS.

Jadua136: Min Skor Item-Item Prinsip Pengelolaan dan Pelaksanaan dalam Pengurusan Panitia Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).

ITEM	SK	SKPC	SKP	SKPS
1.1. Guru Kanan yang berpengalaman menjadi ahli Jawatankuasa Kurikulum sekolah.	7.60	7.86	7.19	7.99
1.2. Perincian tugas Panitia disediakan dan disebarkan kepada semua ahli.	6.79	7.29	6.62	6.53
1.3. Perincian tugas Guru Kanan disediakan oleh pihak sekolah.	6.75	7.45	6.43	6.54
1.4. Mesyuarat panitia diadakan sekurang-kurangnya lima kali setahun.	6.36	7.18	5.87	6.31
2.5. Mesyuarat panitia mempunyai agenda.	8.21	8.53	7.72	8.66
2.6. Minit mesyuarat dicatatkan dengan baik.	8.34	8.49	8.02	8.72
2.7. Salinan minit mesyuarat disebarkan kepada pihak sekolah dan semua guru terlibat.	8.09	8.49	7.79	8.15
2.8. Tiap mesyuarat membuat penyusunan ke atas minit mesyuarat yang lepas.	7.80	8.19	7.38	7.91
2.9. Fail Panitia, di pejabat disimpan secara bersistem dan teratur.	7.34	7.60	6.75	8.03

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
2.10. Minit mesyuarat disemak oleh pihak sekolah dan tindakan diambil ke atas perkara-perkara yang perlu diberi perhatian.	6.70	7.63	6.29	6.38
2.11. Senarai Alat Bantu Mengajar (ABM) mata pelajaran disedia dan diedarkan kepada setiap guru.	5.57*	5.96*	4.88*	6.29
2.12. Tempat menyimpan alat/bahan mata pelajaran dikelolakan dengan teratur.	6.75	7.08	6.48	6.85
2.13. Langkah-langkah diambil untuk menggalakkan penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) dan bahan pembelajaran yang disediakan.	6.51	6.99	6.21	6.49
2.14. Siaran Rancangan TV Pendidikan diikuti.	2.64*	2.89*	2.53*	2.54*
2.15. Sudut mata pelajaran di semua kelas dikendalikan dengan baik.	5.11*	5.27"	5.06*	5.01"
2.16. Sudut mata pelajaran di papan buletin sekolah dikendalikan dengan baik.	4.80"	5.18*	4.65*	4.63*
2.17. Pihak sekolah menerima maklumbalas dan laporan mengenai perkembangan aktiviti Panitia.	7.00	7.95	6.49	6.82

* Min Skor Sederhana

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
2.18. Aktiviti Panitia telah dijalankan mengikut rancangan.	6.89	6.99	6.57	7.32
2.19. Pengajaran guru di bilik-bilik darjah dilaksanakan mengikut rancangan.	8.11	8.23	8.14	7.91
2.20. Aktiviti kurikulum bagi mata pelajaran dijalankan mengikut rancangan.	7.68	7.89	7.57	7.65

Merujuk kepada Jadual 36, didapati min skor kebanyakan item dalam Prinsip Pengelolaan dan Pelaksanaan melebihi 6, sama ada dilihat secara keseluruhan atau mengikut kategori sekolah. Hanya 4 item sahaja yang rendah iaitu Item 2.11, 2.14, 2.15 dan 2.16. Keputusan ini menunjukkan kebanyakan panitia yang dikaji tidak menyediakan senarai Alat Bantu Mengajar dan tidak diedarkan kepada setiap guru yang menjadi ahli panitia (min skor = 5.57). Min skor bagi Item 2.14 yang terlalu rendah (min skor = 2.64) untuk semua kategori sekolah menggambarkan yang Rancangan TV Pendidikan pada masa kini sudah tidak diikuti lagi. Sudut mata pelajaran di kelas (min skor = 5.11) di kebanyakan sekolah yang dikaji sama ada belum diwujudkan atau tidak diuruskan dengan sempurna. Begitu juga sudut mata pelajaran di papan buletin sekolah (min skor = 4.80) masih kurang diberi perhatian oleh panitia-panitia mata pelajaran yang dikaji. Antara item penting lain yang masih rendah ialah mesyuarat panitia diadakan kurang daripada lima kali setahun (min skor = 6.36). Keputusan dalam Jadual 36 juga menunjukkan kebanyakan min skor item-item Prinsip Pengelolaan & Pelaksanaan di SKPC lebih tinggi berbanding dengan di SKPM dan SKPS, tetapi min skor item-item tersebut di SKPM dan SKPS lebih kurang sama. Keputusan-keputusan ini menunjukkan secara keseluruhannya Prinsip Pengelolaan & Pelaksanaan dalam pengurusan panitia bagi kebanyakan panitia yang dikaji adalah memuaskan. Pengurusan panitia dari segi pengelolaan dan pelaksanaan di SKPC pada umumnya lebih baik daripada panitia di SKPM dan SKPS.

Jadua137: Min Skor Item-Item Prinsip Kepimpinan dalam Pengurusan Panitia Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
3.1. Pihak Pengetua dan Penolong Kanan berusaha melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti Panitia seperti menghadiri mesyuarat panitia secara bergilir-gilir dll.	6.64	7.47	6.38	6.16
3.2. Pihak Pengetua dan Penolong Kanan memberikan sokongan semasa aktiviti panitia dijalankan.	7.66	8.18	7.33	7.63
3.3. Pihak Pengetua memberikan peruntukan kewangan untuk menambahkan koleksi bahan/alat bantu mengajar di sekolah.	7.24	7.45	6.97	7.46
3.4. Buku-buku rujukan/tambahan seperti buku kaedah pengajaran, buku-buku teks, Buku Panduan PMR/SPM/STPM dan lain-lain dibekalkan kepada guru atau pelajar.	7.22	7.78	6.62	7.62
3.5. Pengetua memberikan bimbingan profesional kepada guru mata pelajaran di dalam mesyuarat dan juga secara individu seperti penyeliaan di kelas.	6.74	7.18	6.53	6.63

Min Skor Sederhana

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
3.6. Guru Kanan mata pelajaran memberikan bantuan dan bimbingan profesional kepada guru-guru lain, khususnya guru baru dan guru sementara.	6.73	7.41	6.37	6.60
3.7. Guru mata pelajaran sudi membantu pelajar di dalam dan di luar bilik darjah.	8.21	8.56	7.92	8.32
3.8. Guru mata pelajaran memulakan /mengakhiri pengajaran tepat pada masanya.	7.96	8.19	7.79	8.00
3.9. Semua guru bekerjasama untuk menjayakan sebarang aktiviti panitia.	7.50	7.93	7.18	7.56
3.10. Sistem penghargaan kepada guru dan pelajar ada diwujudkan.	4.68*	5.16*	4.14*	5.03*

Min Skor Sederhana

Berdasarkan Jadual 37, didapati hanya Item 3.10 sahaja yang min skornya kurang daripada 5, iaitu 4.68. Min skor yang rendah ini menggambarkan bahawa kebanyakan sekolah yang dikaji, sama ada tidak mewujudkan sistem penghargaan kepada guru dan pelajar atau pun kurang memberi perhatian kepada perkara tersebut. Item penting lain yang min skornya masih rendah ialah pihak Pengetua dan PK1 kurang melibatkan diri dengan panitia dan kurang memberi bimbingan profesional kepada guru-guru. Min skor item-item lain, terutamanya di SKPM dan SKPS kebanyakannya sederhana iaitu antara 6 dan 7. Keputusan ini menggambarkan yang Prinsip Kepimpinan dalam kebanyakan pengurusan panitia yang dikaji adalah pada tahap sederhana.

Jadua13 8 : Min Skor Item-Item Prinsip Penyeliaan dan Pengawalan dalam Pengurusan Panitia Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 253).

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKI'S
4.1. Pembahagian tingkatan/kelas kepada guru-guru adalah berpandukan kepada pengalaman dan kelayakan guru.	7.20	7.67	6.38	8.03
4.2. Pengetua/Guru Penolong Kanan menjalankan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah secara terancang.	6.11	6.88	5.63*	6.10
4.3. Pengetua/Guru Penolong Kanan/Guru Kanan menyemak kerja bertulis pelajar secara berkala.	6.62	7.25	6.19	6.66
4.4. Pihak yang menjalankan penyeliaan memberikan maklumbalas hasil penyeliaan kepada guru berkenaan dengan tujuan mempertingkatkan mutu profesionalisme guru.	6.28	7.07	6.02	5.88
4.5. Jika penyeliaan dalam bilik darjah dan penyemakan kerja bertulis dijalankan oleh GPK1/Guru Kanan Mata Pelajaran, laporan penyeliaan diberikan kepada Pengetua untuk makluman dan tindakan.	6.16	6.82	5.79*	6.07

* Min Skor Sederhana

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
4.6. Program Penilaian yang berterusan dirancang dan dilaksanakan.	6.47	7.21	6.23	6.06
4.7. Soalan-soalan ujian formatif disediakan berasaskan kepada tajuk/kemahiran yang telah diajar di sesebuah kelas dan juga berasaskan kepada kebolehan pelajar.	7.25	7.84	6.96	7.10
4.8. Soalan-soalan ujian sumatif disediakan berdasarkan sukatan pelajaran yang diliputi dalam tempoh masa berkenaan.	7.36	7.75	7.24	7.12
4.9. Kertas soalan ujian sumatif disediakan secara bersistem (misalnya dengan menggunakan Jadual Penentuan Ujian).	6.45	7.07	6.30	6.04
4.10. Kertas-kertas soalan ujian formatif/sumatif mengandungi soalan-soalan yang mudah, sederhana dan mencabar, mengikut nisbah yang sesuai.	7.25	7.66	7.05	7.15
4.11. Kertas-kertas soalan bagi ujian formatif mengandungi soalan subjektif bercampur dengan soalan objektif, mengikut nisbah yang sesuai.	7.09	7.34	7.02	6.96

* Min Skor Sederhana

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
4.12. Bagi kertas soalan yang sama bagi semua kelas seperti Peperiksaan Pertengahan Tahun/Akhir Tahun, penyeiarasan yang rapi dan skim pemarkahan diadakan.	8.13	8.51	7.98	7.96
4.13. Prestasi pelajar dalam ujian /peperiksaan dianalisis dan dikaji untuk mengenalpasti kekuatan /kelemahan.	8.04	8.42	7.89	7.88
4.14. Berdasarkan analisis prestasi langkah-langkah untuk memperbaiki pencapaian pelajar dirancang dan dilaksanakan.	7.81	8.33	7.54	7.71
4.15. Rekod Prestasi/Rekod Markah/Rekod Profil Pelajar disediakan dengan baik oleh guru.	7.91	8.30	7.65	7.91
4.16. Kertas soalan ujian/peperiksaan disemak oleh Pengetua/Guru Kanan Mata Pelajaran.	6.19	7.05	5.66"	6.12
4.17. Pengetua menyemak Rekod Prestasi/Rekod Markah/Rekod Profil Pelajar.	7.55	8.16	7.18	7.51
4.18. 'Bank Soalan' bagi mata pelajaran telah diwujudkan.	7.34	8.27	6.90	7.04
4.19. 'Bank Soalan' bagi mata pelajaran dikendalikan dengan baik.	6.97	7.79	6.52	6.84

* Min Skor Sederhana

Melihat pada pengurusan panitia dari segi Prinsip Penyeliaan dan Pengawalan (Jadual 38), didapati min skor keseluruhan untuk semua item adalah memuaskan. Tidak ada item yang mendapat min skor kurang daripada 6. Min skor paling rendah ialah Item 4.2 (min skor = 6.11). Keputusan ini menggambarkan yang Pengetua/Guru Penolong Kanan 1 di kebanyakan sekolah yang dikaji kurang menjalankan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Jika dilakukan pun mungkin pelaksanaannya tidak sistematik dan terancang. Min skor semua item di SKPC adalah memuaskan. Di SKPM min skor untuk Item 4.2 dan Item 4.16 masing-masing ialah 5.63 dan 5.66. Merujuk kepada Item 4.16, min skor yang rendah ini menggambarkan Pengetua atau Ketua Panitia tidak atau kurang menyemak kertas soalan ujian/peperiksaan. Di SKPS min skor rendah hanya pada item 4.4. Dengan ini bolehlah dianggapkan bahawa, pihak yang menjalankan penyeliaan tidak memberikan maklumbalas hasil penyeliaan kepada pihak yang diselia. Item penting lain yang min skor secara keseluruhannya masih rendah ialah kertas soalan ujian/peperiksaan kurang disemak oleh Pengetua/Guru Kanan Mata Pelajaran (min skor = 6.19).

Jadual 39: Min Skor Item-Item Perancangan dalam Sistem Pengurusan Kurikulum Mengikut Kategori Sekolah dan Secara Keseluruhan (n = 32).

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
1. Matlamat dan Objektif Kurikulum Sekolah jelas, tertulis dan disebarkan kepada semua ahli sekolah.	7.13	7.50	6.79	7.25
2. Penyusunan Jadual Waktu yang sistematik dan menepati peraturan yang ditetapkan.	6.78	7.90	6.64	5.63*
3. Sukatan dan Huraian Sukatan Pelajaran semua mata pelajaran disimpan rapi, lengkap dan kemaskini.	6.84	7.40	6.43	6.87
4. Pemeriksaan buku rekod mengajar guru setiap minggu.	8.81	9.20	9.07	7.88
5. Takwim Akademik Tahunan diwujudkan.	7.72	8.60	7.71	6.63
Takwim Akademik Tahunan mengandungi:				
5.1 Jadual Mesyuarat Kurikulum Sekolah.	6.63	8.40	5.86*	5.75*
5.2 Jadual Penyeliaan dan Pencerapan Guru.	5.78*	7.70	5.57*	3.75 *

* Min Skor Sederhana

ITEM	S K	S K P C	SKPM	SKPS
5.3 Jadual Pemeriksaan Buku Murid .	5.81”	6.90	5.50”	5.00*
5.4 Jadual Peperiksaan Dalam dan Awam	8.19	8.80	8.14	7.50
5.5 Jadual Kelas Tambahan/ Pemulihan	6.41	7.50	5.57*	6.50
6. Pengurusan fail panitia, minit-minit mesyuarat, peperiksaan dan lain-lain sistematik lengkap dan kemaskini.	7.31	7.90	7.14	6.88
7. Perancangan Peningkatan Prestasi PMR/SPM Jangka Panjang (Blue Print) untuk 5 tahun bagi semua mata pelajaran diwujudkan.	7.69	7.60	7.57	8.00
8. Perancangan Peningkatan Prestasi PMR/SPM Jangka Pendek (tahunan) untuk semua mata pelajaran diwujudkan.	7.56	7.70	7.43	7.63
9. Perancangan Tahunan Program Perkembangan Staf untuk meningkatkan prestasi pengajaran guru.	6.06	7.30	5.86	4.88*
10. Perancangan Tahunan Pusat Sumber mengandungi aktiviti-aktiviti peningkatan prestasi akademik sekolah.	6.28	7.70	5.64*	5.63*

* Min Skor Sederhana

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
11. Program-program lain kurikulum.				
11.1 Program Penyelidikan Tindakan.	5.41*	6.90	4.36*	5.38*
11.2 Program R & D.	5.00*	6.60	3.93*	4.87*
11.3 Program-program lain.	1.59*	1.00*	2.36*	1.00*
11.4 Program-program lain.	1.16*	1.00*	1.36*	1.00*

* Min Skor Sederhana

Merujuk kepada Jadual 39 terdapat beberapa item dalam Prinsip Perancangan yang min skornya kurang daripada 6, sama ada di lihat secara keseluruhan atau mengikut kategori sekolah. Didapati penyusunan Jadual Waktu di kebanyakan SKPS masih kurang sistematik (min skor = 5.63). Min Skor Jadual Mesyuarat Kurikulum Sekolah, Jadual Penyeliaan Guru dan Jadual Pemeriksaan Buku Murid di semua kategori sekolah kecuali di SKPC adalah rendah. Ini menunjukkan kebanyakan sekolah di kedua-dua kategori tersebut, sama ada belum mewujudkan Takwim Akademik Tahunan atau jika wujud pun masih tidak lengkap atau sempurna. Aktiviti-aktiviti peningkatan prestasi akademik sekolah oleh Pusat Sumber Sekolah di SKPM dan Di SKPS juga masih belum memuaskan. Min skor secara keseluruhan untuk Item Perancangan Tahunan Program Perkembangan Staf ialah 6.06. Min skor yang rendah ini menggambarkan kebanyakan sekolah yang dikaji tidak mewujudkan program tersebut. Min skor Item Program Penyelidikan Tindakan secara keseluruhan ialah 5.41, di SKPM ialah 4.36 dan 5.38 di SKPS. Manakala min skor untuk Item Program R&D ialah 5.00 untuk keseluruhan, 3.93 dan 4.87 masing-masing untuk SKPM dan SKPS. Min skor yang rendah untuk kedua-dua item ini menggambarkan bahawa masih banyak sekolah yang masih belum melaksanakan program tersebut atau pun pelaksanaannya mungkin tidak berjalan dengan sempurna. Min skor untuk Item Program - Program Lain Kurikulum terlalu rendah. Ini menunjukkan tidak banyak sekolah yang melaksanakan program-program kurikulum yang lain selain yang telah di senaraikan.

Jadual 40: Min Skor Item-Item Pengelolaan dan Pelaksanaan dalam Pengurusan Kurikulum Sekolah Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah (n = 32).

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
1. Perincian tugas AJK Kurikulum Sekolah, Ketua Bidang, Ketua Panitia dan Setiausaha Akademik disediakan dan diberikan kepada semua guru terlibat.	6.81	7.90	6 . 6 4	5.75*
2. Mesyuarat Kurikulum (Akademik) dilaksanakan sekurang-kurangnya 5 kali setahun.	6.41	7.40	6 . 5 0	5.00*
3. Minit Mesyuarat Kurikulum dicatat dengan baik dan disebarkan kepada semua guru terlibat.	7.81	7.90	8.21	7.00
4. Minit Mesyuarat Kurikulum dan Panitia disemak oleh pihak sekolah dan diambil tindakan ke atas perkara-perkara yang perlu diberi perhatian.	7.12	7.80	7.71	5.25"
5. Bilik Bahan Bantu Mengajar (BBM) dikelolakan dengan baik dan sistematik.	6.94	7.10	7.29	6.13
6. Sudut Akademik di papan buletin sekolah dikendalikan dengan baik.	5.81*	6 . 6 0	6 . 0 7	4.38*
7. Semua aktiviti kurikulum telah dapat dilaksanakan mengikut takwim yang dirancang.	6.22	7.60	5.79*	5.25"

Min Skor Sederhana

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
8. Fail-fail kurikulum di pejabat sentiasa kemaskini dan disimpan secara sistematik.	7.28	8.00	7.07	6.75
9. Progam-program Akademik Sekolah telah dapat dilaksanakan mengikut perancangan.	7.09	7.70	6.93	5.63*
10. Laporan mengenai perkembangan dan kemajuan program-program difailkan dan dimaklumkan kepada pihak sekolah.	6.88	7.70	7.00	5.63*

* Min Skor Sederhana

Berdasarkan Jadual 40, didapati min skor keseluruhan untuk semua item dalam Prinsip Pengelolaan dan Pelaksanaan adalah memuaskan kecuali min skor untuk item yang ke 7 (min skor = 5.81), iaitu sudut akademik di papan buletin sekolah. Keputusan ini menunjukkan yang kebanyakan sekolah yang dikaji kurang memberi perhatian kepada item ini. Keputusan min skor Item 2 yang rendah (min skor = 6.41) memberikan gambaran yang kebanyakan sekolah yang dikaji kurang kerap mengadakan Mesyuarat Kurikulum Sekolah. Item penting lain yang min skor keseluruhannya juga masih rendah ialah kebanyakan aktiviti kurikulum yang dirancang tidak dapat dilaksanakan (min skor = 6.22). Min skor kebanyakan item di SKPC dan SKPM adalah memuaskan tetapi tidak di SKPS, terutamanya untuk item nombor 1, 2, 4, 6, 7, dan 10 (min skor kurang daripada 6). Secara keseluruhannya, Prinsip Pengelolaan & dan Pelaksanaan di kebanyakan SKPS masih kurang memuaskan.

Jadua14 1: Min Skor Item-Item Prinsip Kepimpinan dalam Pengurusan Kurikulum Sekolah Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori. Sekolah (n = 32).

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
1. Pengetua/PK1 bekerjasama dan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti dan program-program kurikulum sekolah.	7.38 (7.72)	7.20 (8.00)	7.79 (8.29)	6.88 (6.38)
2. Pengetua/PK1 memberikan bimbingan profesional kepada ketua bidang/ketua panitia/guru di dalam mesyuarat dan secara individu selepas penyeliaan.	6.25 (6.34)	7.20 (7.70)	6.29 (6.29)	5.00* (4.50)*
3. Pengetua/PK1 memberikan peruntukan kewangan untuk aktiviti kurikulum dan menambah koleksi bahan/alat bantu mengajar pada setiap panitia.	7.31 (7.31)	7.60 (8.20)	7.14 (7.29)	7.25 (6.25)
4. Pengetua/PK1 memberikan bantuan dan bimbingan profesional kepada guru-guru baru dan lama.	6.25 (6.31)	6.80 (7.30)	6.21 (6.57)	5.63" (4.63)*
5. Pengetua/PK1 memberikan penghargaan kepada panitia/guru/murid yang cemerlang.	6.78 (6.69)	7.70 (8.10)	6.86 (6.64)	5.50* (5.00)"

Nota: Nilai Dalam Kurungan ialah Min Skor Untuk PK1

* Min Skor Sederhana

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
6. Kekerapan perbincangan pihak Pengetua/PK1 dengan ketua bidang/setiausaha akademik /ketua panitia/guru-guru mengenai masalah kurikulum	6.34 (6.59)	6.80 (7.40)	6.43 (6.57)	5.62* (5.63)*
7. Kekerapan Pengetua/PK1 menghadiri mesyuarat panitia.	6.50 (6.59)	7.30 (7.80)	6.50 (6.50)	5.50* (5.25)*
8. Pengetua/PK1 prihatin terhadap setiap masalah kurikulum sekolah.	7.28 (7.47)	7.50 (8.00)	7.50 (7.57)	7.50 (6.63)
9. Pengetua PK1 membekalkan buku-buku tambahan/rujukan PMR / SPM / majalah berkaitan dengan kaedah mengajar bagi mata pelajaran tertentu.	5.97* (6.13)	6.00 (6.40)	6.86 (6.86)	4.38* (4.50)*
10. Pengetua/PK1 kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah kurikulum	6.09 (6.22)	6.60 (7.20)	6.21 (6.29)	5.25* (4.88)*

Min Skor Sederhana

Nota: Nilai Dalam Kurungan ialah min skor untuk PK1

Melihat kepada min skor keseluruhan (Jadual 41) didapati min skor kepimpinan oleh Pengetua dan PK1 adalah lebih kurang sama . Ini menggambarkan bahawa kedua-dua pengetua dan PK1 sama-sama mengambil berat terhadap pengurusan kurikulum sekolah mereka. Secara keseluruhannya min skor kepimpinan untuk kedua-dua pengetua dan PK1 di semua kategori sekolah kecuali di SKPS adalah memuaskan. Min skor kedua-dua Pengetua dan PK1 di SKPS bagi Item 2, 6, 7, 8, 9 dan 10 semuanya kurang daripada 6. Bagi Item yang kedua, min skor untuk Pengetua ialah

5.00 dan untuk PK1 ialah 4.50. Min skor yang rendah ini menggambarkan mereka kurang memberi bimbingan profesional kepada ahli jawatankuasa kurikulum sekolah. Merujuk kepada item yang keenam, min skor yang rendah untuk kedua-dua pengetua dan PK1 menunjukkan mereka mungkin kurang membuat perbincangan dengan guru-guru mengenai masalah kurikulum. Seterusnya merujuk kepada Item 7 dan Item 10, menggambarkan mereka jarang menghadiri mesyuarat panitia dan kurang kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah kurikulum.

Jadua142: Min Skor Item-Item Prinsip Penilaian dan Pengawalan dalam Pengurusan Kurikulum Sekolah Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori (n =32).

ITEM	SK	SKPM	SKPM	SKPS
1. Guru diberikan mata pelajaran yang sesuai dengan opsyen, pengetahuan dan kemahiran.	7.28	7.80	6.79	7.50
2. Pengetua/PK1 menjalankan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.	6.31	6.60	6.14	5.00*
3. Pengetua/PK1/Ketua Bidang/Ketua Panitia menyemak kerja bertulis pelajar secara berkala.	6.59	7.30	6.79	5.38"
4. Pihak yang menjalankan penyeliaan memberikan maklumbalas hasil penyeliaan kepada guru berkenaan dengan tujuan mempertingkatkan mutu profesionalisme guru.	5.84*	6.80	5.57*	5.13*

Min Skor Sederhana

ITEM	SK	SKPM	SKPM	SKPS
5. Program Penyaliaan dan Penilaian Pengajaran Guru yang berterusan dirancang dan dilaksanakan.	5 75*	6.70	5.29*	5.38*
6. Soalan-soalan ujian/peperiksaan disediakan secara bersistem (misalnya dengan menggunakan Jadual Penentuan Ujian).	6.31	7.90	6.21	4.50*
7. Penyelarasan yang rapi dan skim pemarkahan diwujudkan dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun /Akhir Tahun.	7.88	8.60	8.21	6.38
8. Prestasi pelajar dalam ujian /peperiksaan dianalisis dan dikaji untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan.	7.75	7.90	7.93	7.25
9. Rekod Prestasi/ Rekod Markah /Rekod Profil Pelajar disediakan dengan baik oleh guru.	8 06	8.30	8.36	7.25
10. Laporan-laporan berkala mengenai perkembangan kurikulum di sampaikan oleh Ketua Bidang/Ketua Panitia/Guru kepada Penolong Kanan/Pengetua (contohnya dalam mesyuarat Akademik).	7 28	7.70	7.21	6.88

* Min Skor Sederhana

ITEM	SK	SKPC	SKPM	SKPS
11. Minit-minit mesyuarat disimpan, diteliti dan diberi tindakan sewajarnya oleh Pengetua/PK1.	7.34	7.70	7.71	6.25
12. Kertas soalan ujian/peperiksaan disemak oleh Pengetua/PK1/Ketua Bidang/Ketua Panitia.	5.69*	5.90*	6.07	4.75*
13. Pengetua/PK1 menyemak Rekod Prestasi Rekod Markah/Rekod Profil Pelajar.	6.97	7.50	6.93	6.38
14. 'Bank Soalan' bagi semua mata pelajaran telah diwujudkan.	7.25	7.70	7.71	5.88*
15. 'Bank Soalan' bagi semua mata pelajaran diurus dan dikendalikan dengan baik.	6.94	7.30	7.07	6.25

*Min Skor Sederhana

Daripada Jadual 42, didapati min skor untuk semua item di SKPC adalah melebihi 6. Dengan ini, bolehlah dianggap bahawa secara keseluruhannya Prinsip Pengawalan & Penilaian di SKPC adalah memuaskan. Merujuk kepada min skor keseluruhan, didapati min skor untuk Item 4, 5, 12 masing-masing ialah 5.84, 5.75 dan 5.69. Min skor untuk item-item ini di SKPM dan SKPS juga rendah (lihat Jadua142). Merujuk kepada Item 4 dan 5, min skor yang rendah menggambarkan kebanyakan penyeliaan dibuat tanpa memberikan maklumbalas hasil penyeliaan kepada guru yang diselia dan program penyeliaan dan penilaian pengajaran guru tidak dilaksanakan sepenuhnya.

Min skor yang rendah untuk Item 12 menunjukkan kertas soal/ujian kurang disemak oleh sama ada Pengetua, PK1, Ketua Bidang/Ketua Panitia. Min skor item-item lain di SKPC dan SKPM adalah memuaskan, tetapi min skor Item 2, 3, 6, 13, dan 14 di SKPS semuanya kurang daripada 6. Dapatan ini memberi gambaran yang Prinsip Pengawalan dan Penilaian dalam pengurusan kurikulum di kebanyakan SKPS masih kurang memuaskan dari beberapa aspek. Aspek tersebut ialah penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (min skor = 5.00), semakan kerja bertulis pelajar (min skor = 5.38), penyediaan soal/ujian/peperiksaan secara bersistem(min skor = 4.50) dan “bank soal/ujian”(min skor = 5.88).

BAB 5

RINGKASAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan mengemukakan ringkasan keseluruhan kajian, kesimpulan daripada keputusan-keputusan kajian dan cadangan-cadangan hasil kajian. Bahagian awal bab ini akan mengemukakan ringkasan permasalahan kajian kemudian diikuti dengan ringkasan metodologi kajian dan keputusan kajian. Ringkasan keseluruhan kajian ini boleh membantu pembaca melihat keseluruhan kajian dengan lebih cepat dan mudah terutamanya pada bahagian keputusan kajian.

Seterusnya bab ini akan mengemukakan kesimpulan kajian. Bahagian ini merupakan antara bahagian yang terpenting kerana keputusan-keputusan kajian dalam Bab 4 dirumuskan menjadi dapatan kajian. Seperti keputusan kajian, kesimpulan kajian juga dibincangkan berdasarkan soalan-soalan kajian pada Bab 1. Bahagian akhir bab ini akan membincangkan cadangan-cadangan kajian. Cadangan kajian dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu cadangan daripada dapatan kajian, cadangan umum dan cadangan untuk penyelidikan akan datang.

5.2 FUNGKASAN

5.2.1 Permasalahan Kajian

Wawasan 2020 merupakan matlamat yang telah ditetapkan oleh Malaysia untuk menjadi sebuah negara perindustrian menjelang 2020. Wawasan ini juga telah menetapkan kriteria rakyat yang dikehendaki untuk menyahut cabaran tersebut. **Impian** negara untuk melahirkan rakyat seperti yang dibayangkan hanya akan tercapai melalui sistem pendidikan yang berkesan dan bermutu. Dalam pada itu, Kementerian Pendidikan telah terlebih dahulu mewujudkan FPN yang menjadi teras kepada semua Sistem Pendidikan Negara. Menyedari peranan penting pendidikan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, reformasi demi reformasi telah diusahakan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Antara yang paling penting ialah reformasi kurikulum. Reformasi kurikulum di Malaysia telah pun bermula semenjak 1956 lagi dan berlaku secara berterusan sehingga hari ini reformasi yang sedang dilaksanakan ialah KBSR dan KBSM. Keberkesanan pelaksanaan sesuatu reformasi pendidikan di peringkat sekolah merupakan faktor penentu kejayaan reformasi tersebut. Menyedari fenomena ini aspek pengurusan sekolah dalam semua bidang mula diberi perhatian serius oleh semua pihak di semua peringkat dari Kementerian Pendidikan hingga ke peringkat sekolah. Antara yang diberi perhatian utama ialah aspek pengurusan kurikulum sekolah yang meliputi pengurusan panitia mata pelajaran.

Sehubungan dengan ini, penyeliaan pelaksanaan KBSR dan KBSM tidak hanya tertumpu kepada aspek pengajaran dan pembelajaran tetapi juga kepada aspek pengurusannya. Berbagai usaha telah dilakukan oleh pihak Kementerian untuk memperkenalkan sistem

pengurusan sekolah yang berkesan, terutamanya sistem pengurusan kurikulum. Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan telah menerbitkan Buku-Buku Panduan Penyeliaan bagi beberapa mata pelajaran. Antara tujuannya ialah untuk memberi panduan bagaimana hendak menjalankan penyeliaan pengajaran-pembelajaran mata pelajaran tersebut dan pengurusannya. Usaha-usaha terus dilakukan untuk memperkenalkan stail pengurusan kurikulum yang sistematik kepada pengurus-pengurus pendidikan, terutamanya pengurus pendidikan peringkat sekolah. Tidak cukup dengan buku-buku panduan, mereka diberi kursus-kursus khas. Setelah usaha-usaha tersebut dilaksanakan, isunya yang ingin dikaji ialah sejauh manakah amalan pengurusan kurikulum yang berkesan dan cemerlang telah dilaksanakan di sekolah-sekolah pada hari ini? Untuk mengetahuinya, satu alat pengesanan perlu diwujudkan. Isu lain yang sering dipersoalkan oleh golongan pendidik ialah adakah sistem dan stail pengurusan kurikulum yang berkesan dan cemerlang boleh mempengaruhi pencapaian akademik sekolah dalam Peperiksaan Awam? Isu ini timbul kerana ada sekolah dalam daerah yang sama dan latar belakang murid juga sama tetapi keputusan Peperiksaan Awamnya lebih cemerlang berbanding dengan sekolah lain. Adakah sistem pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah tersebut berbeza? Ini adalah antara isu-isu yang mendorong penyelidik untuk membuat kajian ini.

Berdasarkan isu-isu tersebut, beberapa kepentingan kajian telah dikenal pasti oleh penyelidik, antaranya ialah hasil pengesanan sangat berguna kepada semua pihak yang terlibat dengan pendidikan di semua peringkat terutamanya pengurus-pengurus kurikulum peringkat sekolah bagi tujuan memperbaiki dan meningkatkan mutu pengurusan kurikulum sekolah masing-masing. Selain daripada itu, kajian ini juga penting sebagai perintis kepada kajian-kajian yang akan datang.

Objektif umum kajian ini ialah untuk meninjau sejauh manakah amalan pengurusan kurikulum yang sistematik, berkesan dan cemerlang telah diamalkan oleh sekolah-sekolah menengah pada hari ini. Manakala objektif khusus kajian ialah untuk:

1. Untuk menentukan sama ada wujud perbezaan di antara sistem pengurusan kurikulumpanitia di Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang (SKPC) , Sekolah kategori Pencapaian Memuaskan (SKPM) dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana (SKPS).
2. Untuk menentukan sama ada pencapaian sesebuah sekolah dalam Peperiksaan Awam dipengaruhi oleh sistem pengurusan kurikulum sekolah tersebut.
3. Untuk menentukan sama ada pencapaian sesuatu mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam dipengaruhi oleh sistem pengurusan panitianya.
4. Untuk mengesan sejauh manakah tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Setiausaha Akademik dalam pengurusan kurikulum sekolah dan Ketua Panitia dalam pengurusan panitianya.
5. Untuk mengesan masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Ketua Panitia dalam pengurusan panitianya.
6. Untuk mengenal pasti item-item dalam pengurusan kurikulum dan pengurusan panitia yang masih kurang memuaskan.

Berpandukan objektif kajian, 7 **soalan** kajian telah dibentuk. Berikut ialah soalan-soalan kajian tersebut:

1. Sejauh manakah budaya pengurusan kurikulum yang sistematik, berkesan dan cemerlang telah diamalkan di sekolah-sekolah menengah pada hari ini?
2. Adakah wujud perbezaan di antara sistem pengurusan kurikulum sekolah dan sistem pengurusan panitia di SKPC, SKPM dan SKPS? Adakah perbezaan yang wujud di antara sistem pengurusan panitia di SKPC, SKPM dan SKPS signifikan?
3. Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara pencapaian sekolah dalam Peperiksaan Awam dengan sistem pengurusan kurikulumnya?
4. Adakah wujud hubungan yang signifikan di antara pencapaian mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan sistem pengurusan panitianya?
5. Sejauh manakah pengetahuan, kemahiran dan kefahaman yang telah dikuasai oleh Setiusaha Akademik Sekolah dalam pengurusan kurikulum sekolahnya dan Ketua Panitia Mata Pelajaran dalam pengurusan panitianya di semua kategori sekolah?
6. Apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh Ketua Panitia dalam pengurusan panitianya di semua kategori sekolah?

7. Apakah item-item dalam pengurusan kurikulum sekolah dan pengurusan panitia mata pelajaran yang masih kurang memuaskan ?

Berpandukan Objektif dan soalan-soalan kajian, 5 hipotesis kajian telah dibentuk. Berikut adalah hipotesis-hipotesis tersebut:

1. Hipotesis 'Null':

Sistem pengurusan panitia di SKPC sama dengan sistem pengurusan panitia di SKPM.

Hipotesis Alternatif:

Sistem pengurusan panitia di SKPC lebih baik daripada sistem pengurusan panitia di SKPM.

2. Hipotesis 'Null':

Sistem pengurusan panitia di SKPC sama dengan sistem pengurusan panitia di SKPS.

Hipotesis Alternatif:

Sistem pengurusan panitia di SKPC lebih baik daripada sistem pengurusan panitia di SKPS.

3. Hipotesis 'Null' :

Sistem pengurusan panitia di SKPM sama dengan sistem pengurusan panitia di SKPS.

Hipotesis Alternatif:

Sistem pengurusan panitia di SKPM lebih baik daripada sistem pengurusan panitia di SKPS.

4. Hipotesis 'Null'

Tidak terdapat hubungan signifikan antara sistem pengurusan kurikulum sekolah dengan pencapaian sekolah dalam Peperiksaan Awam.

Hipotesis Alternatif

Terdapat hubungan yang signifikan antara sistem pengurusan kurikulum sekolah dengan pencapaian sekolah dalam Peperiksaan Awam.

5. Hipotesis 'Null'

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara sistem pengurusan panitia mata pelajaran dengan pencapaian mata pelajaran tersebut dalam Peperiksaan Awam.

Hipotesis Alternatif:

Terdapat hubungan yang signifikan antara sistem pengurusan panitia sesuatu mata pelajaran dengan pencapaian mata pelajaran tersebut dalam Peperiksaan Awam.

5.2.2 Metodologi Kajian

Kaedah Penyelidikan yang digunakan ialah kaedah penyelidikan deskriptif yang melibatkan kajian tinjauan dan kajian korelasi. Populasi kajian yang juga populasi sasaran ialah Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia sekolah-sekolah menengah luar bandar di Negeri Selangor Darul Ehsan. Manakala populasi digunakan ialah Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Geografi, Matematik, Sains,

Pendidikan Islam dan Kemahiran **hidup** di sekolah-sekolah daerah Kuala Langat, Sabak **Bernam**, Kuala Selangor dan Sepang. Jumlah sekolah yang dikaji ialah 33. Berdasarkan analisis PMR dan SPM 1993 dan 1994, 10 buah sekolah dikenalpasti sebagai SKPC, 15 buah sekolah sebagai SKPM dan 8 buah sekolah sebagai SKPS.

Sebelum kajian sebenar dilakukan, dua ujian pilot dilakukan ke atas sekumpulan Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia. Instrumen berserta dengan Cadangan Kajian dihantar ke Bahagian Perancangan Penyelidikan Pendidikan (EPRD) untuk mendapatkan surat kebenaran menjalankan kajian di sekolah-sekolah. Surat kebenaran EPRD kemudian digunakan untuk memohon kebenaran kepada Pegawai Pendidikan Daerah dan Pengetua di daerah dan sekolah yang terpilih. Untuk mendapatkan maklumat menggunakan soal selidik yang telah dibina, penyelidik telah pergi sendiri ke semua 33 sekolah yang dipilih. Kadar pulangan soal selidik dari Ketua Panitia ialah 253 (96 peratus) dan Setiausaha Akademik (97 peratus).

Penyelidik telah membina dua set borang soal selidik, untuk Setiausaha Akademik mengandungi 3 Bahagian dan untuk Ketua Panitia mengandungi 4 Bahagian. Bahagian 1 kedua-dua borang soal selidik terdiri daripada butir-butir diri responden. Bahagian 2 borang soal selidik untuk Setiausaha Akademik adalah pengesanan sistem pengurusan kurikulum dan untuk Ketua Panitia ialah pengesanan sistem pengurusan panitia. Item-item bahagian ini diambil daripada Borang Penyeliaan Pengurusan Panitia Matematik Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan yang telah diubahsuai. Item-item bahagian lain untuk kedua-dua borang soal selidik dibina sendiri oleh penyelidik. Untuk menguji ketepatan dan kesesuaian soal selidik, dua ujian pilot

telah dilakukan. Maklumat daripada ujian pilot digunakan untuk memperbaiki soal selidik daripada semua segi.

Bahagian 2 soal selidik untuk Setiausaha Akademik dibahagikan kepada 4 prinsip pengurusan iaitu Prinsip Perancangan (17 item), Prinsip Pengelolaan dan Pelaksanaan (10 item), Prinsip Kepimpinan (10 item) dan Prinsip Penilaian dan Pengawasan (15 item). Bahagian ini mengandungi maklumat untuk menguji hipotesis. Bahagian 3 ialah pengesanan pengetahuan dan kemahiran Setiausaha Akademik (10 item). Bahagian 2 soal selidik untuk Ketua Panitia juga dibahagikan kepada 4 prinsip pengurusan iaitu Prinsip Perancangan (28 item), Prinsip Pengelolaan dan Pelaksanaan (20 item), Prinsip Kepimpinan (10 item) dan Prinsip Penyeliaan dan Pengawasan (19 item). Bahagian 3 (10 item) ialah pengesanan pengetahuan dan kemahiran Ketua Panitia. Bahagian 4 pula ialah pengesanan masalah-masalah utama dalam pengurusan panitia (10 item).

Data kajian terdiri daripada data primer dan sekunder. Data primer diperolehi daripada borang soal selidik sistem pengurusan kurikulum sekolah dan pengurusan panitia dan data sekunder diperolehi daripada analisis PMR dan SPM 1993 dan 1994. Data-data dikodkan dan dianalisis menggunakan 'SPSS For Ms Windows 6.0.' Analisis deskriptif digunakan untuk mencari frekuensi dalam bentuk bilangan dan peratus, dan untuk mencari min skor setiap item, setiap prinsip pengurusan dan sistem pengurusan kurikulum dan panitia. Analisis inferensi yang digunakan untuk menguji hipotesis kajian yang pertama, kedua dan ketiga ialah Analisis Varian Satu Hala (ANOVA) dan Ujian HSD Tukey . Statistik korelasi digunakan untuk menguji hipotesis kajian yang keempat dan kelima. Aras kesignifikanan semua ujian dalam kajian ini ditetapkan pada tahap 0.05.

52.3 Keputusan Kajian

Ringkasan keputusan disusun bermula dengan perihalan mengenai responden dan mengikut soalan-soalan kajian.

1. Perihalan Mengenai Responden

Jumlah Setiausaha Akademik yang dikaji ialah 32 orang, 19 (59.4%) daripada sekolah Gred A dan 13 (40.6 %) daripada sekolah Gred B. Daripada 32 responden yang dikaji, 18 (31.3 %) daripada SKPC, 14 (43.8 %) daripada SKPM dan 8 (25.0 %) daripada SKPS. Kebanyakan Setiausaha Akademik yang dikaji berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (81.3 %) dan mempunyai pengalaman sebagai Setiausaha Akademik antara 0 - 2 tahun (68.8 %). Jumlah Ketua Panitia yang dikaji ialah 253 orang, 138 (54.5 %) daripada sekolah Gred A dan 115 (45.5 %) daripada sekolah Gred B. Jumlah Ketua Panitia untuk setiap mata pelajaran lebih kurang sama (antara 30 dan 32).

Kebanyakan Ketua Panitia yang dikaji berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (78.3 %), Ijazah Sarjana (3.2 %) dan yang bakinya sama ada berkelulusan Diploma, STPM/HCE, atau SPM/MCE. Kebanyakan Ketua Panitia Kemahiran Hidup berkelulusan SPM/MCE atau STPM/HCE. Kebanyakan Ketua Panitia yang dikaji telah mempunyai pengalaman menjadi Ketua Panitia antara 2 - 3 tahun (37.2 %). Seramai 87 (34.4 %) mempunyai pengalaman antara 0 - 1 tahun. Manakala bakinya berpengalaman selama 3 tahun ke atas. Jumlah Ketua Panitia daripada SKPC, SKPM dan SKPS masing-masing ialah 28.9 peratus, 44.3 % dan 26.9%. Jika dilihat mengikut daerah, 39.5 % Ketua Panitia adalah daripada Daerah Kuala Langat/Sepang, 34.4%

daripada Daerah Kuala Selangor dan 26.1 % daripada Daerah Sabak Bernam.

2. Sejauh Manakah Budaya Pengurusan Kurikulum yang Sistematik, Berkesan dan Cemerlang Telah Diamalkan di Sekolah-Sekolah Menengah pada Hari Ini?

Sistem Pengurusan Kurikulum daripada 32 buah sekolah yang dikaji, 9 buah (28.1%) boleh dikategorikan sebagai Cemerlang, 10 buah (31.3 %) sebagai Memuaskan dan 13 (40.6 %) sebagai Sederhana, manakala 77 (30.4 %) panitia boleh dikategorikan sebagai Cemerlang, 101 (39.9 %) sebagai Memuaskan dan 75 (29.6 %) sebagai Sederhana. Keputusan keseluruhan menunjukkan 19 buah (59.4%) sekolah dan 177 (70.4 %) panitia mendapat skor 66 peratus ke atas.

Merujuk kepada peratus skor Sistem Pengurusan Kurikulum mengikut prinsip-prinsipnya, keputusan keseluruhan menunjukkan tahap prinsip-prinsip pengurusan di kebanyakan sekolah dan panitia yang dikaji adalah memuaskan (peratus skor 65 % ke atas), manakala lebih kurang satu pertiga daripada sekolah/panitia yang dikaji, prinsip-prinsip pengurusannya berada pada tahap yang sederhana (peratus skor 65 ke bawah) Prinsip Perancangan dalam pengurusan kurikulum bagi kebanyakan sekolah yang dikaji termasuk dalam kategori memuaskan, Prinsip Pengelolaan & Pelaksanaan termasuk dalam Kategori Cemerlang sementara Prinsip Kepimpinan dan Prinsip Penilaian dan Pengawalan termasuk dalam Kategori Sederhana. Merujuk kepada pengurusan panitia pula, keputusan menunjukkan Prinsip Perancangan dan Pengelolaan & Pelaksanaan bagi kebanyakan sekolah yang dikaji termasuk dalam Kategori Sederhana, manakala

Prinsip Kepimpinan dan Prinsip Penyeliaan & Pengawalan termasuk dalam Kategori Memuaskan.

Min skor Sistem Pengurusan Kurikulum secara keseluruhan bagi sekolah-sekolah yang dikaji ialah 67.69 %, SD = 13.29, minimum 36 dan maksimum 93. Min skor, SD, nilai minimum dan nilai maksimum prinsip-prinsip pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah yang dikaji adalah lebih kurang sama, min skornya di antara 67.19 dan 68.84. Merujuk kepada Sistem Pengurusan Panitia pula, keputusan menunjukkan min skor Sistem Pengurusan Panitia secara keseluruhan ialah 68.74, SD = 13.5, minimum 17 dan maksimum 96. Min skor , SD dan nilai maksimum prinsip-prinsip pengurusan panitia yang dikaji juga lebih kurang sama.

3. Adakah Wujud Perbezaan di antara Sistem Pengurusan Kurikulum dan Sistem Pengurusan Panitia di SKPC, SKPM dan SKPS? Adakah Perbezaan yang Wujud di antara Sistem Pengurusan Panitia di SKPC, SKPM dan SKPS signifikan?

Keputusan menunjukkan wujud perbezaan Sistem Pengurusan Kurikulum di ketiga-tiga kategori sekolah. Min skor di SKPC ialah 78.20, di SKPM 65.36 dan 58.63 di SKPS. Min skor prinsip-prinsip pengurusan di ketiga-tiga kategori sekolah juga berbeza. Min skor semua prinsip pengurusan di SKPC adalah lebih tinggi daripada min skor prinsip pengurusan di SKPM dan SKPS. Manakala min skor semua prinsip pengurusan di SKPM adalah lebih tinggi berbanding dengan min skor prinsip pengurusan di SKPS.

Keputusan juga menunjukkan wujud perbezaan Sistem Pengurusan Panitia di ketiga-tiga kategori sekolah. Min skor Sistem Pengurusan

Panitia di SKPC ialah 75.41, di SKPM 65.26 dan 67.31 di SKPS. Min skor Sistem Pengurusan Panitia mengikut prinsip-prinsipnya juga berbeza di ketiga-tiga kategori sekolah. Min skor semua prinsip pengurusan di SKPC adalah lebih tinggi daripada di SKPM dan SKPS, tetapi min skor semua prinsip pengurusan di SKPS lebih tinggi daripada di SKPM.

Keputusan ANOVA Sistem Pengurusan Panitia bagi ketiga-tiga kategori sekolah menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($F = 17.3160$, $P = 0.000$) di antara Sistem Pengurusan Panitia di SKPC, SKPM dan SKPS. Keputusan Ujian HSD Tukey menunjukkan gabungan Sistem Pengurusan Panitia di SKPC dan SKPM serta gabungan Sistem Pengurusan Panitia di SKPC dan SKPS sahaja yang berbeza dengan signifikan. Sementara gabungan Sistem Pengurusan Panitia di SKPM dan SKPS tidak berbeza dengan signifikan. Keputusan ini membolehkan Hipotesis “Null” bagi Hipotesis Pertama ditolak dan Hipotesis Alternatifnya, iaitu Sistem Pengurusan Panitia di SKPC lebih baik daripada SKPM diterima. Keputusan ini juga membolehkan Hipotesis “Null” bagi Hipotesis Kedua ditolak dan Hipotesis Alternatifnya iaitu Sistem Pengurusan Panitia di SKPC lebih baik daripada di SKPS diterima dan Hipotesis Alternatif bagi Hipotesis Ketiga ditolak dan Hipotesis “Null”nya, iaitu Sistem Pengurusan Panitia di SKPM sama dengan di SKPS diterima.

Keputusan ANOVA dan Ujian HSD Tukey terhadap perbezaan min skor prinsip-prinsip pengurusan di SKPC, SKPM dan SKPS menunjukkan, semua prinsip pengurusan dalam Sistem Pengurusan Panitia di SKPC dan SKPM berbeza dengan signifikan, semua prinsip pengurusan dalam Sistem Pengurusan Panitia di SKPC dan SKPS berbeza dengan signifikan dan semua prinsip pengurusan dalam

Sistem Pengurusan Panitia di SKPM dan SKPS tidak berbeza dengan signifikan.

4. **Adakah Wujud Hubungan yang Signifikan di antara Pencapaian Sekolah dalam Peperiksaan Awam dengan Sistem Pengurusan Kurikulumnya dan di antara Pencapaian Mata Pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan Pengurusan Panitianya.**

Keputusan Ujian Koefisien Korelasi Hasil Darab Momen Pearson di antara pencapaian sekolah dalam Peperiksaan Awam dengan Sistem Pengurusan Kurikulumnya menunjukkan wujud hubungan positif yang sederhana teguh ($r = 0.4876$) dan signifikan ($p = 0.005$). Keputusan ini membolehkan Hipotesis “Null” bagi Hipotesis Keempat ditolak dan Hipotesis Alternatifnya, iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara Sistem Pengurusan Kurikulum dengan pencapaian sekolah dalam Peperiksaan Awam diterima.

Keputusan Ujian Koefisien Korelasi Hasil Darab Momen Pearson di antara pencapaian mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan Sistem Pengurusan Panitianya menunjukkan wujud hubungan positif yang lemah ($r = 0.2783$) dan signifikan ($p = 0.000$). Keputusan ini membolehkan Hipotesis “Null” bagi Hipotesis Kelima ditolak dan Hipotesis Alternatifnya, iaitu terdapat hubungan yang signifikan di antara Sistem Pengurusan Panitia dengan pencapaian mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam diterima.

Keputusan Ujian Koefisien Korelasi Hasil Darab Momen Pearson di antara pencapaian beberapa mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan Sistem Pengurusan Panitianya menunjukkan, wujud hubungan positif yang sederhana teguh ($r = 0.3943$) dan signifikan ($p = 0.026$)

di antara Sistem Pengurusan Panitia Bahasa Melayu dan pencapaiannya dalam Peperiksaan Awam. Hubungan positif yang sederhana teguh ($r = 0.3565$) dan signifikan ($p = 0.042$) juga wujud di antara Sistem Pengurusan Panitia Sejarah dan pencapaiannya dalam Peperiksaan Awam. Bagi Mata pelajaran Geografi, keputusan ujian menunjukkan wujud hubungan positif yang agak teguh ($r = 0.5884$) dan signifikan ($p = 0.001$) di antara Sistem Pengurusan Panitia Geografi dan pencapaiannya dalam Peperiksaan Awam. Bagi Mata Pelajaran Bahasa Inggeris, Sains, Pendidikan Islam dan Kemahiran Hidup 1 keputusan ujian menunjukkan wujud hubungan positif yang terlalu lemah tetapi tidak signifikan di antara Sistem Pengurusan Panitia bagi mata pelajaran-mata pelajaran tersebut dengan pencapaiannya dalam Peperiksaan Awam. Bagi Mata Pelajaran Matematik keputusan ujian menunjukkan wujud hubungan negatif yang juga terlalu lemah dan tidak signifikan.

5. Sejauh Manakah Pengetahuan, Kemahiran dan Kefahaman yang Telah Dikuasai oleh Setiausaha Kurikulum Sekolah dalam Pengurusan Kurikulum sekolah dan Ketua Panitia dalam Pengurusan Panitia di Semua Kategori Sekolah.

Min skor penguasaan pengetahuan dan kemahiran Setiausaha Akademik untuk semua item dilihat secara keseluruhan adalah melebihi 7, kecuali bagi item pengetahuan tentang R & D atau Penyelidikan Tindakan (min skor = 6.41) dan pengalaman dalam bidang tugas (min skor = 6.91). Keputusan perbandingan min skor di ketiga-tiga kategori sekolah menunjukkan tahap penguasaan dan kemahiran Setiausaha Akademik bagi kebanyakan item di SKPC adalah lebih kurang sama dengan Setiausaha Akademik di SKPS dan

lebih baik daripada di SKPM, manakala tahap penguasaan dan kemahiran Setiausaha Akademik bagi semua item di SKPS lebih baik daripada Setiausaha Akademik di SKPM.

Keputusan min skor penguasaan pengetahuan dan kemahiran Ketua Panitia bagi kebanyakan item dilihat secara keseluruhan adalah melebihi 7 kecuali pada item pengalaman dalam bidang tugas (min skor = 6.16), kemahiran menjalankan tugas (min skor = 6.62), pengetahuan/kefahaman tentang sistem pengurusan kurikulum/panitia yang berkesan dan cemerlang (min skor = 6.96) dan pengetahuan tentang R & D atau Penyelidikan Tindakan (min skor = 6.64). Keputusan perbandingan min skor di ketiga-tiga kategori sekolah menunjukkan tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Ketua Panitia bagi kebanyakan item di SKPC adalah lebih kurang sama dengan di SKPM dan lebih baik daripada di SKPS, manakala tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Ketua Panitia bagi kebanyakan item di SKPS adalah lebih baik daripada di SKPM.

6. Apakah Masalah-Masalah Utama yang Dihadapi oleh Ketua Panitia dalam Pengurusan Panitianya di Semua Kategori Sekolah.

Keputusan pengesanan masalah-masalah utama dalam pengurusan panitia secara keseluruhan menunjukkan masalah paling utama ialah faktor masa yang menyebabkan sebahagian aktiviti tidak dapat dilaksanakan (min skor = 4.01), diikuti dengan aktiviti panitia kurang mendapat sambutan daripada murid (min skor = 3.38), kekurangan sumber kewangan untuk aktiviti (min skor = 3.35) dan program penyeliaan dan pencerapan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya (min

skor = 3.27), Keputusan menunjukkan keempat-empat masalah ini juga merupakan masalah utama di semua kategori sekolah, hanya susunan keutamaan sahaja yang berbeza.

Di SKPC, masalah paling utama ialah faktor masa, diikuti oleh kekurangan sumber kewangan, program penyeliaan dan pencerapan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dan aktiviti panitia kurang mendapat sambutan daripada murid. Di SKPM masalah paling utama ialah faktor masa, diikuti oleh kekurangan sumber kewangan, program penyeliaan dan pencerapan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dan aktiviti panitia kurang mendapat sambutan daripada murid. Seperti di SKPC dan SKPM masalah paling utama di SKPS ialah faktor masa, diikuti oleh aktiviti panitia kurang mendapat sambutan murid, program penyeliaan dan pencerapan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya dan kekurangan sumber kewangan untuk aktiviti.

7. Apakah Item-Item yang Masih Kurang Memuaskan dalam Pengurusan Kurikulum Sekolah dan Panitia Mata Pelajaran Secara Keseluruhan dan Mengikut Kategori Sekolah.

Keputusan menunjukan antara item-item Prinsip Perancangan dalam Sistem Pengurusan Panitia di semua kategori sekolah yang masih tidak memuaskan ialah kebanyakan panitia sama ada tidak mewujudkan Takwim Panitia Tahunan (min skor = 6.21) atau takwimnya tidak lengkap, tiada Jadual Penyeliaan oleh Ketua Panitia (min skor = 5.04), tiada Jadual Program Perkembangan Staf untuk ahli panitia (min skor = 4.70), tiada Jadual Pemeriksaan Buku Latihan Pelajar (min skor = 5.85) dan tiada jadual ceramah/kursus khas untuk

PMR/SPM/STPM (min skor = 5.16). Merujuk kepada sukatan pelajaran dan bahan kurikulum, keputusan menunjukkan kebanyakan Ketua Panitia tidak dibekalkan dengan Nota TV. Pendidikan (min skor = 3.14) dan waktu TV pendidikan juga tidak ditunjukkan dalam jadual waktu sekolah (min skor = 2.54). Item-item penting lain tetapi masih kurang memuaskan ialah kelengkapan alat bantu mengajar yang asas masih belum mencukupi (min skor = 6. 17). Keputusan min skor menunjukkan item-item yang tidak memuaskan di SKPC juga tidak memuaskan di SKPM dan SKPS.

Antara item-item Prinsip Pengelolaan dan Pelaksanaan dalam Sistem Pengurusan Panitia yang masih kurang memuaskan di semua kategori sekolah ialah kebanyakan panitia tidak menyediakan senarai bahan bantu mengajar (BBM) dan tidak mengedarkannya kepada semua ahli panitia (min skor = 5.57), Rancangan TV. Pendidikan pada masa ini sudah tidak diikuti oleh kebanyakan sekolah (min skor = 2.64), sudut mata pelajaran di dalam kelas (min skor = 5.11) dan sudut mata pelajaran di papan buletin sekolah (min skor = 4.80) tidak diwujudkan atau kewujudannya tidak diurus dengan sempurna. Item-item penting lain yang juga masih kurang memuaskan ialah mesyuarat panitia tidak diadakan sekurang-kurangnya lima kali setahun (min skor = 6.36).

Dalam Prinsip Kepimpinan, sistem penghargaan kepada guru dan pelajar merupakan item yang masih kurang memuaskan di semua kategori sekolah (min skor = 4.68), diikuti oleh pihak Pengetua dan Penolong Kanan kurang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti panitia seperti menghadiri mesyuarat panitia secara bergilir-gilir (min skor = 6.64).

Dalam Prinsip Penyeliaan dan Pengawasan, keputusan min skor secara keseluruhan menunjukkan bahawa item-item yang masih kurang memuaskan ialah Pengetua/ PK1 /Ketua Bidang/Ketua Panitia kurang menjalankan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah secara terancang (min skor = 6.11), pihak yang menyelia tidak memberi maklumbalas hasil penyeliaan kepada pihak yang diselia (min skor = 6.28), jika penyeliaan dalam bilik darjah dan penyemakan kerja bertulis dijalankan oleh PK1/ Guru Kanan Mata Pelajaran laporan penyeliaan kurang dimaklumkan kepada Pengetua untuk tindakan (min skor = 6.16) dan program penilaian yang berterusan tidak dirancang dan dilaksanakan (min skor = 6.47). Selain itu Pengetua/Guru Kanan Mata pelajaran kurang menyemak kertas soalan ujian/peperiksaan (min skor = 6.19).

Keputusan min skor menunjukkan antara item-item Prinsip Perancangan dalam Sistem Pengurusan Kurikulum di semua kategori sekolah yang masih kurang memuaskan ialah kebanyakan sekolah masih belum melaksanakan program R & D (min skor = 5.00) dan Penyelidikan Tindakan (min skor = 5.41). Selain itu, Takwim Akademik Tahunan kebanyakan sekolah tidak mempunyai Jadual Penyeliaan dan Pencerapan Guru (min skor = 5.78) dan tidak mengandungi Jadual Pemeriksaan Buku Mm-id (min skor = 5.81). Keputusan min skor yang terlalu rendah untuk program-program kurikulum lain (min skor = 1.59 dan 1.16) menunjukkan kebanyakan sekolah kurang melaksanakan program-program kurikulum yang lain. Item-item penting lain yang juga masih kurang memuaskan ialah perancangan tahunan program perkembangan staf (min skor = 6.06) dan perancangan tahunan pusat sumber (min skor = 6.28).

Antara item-item Pengelolaan dan Pelaksanaan dalam Sistem Pengurusan Kurikulum yang masih kurang memuaskan di semua kategori sekolah ialah sudut akademik di **papan** buletin sekolah tidak dikendalikan dengan baik (min skor = 5.80), mesyuarat kurikulum tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya lima kali **setahun** (min skor = 6.41) dan kebanyakan aktiviti kurikulum tidak dapat dilaksanakan mengikut takwim yang dirancang (min skor = 6.22)

Merujuk kepada Prinsip Kepimpinan pula, keputusan min skor menunjukkan item-item kepimpinan oleh Pengetua dan PK1 di semua kategori sekolah yang masih kurang memuaskan ialah kedua-dua Pengetua dan PK1 di kebanyakan sekolah yang dikaji kurang membekalkan buku-buku **tambahan/rujukan** (min skor = 5.97 dan 6.13), mereka kurang **memberi** bimbingan profesional kepada AJK Kurikulum Sekolah (min skor = 6.25 dan 6.34) dan kepada **guru-guru sama ada guru lama atau guru baru** (min skor = 6.25 dan 6.31), mereka kurang membuat perbincangan dengan guru mengenai masalah kurikulum (min skor = 6.34 dan 6.59), mereka jarang menghadiri mesyuarat panitia (min skor = 6. 50 dan 6.59) dan mereka kurang kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah kurikulum (min skor = 6.09 dan 6.22). Keputusan menunjukkan min skor yang diperolehi oleh Pengetua dan PK1 bagi kebanyakan item adalah lebih kurang sama.

Di antara item-item Prinsip Penilaian dan Pengawalan dalam Sistem Pengurusan Kurikulum yang masih kurang memuaskan di kebanyakan sekolah yang dikaji ialah kebanyakan penyeliaan dibuat tanpa memberikan maklum balas hasil penyeliaan kepada guru yang diselia (min skor = 5.84), program penyeliaan dan penilaian guru tidak dilaksanakan sepenuhnya (min skor = 5.75), dan

Pengetua/PK1/Ketua Bidang/Ketua Panitia kurang menyemak kertas soalan ujian/peperiksaan (min skor = 5.69). Lain-lain item penting tetapi masih kurang memuaskan ialah Pengetua/PK1 kurang menjalankan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (min skor = 6.31) dan Pengetua/PK1/Ketua Bidang/Ketua Panitia kurang menyemak kerja bertulis pelajar secara berkala (min skor = 6.59).

5.3 KESIMPULAN

Berikut ialah kesimpulan yang dirumuskan daripada keputusan kajian pada Bab 4. Seperti perbincangan keputusan kajian, kesimpulan kajian juga disusun bermula dengan perihalan mengenai responden dan mengikut soalan-soalan kajian.

1. Kebanyakan responden yang dikaji bertugas di sekolah Gred A dan kebanyakan mereka memenuhi syarat kelulusan akademik kerana kebanyakannya berkelulusan Ijazah Sarjana Muda. Melihat daripada segi pengalaman pula, kebanyakan mereka masih baru dalam bidang tugas masing-masing.
2. Berdasarkan sela peratus skor yang telah ditetapkan oleh penyelidik, didapati kebanyakan sekolah yang dikaji, sistem pengurusan kurikulumnya adalah pada kategori yang sederhana manakala bagi kebanyakan panitia yang dikaji, sistem pengurusannya pula pada kategori yang memuaskan. Walaupun sebahagian sistem pengurusan kurikulum bagi sekolah-sekolah dan sistem pengurusan panitia bagi panitia yang dikaji boleh dianggap sebagai sistematik dan berkesan kerana peratus skornya 76 ke atas tetapi ia bukan merupakan dapatan

yang membanggakan kerana masih terdapat lagi sekolah/panitia yang sistem pengurusan kurikulum /panitianya boleh dianggap tidak sistematik dan berkesan (peratus skor 65 ke bawah). Prinsip-prinsip pengurusan dalam sistem pengurusan kurikulum sekolah/panitia secara keseluruhannya juga memuaskan kerana prinsip-prinsip pengurusan bagi kebanyakan sekolah dan panitia yang dikaji, sama ada termasuk dalam kategori cemerlang atau memuaskan (peratus skor 66 ke atas). Didapati bagi kebanyakan sekolah yang dikaji, Prinsip Kepimpinannya masih berada pada tahap yang sederhana, manakala bagi kebanyakan panitia yang dikaji Prinsip Perancangan merupakan prinsip pengurusan yang masih kurang memuaskan.

Melihat pada min skor sistem pengurusan kurikulum/panitia bagi sekolah/panitia yang dikaji, bolehlah disimpulkan bahawa, secara keseluruhannya sistem pengurusan kurikulum/panitia bagi kebanyakan sekolah/panitia yang dikaji berada pada tahap yang memuaskan. Min skor setiap prinsip pengurusan kurikulum/panitia yang lebih kurang sama menunjukkan wujud keseimbangan di antara prinsip-prinsip pengurusan dalam sistem pengurusan kurikulum/panitia bagi kebanyakan sekolah/panitia yang dikaji. Merujuk kepada keputusan nilai maksimum dan minimum, sama ada secara keseluruhan atau mengikut prinsip-prinsipnya, dapatlah disimpulkan bahawa ada sekolah/panitia yang sistem pengurusannya boleh dianggap sistematik dan berkesan dan ada sekolah/panitia yang sistem pengurusannya sangat tidak sistematik dan berkesan.

Kesimpulan keseluruhan, kebanyakan sekolah/panitia yang dikaji sistem pengurusan kurikulum/panitianya hanyalah berada pada tahap yang memuaskan, hanya sebahagian kecil sahaja yang telah pun mengamalkan budaya pengurusan yang boleh dianggap sistematik,

berkesan dan cemerlang pada semua prinsip-prinsipnya. Manakala sebahagian sekolah/panitia yang lain sistem pengurusan kurikulum/panitianya masih kurang sistematik, kurang berkesan dan tidak cemerlang.

3. Sistem pengurusan kurikulum di ketiga-tiga kategori sekolah adalah berbeza. Sistem pengurusan kurikulum di Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang adalah lebih baik daripada di Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana. Manakala sistem pengurusan kurikulum di Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan adalah lebih baik daripada sistem pengurusan kurikulum di Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana.

Sistem pengurusan panitia di ketiga-tiga kategori sekolah juga berbeza. Sistem pengurusan panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang adalah lebih baik daripada di Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana. Manakala sistem pengurusan panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan dan di Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana adalah lebih kurang sama. Merujuk kepada prinsip-prinsip pengurusan pula, didapati prinsip-prinsip pengurusan di Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang juga lebih memuaskan berbanding dengan prinsip-prinsip pengurusan di Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana. Sementara prinsip-prinsip pengurusan di Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan lebih kurang sama dengan di Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana.

Kesimpulan keseluruhan, didapati sistem pengurusan kurikulum/panitia di ketiga-tiga kategori sekolah adalah berbeza. Sistem pengurusan kurikulum/panitia di sekolah pencapaian

cemerlang lebih baik daripada di sekolah pencapaian memuaskan dan sederhana. Sistem pengurusan kurikulum di sekolah pencapaian memuaskan pula lebih baik daripada di sekolah pencapaian sederhana, tetapi sistem pengurusan panitia di sekolah kategori pencapaian memuaskan dan sederhana tidak jauh berbeza.

4. Didapati wujud hubungan yang signifikan di antara pencapaian sekolah dalam Peperiksaan Awam dengan sistem pengurusan kurikulumnya. Dengan ini, bolehlah disimpulkan bahawa keberkesanan sistem pengurusan kurikulum sesebuah sekolah boleh mempengaruhi pencapaian sekolah tersebut dalam Peperiksaan Awam. Begitu juga wujud hubungan yang signifikan di antara pencapaian mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam dengan sistem pengurusan panitianya. Dengan ini, bolehlah disimpulkan bahawa keberkesanan sistem pengurusan sesuatu panitia boleh mempengaruhi pencapaian mata pelajaran tersebut dalam Peperiksaan Awam.

Walaupun bagaimanapun, ada juga mata pelajaran yang pencapaiannya tidak terlalu dipengaruhi oleh sistem pengurusan panitianya. Ini bermakna ada juga mata pelajaran yang pencapaiannya tinggi walaupun pengurusan panitianya kurang sistematik dan berkesan. Begitu juga sebaliknya ada panitia yang diurus dengan sistematik dan berkesan tetapi pencapaiannya dalam Peperiksaan Awam masih rendah. Keadaan ini berlaku kerana ada banyak faktor yang mempengaruhi kecemerlangan sesuatu mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam.

Kesimpulan keseluruhan, pencapaian sekolah dalam Peperiksaan Awam sedikit sebanyak dipengaruhi oleh keberkesanan sistem pengurusan kurikulumnya, manakala pencapaian sesuatu mata

pelajaran dalam Peperiksaan Awam sedikit sebanyak juga dipengaruhi oleh keberkesanan sistem pengurusan panitianya.

5. Secara keseluruhannya, tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Setiausaha Akademik dalam pengurusan kurikulum sekolahnya adalah memuaskan kecuali pengalaman dalam bidang tugas dan pengetahuan tentang R & D atau Penyelidikan Tindakan. Masih ramai Setiausaha Akademik yang belum terdedah dengan R & D terutamanya Setiausaha Akademik di Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan.

Tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Setiausaha Akademik di Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang pada umumnya lebih baik berbanding di Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana, sementara tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Setiausaha Akademik di Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana pula lebih baik daripada di Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan.

Merujuk kepada Ketua Panitia pula, didapati pada umumnya tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran ketua Panitia di semua kategori sekolah memuaskan kecuali daripada sudut pengalaman dalam bidang tugas, kemahiran menjalankan tugas, pengetahuan/kefahaman tentang sistem pengurusan panitia yang berkesan dan cemerlang dan pengetahuan tentang R & D atau Penyelidikan Tindakan. Kebanyakan Ketua Panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Cemerlang mempunyai tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran yang lebih baik daripada Ketua Panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan dan Sekolah Kategori Pencapaian Sederhana, manakala Ketua Panitia di Sekolah Kategori

Pencapaian Sederhana mempunyai tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran yang lebih baik daripada Ketua Panitia di Sekolah Kategori Pencapaian Memuaskan.

Kesimpulan keseluruhan, Secara keseluruhannya tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Setiausaha Akademik/Ketua Panitia dalam pengurusan kurikulum/panitia adalah pada tahap yang memuaskan. Walau bagaimanapun, kebanyakan mereka masih kurang pengalaman dalam bidang tugas dan kurang kefahaman tentang R & D. Ketua Panitia juga kurang kemahiran menjalankan tugas dan kurang kefahaman tentang sistem pengurusan panitia yang berkesan dan cemerlang. Pada umumnya, tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Setiausaha Akademik/Ketua Panitia di sekolah pencapaian cemerlang lebih baik daripada di sekolah pencapaian memuaskan dan sederhana.

6. Masalah paling utama yang sering dihadapi oleh Ketua Panitia di kebanyakan sekolah ialah faktor masa menyebabkan sebahagian aktiviti tidak dapat dijalankan, diikuti dengan aktiviti panitia kurang mendapat sambutan murid, kekurangan sumber kewangan untuk aktiviti dan program penyeliaan dan pencerapan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.
7. Secara keseluruhannya, tahap pelaksanaan kebanyakan item dalam sistem pengurusan panitia bagi kebanyakan sekolah yang dikaji hanya pada tahap yang memuaskan sahaja. Tidak banyak item yang pelaksanaannya boleh dianggap cemerlang.

Antara item-item Prinsip Perancangan yang masih tidak memuaskan ialah kebanyakan panitia yang dikaji tidak mewujudkan Takwim

Panitia Tahunan. Jika wujud pun kebanyakannya masih tidak lengkap iaitu tiada Jadual Penyeliaan Guru oleh Ketua Panitia, tiada Jadual Program Perkembangan Staf, tiada Jadual Pemeriksaan Buku Murid dan tiada Jadual Ceramah/Kursus Khas PMR/SPM/STPM. Selain daripada itu, kebanyakan Ketua Panitia tidak dibekalkan dengan Nota TV Pendidikan dan waktu pelaksanaannya pun tidak ditunjukkan dalam Jadual Waktu. Dengan ini, bolehlah dianggap bahawa Program TV Pendidikan pada masa kini sudah tidak diikuti dengan sepenuhnya. Item-item lain yang masih tidak memuaskan ialah kebanyakan Ketua Panitia tidak menyenaraikan Bahan Bantu Mengajar dan tidak diberikan kepada ahli-ahli panitia, sudut-sudut mata pelajaran sama ada di kelas atau di papan buletin sekolah pun masih kurang diberi perhatian dan sistem penghargaan kepada guru dan pelajar di kebanyakan sekolah yang dikaji masih belum diwujudkan. Didapati kebanyakan Pengetua/PK1 di sekolah-sekolah yang dikaji masih tidak melaksanakan program penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah dengan sistematik dan terancang.

Seperti dalam pengurusan panitia, tahap pelaksanaan kebanyakan item dalam pengurusan kurikulum bagi kebanyakan sekolah yang dikaji juga hanya berada pada tahap yang memuaskan. Tidak banyak item yang tahap pelaksanaannya boleh dianggap cemerlang. Sebahagian item tahap pelaksanaannya masih tidak memuaskan. Antara item dalam Prinsip Perancangan yang masih tidak memuaskan ialah, kebanyakan sekolah yang dikaji belum melaksanakan Program R & D atau Penyelidikan Tindakan, Takwim Akademik Tahunan kebanyakan sekolah belum lengkap dari segi Jadual Penyeliaan dan Pencerapan, Jadual Mesyuarat Kurikulum dan Jadual Pemeriksaan Buku Murid. Kebanyakan sekolah tidak mempunyai perancangan tahunan Program Perkembangan Staf dan perancangan

tahunan Pusat Sumber berkaitan dengan aktiviti-aktiviti peningkatan prestasi sekolah bagi kebanyakan sekolah yang dikaji juga kurang memuaskan.

Sudut Akademik di papan buletin sekolah masih kurang diberi perhatian, mesyuarat kurikulum tidak dilaksanakan sekurang-kurangnya lima kali setahun dan pelaksanaan aktiviti tidak lancar dan tidak mengikut seperti yang dirancang merupakan antara item Prinsip Pengelolaan & Pelaksanaan yang masih tidak memuaskan di kebanyakan sekolah yang dikaji.

Merujuk kepada Prinsip Kepimpinan, item yang masih perlu diberi perhatian ialah kedua-dua Pengetua dan PK1 kurang memberi bimbingan profesional kepada guru-guru dalam hal-hal berkaitan kurikulum, kurang membuat perbincangan dan memberi idea-idea yang kreatif dan inovatif dan mereka jarang menghadiri mesyuarat panitia mata pelajaran di sekolah mereka.

Dalam Prinsip Penilaian & Pengawasan seperti dalam pengurusan panitia, Program Penyeliaan dan Penilaian pengajaran guru di kebanyakan sekolah yang dikaji masih tidak dilaksanakan sepenuhnya, Pengetua/PK1 kurang menjalankan penyeliaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, Pengetua/PK1/Ketua Bidang/Ketua Panitia kurang memberi perhatian dalam penyemakan kertas soalan ujian/peperiksaan dan mereka kurang menyemak kerja bertulis pelajar secara berkala.

Sebagai kesimpulan keseluruhan, tahap pelaksanaan kebanyakan item dalam prinsip-prinsip pengurusan kurikulum/panitia di kebanyakan sekolah yang dikaji hanya berada pada tahap yang memuaskan. Tidak

banyak item yang pelaksanaannya boleh dianggap cemerlang. Sebahagian item penting tahap pelaksanaannya masih tidak memuaskan dan perlu diambil langkah-langkah perlu untuk memperbaikinya.

Hubungan Dapatan Kajian dengan Dapatan Kajian Lepas.

Dapatan kajian lepas mengenai sekolah berkesan yang telah dibincangkan pada Bab 2, menunjukkan wujud pengaruh prinsip-prinsip dan elemen-elemen pengurusan kurikulum ke atas pencapaian akademik sekolah-sekolah tersebut. Kajian lepas oleh Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan juga mendapati, sekolah-sekolah yang cemerlang dalam peperiksaan ialah sekolah yang telah mengamalkan budaya pengurusan kurikulum cemerlang. Dapatan kajian ini pula menunjukkan sistem pengurusan kurikulum di sekolah pencapaian cemerlang pada umumnya lebih baik berbanding dengan sistem pengurusan kurikulum di sekolah pencapaian sederhana dan didapati juga keberkesanan sistem pengurusan kurikulum yang meliputi pengurusan panitia mata pelajaran sesebuah sekolah merupakan antara faktor yang mempengaruhi pencapaian sekolah tersebut dalam Peperiksaan Awam. Dengan ini, kedua-dua dapatan kajian ini dapat mengukuhkan lagi penemuan kajian-kajian lepas mengenai ciri-ciri pengurusan kurikulum di sekolah-sekolah berkesan.

Dapatan kajian menunjukkan sistem pengurusan kurikulum dan panitia kebanyakan sekolah yang dikaji dalam kajian ini hanya berada pada peringkat yang memuaskan. Dapatan kajian lepas oleh Jemaah Nazir (sila lihat Bab 2) juga menunjukkan sistem pengurusan kurikulum di kebanyakan sekolah yang dikaji hanya pada tahap yang memuaskan. Oleh yang demikian dapatlah disimpulkan bahawa, sistem pengurusan kurikulum yang meliputi pengurusan

panitia mata pelajaran di kebanyakan sekolah pada masa kini masih belum berada pada tahap yang boleh dianggap cemerlang.

Dapatan kajian lepas oleh Jemaah Nazir menunjukkan kebanyakan Pengetua di sekolah yang dikaji kurang menjalankan penyeliaan aspek pengajaran - pembelajaran dan pengurusannya. Dalam kajian ini, dapatan juga menunjukkan kebanyakan sekolah kurang memberi perhatian kepada aspek penyeliaan pengajaran-pembelajaran, pengurusan kurikulum sekolah dan pengurusan panitia mata pelajaran. Jika ada pun penyeliaan, kemungkinan pelaksanaannya kurang sistematik, tidak terancang dan tidak secara berterusan. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa kebanyakan sekolah pada masa kini masih kurang melaksanakan program penyeliaan.

5.4 CADANGAN

54.1 Cadangan Daripada Dapatan Kajian

Berdasarkan keputusan kajian dalam Bab 4 dan kesimpulan kajian yang telah dibincangkan sebelumnya, didapati sebahagian daripada penemuan kajian sangat berguna kepada semua pihak yang terlibat dengan pendidikan, khasnya bidang kurikulum dan pengurusannya. Walaupun dapatan kajian hanya daripada sampel yang dikaji, ia masih boleh digunakan untuk mewakili populasi kerana jumlah sampel yang digunakan banyak. Oleh yang demikian, cadangan-cadangan yang dikemukakan masih boleh digunakan untuk sekolah-sekolah di daerah-daerah lain yang tidak dikaji. Berikut adalah antara cadangan daripada dapatan kajian yang difikirkan berguna oleh penyelidik:

1. Didapati kebanyakan Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia masih baru dalam bidang tugas masing-masing. Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia yang sering berganti boleh menjejaskan keberkesanaan pelaksanaan sesuatu aktiviti/program kurikulum dan panitia yang dirancang. Oleh yang demikian, Pengetua-Pengetua sekolah seberapa boleh hendaklah mengelakkan daripada melantik Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia yang baru setiap tahun.
2. Dapatan kajian menunjukkan masih ada sekolah dan panitia mata pelajaran yang sistem pengurusan kurikulum dan panitia nya masih berada pada tahap yang tidak memuaskan dan dianggap tidak sistematik dan berkesan. Dapatan ini boleh digunakan oleh semua pihak yang terlibat dengan kurikulum dan pengurusannya di semua peringkat pendidikan terutamanya pengurus-pengurus pendidikan peringkat sekolah untuk tujuan memperbaiki memperkukuh dan meningkatkan mana-mana sekolah/panitia yang sistem pengurusannya masih tidak berkesan. Pengesanan ini boleh dibuat melalui penyeliaan oleh pihak Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah atau oleh Pengetua.
3. Dapatan kajian menunjukan wujud perbezaan sistem pengurusan kurikulum dan panitia di ketiga-tiga kategori sekolah. Didapati sistem pengurusan kurikulum dan panitia di sekolah pencapaian cemerlang lebih baik daripada di sekolah pencapaian memuaskan dan sederhana. Dengan penemuan ini, semua pihak terutamanya pihak yang terlibat dengan kurikulum dan pengurusannya di peringkat sekolah hendaklah

mengkaji semula sistem pengurusan kurikulum dan panitia setiap mata pelajaran di sekolah masing-masing. Pengetua-Pengetua, terutamanya Pengetua di sekolah pencapaian memuaskan dan sederhana hendaklah melakukan penyeliaan terhadap pengurusan kurikulum sekolah dan pengurusan panitia mata pelajaran di sekolah masing-masing untuk melihat sama ada sistem pengurusan kurikulum sekolah dan panitia-panitia tersebut pada tahap yang cemerlang atau tidak. Jika tidak, perlu diambil langkah-langkah untuk memperbaikinya. Pihak sekolah juga boleh mencontohi sistem pengurusan kurikulum/panitia di sekolah pencapaian cemerlang yang telah dikenal pasti sistem pengurusannya cemerlang. Pihak atasan sama ada Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan juga hendaklah menggunakan penemuan ini untuk menyusun semula sistem penyeliaan yang terancang ke atas sekolah-sekolah di bawah tanggungjawab masing-masing terutama sekolah-sekolah yang sering mendapat keputusan rendah di bawah peringkat daerah /negeri/ kebangsaan.

4. Dapatan kajian menunjukkan keberkesanan sistem pengurusan sesebuah sekolah merupakan antara faktor yang boleh mempengaruhi pencapaian sekolah dalam Peperiksaan Awam. Begitu juga didapati salah satu faktor yang mempengaruhi pencapaian sesuatu mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam ialah keberkesanan pengurusan panitianya. Berpandukan penemuan ini, Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia di semua sekolah hendaklah mengambil perhatian yang lebih serius terhadap aktiviti-aktiviti dan program-program kurikulum dan panitia mata pelajaran masing-masing. Setiap

aktiviti dan program hendaklah dirancang dengan teliti, dilaksanakan dengan sistematik dan dikawal dan diselia dari semasa ke semasa supaya aktiviti/program tersebut benar-benar dapat membantu meningkatkan prestasi sekolah dan prestasi setiap mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam. Bidang pengurusan kurikulum dan pengurusan panitia hendaklah diberi perhatian yang sama dengan faktor-faktor lain ketika membentuk program peningkatan prestasi sekolah, sama ada untuk tempoh jangka pendek atau jangka panjang.

5. Walaupun dapatan menunjukkan tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia secara keseluruhannya agak memuaskan, tetapi pengalaman mereka dalam bidang tugas dan pengetahuan tentang R & D masih tidak memuaskan. Didapati kebanyakan Ketua Panitia yang dikaji masih kurang kemahiran menjalankan tugas dan kurang mengetahui bagaimana hendak menguruskan panitianya dengan sistematik dan berkesan. Berasaskan dapatan ini, semua pihak yang terlibat, terutamanya Pengetua sekolah, hendaklah mengadakan Program Perkembangan Staf peringkat sekolah, bukan sahaja untuk Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia tetapi juga kepada semua Ahli Jawatan Kuasa Kurikulum Sekolah. Kursus-kursus/bengkel/ceramah berkaitan dengan kaedah pengurusan kurikulum/panitia yang berkesan hendaklah dirancang dengan teliti supaya hasilnya benar-benar dapat memberikan pengetahuan kepada semua guru yang terlibat dengan pengurusan kurikulum sekolah, terutamanya Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia. Seterusnya, agar pengetahuan tersebut dapat membantu mereka menguruskan

kurikulum sekolah/panitia mata pelajaran yang di bawah tanggungjawab mereka dengan cara yang lebih bersistematik dan berkesan.

Dapatan kajian juga menunjukkan tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia di sekolah pencapaian cemerlang lebih baik daripada di sekolah pencapaian memuaskan dan sederhana. Dapatan ini secara tidak langsung menunjukkan yang pencapaian sekolah dan pencapaian mata pelajaran dalam Peperiksaan Awam juga dipengaruhi oleh tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia dalam pengurusan kurikulum sekolah/ panitia mata pelajaran yang di bawah tanggungjawab mereka. Oleh yang demikian, semua pihak terutama pihak sekolah dalam usaha hendak mempertingkatkan prestasi sekolah dalam Peperiksaan Awam melalui pengurusan kurikulum yang berkesan hendaklah juga memberi penekanan yang sama terhadap pengetahuan/kemahiran Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia.

6. Dapatan kajian menunjukkan antara masalah utama yang sering dihadapi oleh ketua panitia ialah faktor masa, aktiviti kurang mendapat sambutan murid, kekurangan sumber kewangan dan program penyeliaan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya. Dalam pada kita berusaha untuk mempertingkatkan keberkesanan pengurusan panitia mata pelajaran, kita perlu juga melihat pada masalah-masalah yang menjadi penghalang kepada keberkesanan tersebut. Oleh yang demikian, masalah faktor masa hendaklah dijadikan panduan

oleh Pengetua sekolah ketika membuat pembahagian tugas kepada Ketua Panitia. Jumlah waktu mengajar dan tugas-tugas sampingan lain untuk Ketua Panitia hendaklah dikurangkan supaya mereka dapat memberi lebih perhatian kepada aktiviti-aktiviti panitianya. Untuk menarik perhatian pelajar supaya menyertai aktiviti panitia, seorang Ketua Panitia mestilah kreatif dalam membuat perancangan. Aktiviti yang hendak dilaksanakan terlebih dahulu hendaklah dirancang dengan teliti dengan mengambil kira masalah-masalah murid. Masalah kekurangan sumber kewangan untuk aktiviti boleh diselesaikan, jika setiap panitia membuat perancangan belanjawan untuk aktiviti panitia bagi setiap tahun. Pihak sekolah pula hendaklah memberikan peruntukan kepada setiap panitia mata pelajaran yang ada di sekolah, terutamanya panitia yang tidak ada peruntukan sendiri dan terpaksa berkongsi dengan panitia-panitia lain. Pembahagian peruntukan hendaklah bergantung kepada keperluan sesuatu panitia. Dengan cara ini, masalah kekurangan sumber kewangan untuk aktiviti dapat diselesaikan.

Program penyeliaan dan pencerapan merupakan antara aktiviti panitia yang terpenting. Penyeliaan dan pencerapan boleh dilakukan, sama ada oleh Pengetua, PK1, Ketua Bidang atau oleh Ketua Panitia sendiri. Oleh yang demikian, untuk mengatasi masalah ini, Pengetua hendaklah menurunkan sebahagian tugas penyeliaan kepada Ketua-Ketua Panitia. Ketua Panitia pula hendaklah merancang aktiviti penyeliaan dalam Takwim Tahunan Panitianya. Segala aktiviti penyeliaan hendaklah bertujuan meningkatkan taraf profesionalisme guru dan pencapaian murid, bukannya untuk

mencari kesalahan guru. Pengetua harus menerangkan tujuan ini kepada semua guru supaya mereka tidak lagi menganggap penyeliaan itu sebagai satu bebanan. Dengan cara ini, semua guru akan memberi kerjasama penuh dan bersikap positif terhadap aktiviti penyeliaan.

7. Dapatan kajian menunjukkan masih ada lagi item-item prinsip pengurusan dalam pengurusan kurikulum sekolah dan panitia yang pelaksanaannya pada tahap yang tidak memuaskan. Dapatan ini boleh digunakan oleh semua pihak yang terlibat dengan kurikulum dan pengurusannya di semua peringkat, terutama pengurus-pengurus kurikulum peringkat sekolah. Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia boleh menggunakan dapatan ini sebagai panduan untuk mengkaji semula item-item tersebut di sekolah masing-masing, untuk memastikan sama ada pelaksanaan item-item tersebut juga masih kurang memuaskan atau tidak. Daripada kajian ini, pihak sekolah hendaklah mengambil langkah-langkah perlu untuk memperbaikinya, jika ternyata item-item tersebut juga masih tidak memuaskan.

5.4.2 Cadangan Umum

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sistem pengurusan kurikulum sekolah dan sistem pengurusan panitia di kebanyakan sekolah yang sering mencapai kejayaan cemerlang dalam Peperiksaan Awam adalah lebih bersistematik, berkesan dan cemerlang berbanding dengan sekolah-sekolah lain yang sering mendapat keputusan rendah dalam Peperiksaan Awam. Didapati juga, keberkesanan sistem

pengurusan kurikulum sesebuah sekolah boleh mempengaruhi pencapaian sekolah dalam Peperiksaan Awam dan keberkesanan sistem pengurusan panitia sesuatu mata pelajaran merupakan antara faktor yang mempengaruhi pencapaian mata pelajaran tersebut dalam Peperiksaan Awam.

Dapatan lain menunjukkan sistem pengurusan kurikulum dan panitia bagi kebanyakan sekolah pada masa kini secara keseluruhannya hanya berada pada tahap yang memuaskan sahaja. Bilangan sekolah dan panitia yang sistem pengurusan kurikulum dan sistem pengurusan panitianya boleh dianggap sistematik, berkesan dan cemerlang masih berkurangan. Begitu juga tidak banyak item prinsip pengurusan dalam sistem pengurusan kurikulum/panitia yang pelaksanaannya boleh dianggap cemerlang. Sebahagian sekolah dan panitia sistem pengurusan kurikulumnya dan sistem pengurusan panitianya masih pada tahap yang sederhana. Masih ada lagi item-item penting prinsip pengurusan, sama ada dalam sistem pengurusan kurikulum atau dalam sistem pengurusan panitia yang tahap pelaksanaannya sangat tidak memuaskan. Di samping itu, didapati tahap penguasaan pengetahuan dan kemahiran kebanyakan Setiausaha Akademik dalam pengurusan kurikulum dan Ketua Panitia dalam pengurusan panitia juga masih pada tahap yang memuaskan. Masih banyak item penting dalam pengurusan kurikulum dan panitia yang belum dikuasai oleh mereka. Merujuk kepada masalah-masalah utama pula, didapati kebanyakan panitia masih menghadapi beberapa masalah yang jika tidak diatasi boleh menjejaskan keberkesanan panitia.

Dengan ini, fenomena yang sedang berlaku dalam sistem pengurusan kurikulum sekolah pada masa kini bolehlah diringkaskan seperti berikut:

Keberkesanan sistem pengurusan kurikulum sesebuah sekolah dan panitia-panitia mata pelajarannya merupakan antara faktor penting yang boleh menyumbangkan kecemerlangan pencapaian sekolah tersebut dalam Peperiksaan Awam, tetapi sistem pengurusan kurikulum dan sistem pengurusan panitia di kebanyakan sekolah pada masa kini belum mencapai tahap sistematik berkesan dan cemerlang.

Masalahnya, bolehkah matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Negara dan Wawasan 2020 tercapai sepenuhnya dengan hanya sebahagian sekolah sahaja yang sistem pengurusan kurikulumnya cemerlang ?

Berdasarkan fenomena ini, semua pihak yang terlibat dengan bidang pendidikan khasnya bidang kurikulum dan pengurusannya di semua peringkat, terutamanya **pengurus-pengurus** kurikulum peringkat sekolah hendaklah prihatin dengan isu ini dan menggunakan dapatan ini untuk mengesan dan mengkaji semula sistem pengurusan kurikulum dan panitia di sekolah **masing-masing**. Pengesanan hendaklah menggunakan instrumen yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Hasil pengesanan dan pemerhatian hendaklah digunakan untuk memperbaiki, memperkukuh dan meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan kurikulum/panitia di sekolah **masing-masing**.

Usaha-usaha peningkatan hendaklah dibuat **pada** semua prinsip pengurusannya meliputi proses perancangan, pengelolaan dan pelaksanaan, kepimpinan dan penyeliaan dan penilaian. Berikut adalah antara cadangan-cadangan yang boleh digunakan oleh pengurus-pengurus kurikulum peringkat sekolah untuk meningkatkan

keberkesanan sistem pengurusan kurikulum dan panitia sekolah masing-masing.

1. Dalam Prinsip Perancangan, matlamat dan objektif kurikulum sekolah hendaklah jelas, tersurat dan disebarkan kepada semua ahli sekolah. Begitu juga setiap panitia mata pelajaran mesti menetapkan matlamat dan objektif yang hendak dicapai. Matlamat dan objektif tersebut hendaklah disebarkan kepada semua ahli panitia dan pelajar. Dengan cara ini, semua ahli sekolah, iaitu guru, pelajar dan semua pekerja dapat lebih menyedari serta menghayati matlamat dan objektif tersebut. Selain itu, setiap sekolah mesti mewujudkan Takwim Tahunan Akademik yang berasingan dengan Takwim Sekolah dan setiap panitia mesti mempunyai Takwim Tahunan Panitia sendiri. Kedua-dua takwim tersebut mesti lengkap dan mengandungi semua aktiviti/program penting sekolah/panitia untuk tempoh setahun. Antara item-item penting yang mesti ada dalam takwim tersebut ialah Jadual Penyeliaan/Pencerapan, Jadual Mesyuarat Kurikulum/Panitia, Jadual Program Perkembangan Staf, Jadual Pemeriksaan Buku Pelajar dan lain-lain lagi. Dengan adanya takwim yang lengkap, semua aktiviti penting dapat dilaksanakan dengan lancar dan tiada aktiviti penting yang akan tertinggal.

Satu lagi item Prinsip Perancangan dalam kedua-dua pengurusan kurikulum dan panitia yang mesti ada tetapi kurang diberi penekanan pada masa kini ialah Program Perkembangan Staf. Setiap sekolah dan panitia mesti mempunyai perancangan tahunan program ini yang bertujuan

meningkatkan tahap dan mutu profesionalisme guru, terutama dari segi pengajaran - pembelajaran dan pengurusannya.

2. Dalam Prinsip Pengelolaan dan Pelaksanaan, item yang perlu diberi penekanan ialah perincian **tugas**, mesyuarat kurikulum dan mesyuarat panitia. Setiap Ahli Jawatan Kuasa Kurikulum Sekolah bukan sahaja perlu mempunyai senarai perincian tugas tetapi mesti mengetahui dan memahaminya. Pengetahuan tentang tugas dapat membantu AJK Kurikulum Sekolah, terutamanya Setiausaha Akademik dan Ketua Panitia menjalankan tugas dengan lebih cekap, berkesan dan berkualiti. Mesyuarat kurikulum sekolah dan panitia mata pelajaran hendaklah diadakan seberapa kerap yang boleh untuk membincangkan dan menyelesaikan segala isu berkaitan kurikulum dan panitia mata pelajaran. Perjumpaan informal sesama AJK Kurikulum Sekolah dan ahli panitia hendaklah diadakan dari semasa ke semasa juga untuk menyelesaikan segala masalah yang timbul.
3. Dapatan kebanyakan kajian sekolah berkesan menunjukkan kepimpinan Pengetua merupakan antara faktor utama penentu kecemerlangan sesebuah sekolah dari semua aspek. Keberkesanan pengurusan kurikulum dan panitia-panitia mata pelajaran di sesebuah sekolah juga bergantung kepada kepimpinan pihak sekolah, terutamanya Pengetua. Oleh yang demikian, Pengetua dan PK1 hendaklah bertindak sebagai pemimpin utama segala aktiviti kurikulum di sekolah mereka. Mereka hendaklah memberikan kerjasama penuh kepada semua aktiviti kurikulum sekolah dan panitia mata pelajaran, prihatin dengan segala masalah kurikulum yang timbul dengan

sama-sama mencari penyelesaiannya, sentiasa bersedia untuk memberikan bimbingan profesional kepada AJK Kurikulum Sekolah dalam hal-hal yang berkaitan kurikulum dan lain-lain lagi. Selain kepimpinan Pengetua dan PK1, kepimpinan Setiausaha Akademik dalam pengurusan kurikulum sekolah dan kepimpinan Ketua Panitia dalam pengurusan panitia juga diperlukan untuk meningkatkan keberkesanan sesuatu aktiviti/program. Sistem penghargaan kepada guru dan pelajar merupakan item dalam Prinsip Kepimpinan yang perlu diwujudkan oleh setiap sekolah. Pihak pengurusan sekolah hendaklah menghargai sumbangan positif yang diberikan oleh guru-guru kepada sekolah. Kejayaan pelajar-pelajar hendaklah dihargai dengan memberikan ganjaran kepada mereka. Usaha-usaha ini adalah untuk mendorong guru-guru supaya menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan lebih beriltizam cekap, dedikasi dan sempurna. Begitu juga pada murid. Sistem penghargaan dapat menggalakkan murid berusaha lebih tekun dalam semua aktiviti sekolah yang disertai oleh mereka.

4. Sistem pengurusan tidak lengkap tanpa penyeliaan dan pengawalan. Begitu juga dalam pengurusan kurikulum sekolah dan pengurusan panitia. Prinsip ini hendaklah diberi penekanan yang sama dengan prinsip-prinsip pengurusan yang lain.

Antara item terpenting, dalam Prinsip Penyeliaan dan Pengawalan tetapi masih kurang diberi perhatian oleh pihak sekolah ialah program penyeliaan pengajaran-pembelajaran di bilik darjah dan pengurusannya. Keberkesanan aspek

pengajaran-pembelajaran di bilik darjah dan aspek pengurusan kurikulum sekolah yang meliputi aspek pengurusan panitia hanya boleh dipertingkatkan melalui program penyeliaan dan pengawalan yang terancang dan berterusan. Sesuai dengan kehendak Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan 3/87, pihak pengurusan sekolah terutamanya Pengetua hendaklah merancang dengan teliti program penyeliaan pengajaran-pembelajaran dan pengurusannya untuk semua mata pelajaran yang ada di sekolah. Oleh kerana program ini sangat penting maka jadual pelaksanaan program ini hendaklah dimasukkan ke dalam Takwim Akademik Tahunan. Untuk mengatasi masalah Pengetua yang sibuk dan tidak dapat menyelia semua guru dan panitia yang ada, maka tugas penyeliaan hendaklah diturunkan dan diagih-agihkan kepada sama ada PK1, Ketua Bidang atau Ketua Panitia. Hasil penyeliaan hendaklah digunakan untuk tujuan memperbaiki lagi kualiti pengajaran-pembelajaran di bilik darjah dan untuk meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan kurikulum sekolah dan panitia. Penyeliaan hendaklah menggunakan instrumen yang sesuai, contoh instrumen yang disyorkan oleh pihak Kementerian Pendidikan boleh digunakan dengan sedikit ubahsuai untuk disesuaikan dengan keadaan sekolah dan keperluan semasa.

Selain penyeliaan terhadap aspek pengajaran-pembelajaran di bilik darjah dan aspek pengurusan kurikulum dan panitia, pihak sekolah juga perlu menjalankan penyeliaan dan pengawalan kepada aktiviti-aktiviti kurikulum yang lain seperti penyemakan terhadap kerja bertulis pelajar, penyemakan kertas soalan ujian/peperiksaan dan lain-lain lagi.

Untuk menjamin kejayaan pelaksanaan kurikulum di peringkat sekolah kerjasama dari pihak atasan yang lain juga diperlukan. Walaupun kebanyakan isu berkaitan peningkatan mutu pengajaran-pembelajaran dan pengurusannya perlu diselesaikan oleh pihak sekolah sendiri, namun demikian pihak-pihak atasan yang lain perlu juga prihatin dengan masalah ini. Antara langkah yang boleh diambil oleh pihak Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia ialah menjalankan penyeliaan ke sekolah-sekolah untuk mengenalpasti kelemahan dan kekuatan pelaksanaan kurikulum dan pengurusannya. Dapatan penyeliaan hendaklah digunakan untuk merancang strategi dan program-program yang difikirkan boleh membantu meningkatkan mutu pengurusan kurikulum sekolah.

Selain menjalankan penyeliaan terancang yang berterusan ke sekolah-sekolah, pihak atasan juga hendaklah mengadakan program-program perkembangan staf berkaitan peningkatan mutu pengajaran-pembelajaran dan pengurusannya untuk guru-guru sekolah di kawasan masing-masing. Pihak atasan juga hendaklah menyediakan instrumen penyeliaan yang seragam untuk digunakan oleh semua sekolah. Instrumen tersebut juga hendaklah di sebarkan kepada semua sekolah supaya semua pihak mengetahui apakah item-item yang perlu diberi perhatian dalam pengurusan kurikulum sekolah dan pengurusan panitia. Selain instrumen penyeliaan, pihak atasan hendaklah membekalkan buku-buku atau risalah-risalah panduan penyeliaan kepada sekolah-sekolah.

5.4.3 Cadangan untuk Penyelidikan akan Datang

Adalah diharapkan kajian ini dapat menjadi perintis kepada kajian-kajian akan datang yang berkaitan dengan isu-isu pengurusan kurikulum sekolah. Memandangkan pada masa kini, isu ini sudah menjadi semakin penting dan mencabar maka sudah sampai masanya golongan penyelidik dalam bidang pendidikan mengalihkan perhatian pula kepada penyelidikan yang berkaitan dengan bidang pengurusan sekolah, khasnya pengurusan kurikulum. Ini sesuai dengan reformasi pengurusan yang sedang berlangsung di sekolah-sekolah pada masa kini. Berikut adalah antara cadangan-cadangan yang difikirkan boleh meningkatkan lagi ketepatan dapatan kajian, sama ada untuk kajian yang sama atau kajian-kajian lain yang berkaitan isu pengurusan kurikulum sekolah.

1. Populasi kajian hendaklah diperluaskan dan hendaklah digunakan responden yang lebih ramai. Jika mempunyai masa, tenaga dan kewangan yang mencukupi, kajian ini hendaklah diperluaskan ke sekolah-sekolah seluruh Malaysia.
2. Jika mempunyai masa yang cukup kaedah kutipan data hendaklah dipelbagaikan. Selain menggunakan borang soal selidik, kaedah temu bual dengan responden dan pemerhatian hendaklah digunakan.
3. Jika instrumen kajian yang sama hendak digunakan, ia perlu diubahsuai sedikit dengan meninggalkan mana-mana item yang tidak penting dan menambah mana-mana item yang perlu untuk disesuaikan dengan objektif kajian .

4. Untuk mengkaji sistem pengurusan kurikulum sekolah, selain menggunakan Ketua Panitia dan Setiausaha Akademik sebagai responden, Pengetua, PK1 dan Ketua Bidang juga boleh menjadi responden kerana mereka juga antara pengurus-pengurus kurikulum peringkat sekolah. Seelok-eloknya, kaji pula sejauh mana peranan yang dimainkan oleh mereka dalam pengurusan kurikulum sekolah.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Shukor Abdullah. 'Pengurusan Penyeliaan Dalam Suasana Sekolah - Isu Dan Strategi.' **Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia**. Keluaran 71. Jilid XXXII. Julai, 1988.
- Abdul Karim Mohd. Nor. '**Characteristics of Effective Rural Secondary Schools in Malaysia.**' Diss. University of Wisconsin Madison. 1989.
- Abdul Karim Mohd. Nor. 'Ke arah Kecemerlangan: Implikasi dari Kajian Sekolah Efektif.' **Jurnal Pengurusan Pendidikan**. Institut Aminuddin Baki. Kementerian Pendidikan Malaysia. Jilid 3. Bil. 1. Jun, 1993.
- Abdul Rahman Mat. '**Pengurusan Bersepadu**'. Kertas Kerja 07, Disampaikan Di Seminar Nasional Ke 2. Pengurusan Pendidikan 'Ke arah Pengurusan Pendidikan Berkualiti Abad 21.'Genting Highlands. 26 - 28, November. 1992.
- Al. Ramaiah. **Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini**. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd. 1992.
- Anas Ahmad. **Penyeliaan dan Akauntabiliti Kurikulum Bagi Meningkatkan Mutu Pendidikan Di Peringkat Sekolah**. Kertas Kerja 10, Dibentangkan Di Persidangan Pengarah-Pengarah Pendidikan Negeri Ke 66. 1988.
- Basic Concepts and Considerations in Educational Planning. **Bk.VI General Principal of Management**. UNESCO Regional Office For Education In Asia and Oceania. Bangkok. 1980.
- Basic Training Programme In Edu. Planning and Management. **Bk. VI General Prinsipal of Management**. UNESCO Regional Office For Education In Asia and Oceania. Bangkok. 1980.
- Cates, Ward Mitchell. **Panduan Amali Untuk Penyelidikan**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1990.
- Dzulhijah Sokarno, Mohd. Muslah Yunos, Omar Karim, Shazali Ahmad, **Pendidikan di Malaysia: Yang Kita Ingin Tahu**. Kuala Lumpur: Deltaspaces Enterprise: Kuala Lumpur. 1995.
- Hasbullah Muhamad Taha. '**The Perception of Educational Leaders in The State of Sabah, Malaysia, Concerning Teachers Education.**' Diss. Southern Illinois University. 1979.

- Hussein Ahmad. 'Antara Reformasi Pendidikan Dan Wawasan.' **Jurnal Pengurusan Pendidikan**. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia. Jilid 2. Bil. 1. September, 1992.
- Hussein Ahmad. 'Pengurusan Organisasi Institut Yang Efektif Dalam Menghadapi Cabaran Wawasan 2020.' **Jurnal Pengurusan Pendidikan**. Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia. Jilid 2. Bil.1. September, 1991.
- Hussein Ahmad. 'Perkembangan Staf Di Sekolah: Bentuk Dan Cara Pelaksanaannya.' **Jurnal Pengurusan Pendidikan**. Institut Aminuddin Baki. Kementerian Pendidikan Malaysia. Jilid 1. Bil.2. Jun, 1991.
- Hussein Ahmad. **Pendidikan dan Masyarakat: Antara Dasar, Reformasi dan Wawasan**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993.
- Hussein Mahmood. 'Ke arah Kecemerlangan Sekolah: Satu Pendekatan.' **Jurnal Guru**. 16 Mei. 1992.
- Hussein Mahmood. **Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993.
- Hussin Abu Bakar. 'Peningkatan Kualiti Guru Melalui Pencerapan Pengajaran dan Pembelajaran Di Bilik Darjah.' **Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia**. Jilid 36. Keluaran 77. Disember, 1992.
- Ibrahim Ahmad Bajunid. 'A Vision of Management.' **Jurnal Pengurusan Pendidikan**. Institut Aminuddin Baki. Kementerian Pendidikan Malaysia. Jilid 3. Bil.12. Disember, 1993.
- Ismail Abu Talib. 'Pengurusan Kurikulum Sekolah Rendah.' **Berita Kurikulum: Kearifan Keberkesanan Pelaksanaan Kurikulum**. Pusat Perkembangan Kurikulum. Bil. 1 & 2. April & Ogos, 1992.
- Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Persidangan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Malaysia Cawangan Selangor. **Garis Panduan Perancangan Bersepadu Kemajuan Sekolah**. PKPSM Selangor. 1993.
- Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan. **Analisis Lima Tahun Keputusan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran 1988 - 1992 dan Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 1987 - 1991, Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Selangor Darul Ehsan**. Unit Kurikulum Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan. Disember 1992. Laporan Tidak Diterbitkan.

- Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan. **Analisis SPM 1993 Peringkat Mata Pelajaran Negeri Selangor Mengikut Kedudukan Sekolah.** 1994. Laporan Tidak Diterbitkan.
- Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan. **Laporan Keputusan Sijil Pelajaran 1994 Negeri Selangor.** 1995. Laporan Tidak Diterbitkan.
- Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan. **Prestasi PMR 1993 Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Selangor Darul Ehsan.** Unit Kurikulum Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan. 15 Disember 1993. Laporan Tidak Diterbitkan.
- Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan. **Rangka Rancangan Pembangunan Pendidikan Negeri Selangor (RRPPS) 1994 - 2000: Kertas Konsep Tanpa Kegagalan.** 1994. Laporan tidak diterbitkan.
- Jabatan Pendidikan Selangor dan Persatuan Kebangsaan Pengetua-Pengetua Sekolah Menengah Malaysia Cawangan Selangor. **Manual Prosedur Kerja Sekolah Menengah.** PKPSM Selangor. 1994.
- Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan. **Status Pengurusan Pendidikan Di Sekolah Rendah dan Menengah.** Kertas Kerja 1, Dibentangkan Di Persidangan Pengarah-Pengarah Pendidikan Negeri Ke 66. 1988.
- Kamarudin Samdul. **'Bentuk Pengurusan di Sekolah Menengah Rendah - Satu Tinjauan Di Sekolah Menengah Rendah Felda Palong 2, 73450 Gemas, Negeri Sembilan.'** Latihan Ilmiah. UKM. 1988.
- Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak dan Institut Teknologi MARA. Prosiding Seminar Kebangsaan Tentang Pembangunan Sumber Manusia. **Perspektif Sumber Manusia Ke Arah Pencapaian Wawasan.** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan. **Kajian Keberkesanan Sekolah.** 1989.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan. **Buku Panduan Penyeliaan Geografi Sekolah Menengah.** Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil. 2. 1989.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan. **Buku Panduan Penyeliaan Sejarah Sekolah Menengah.** Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil. 5. 1989.

- Kementerian Pendidikan Malaysia, Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan. **Buku Panduan Penyeliaan Matematik Sekolah Menengah.** Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil. 4. 1989.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan. **Buku Panduan Penyeliaan Bahasa Malaysia Sekolah Menengah.** Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. Bil. 5. 1989.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan. **Factors Influencing The Academic Achievement of Students in Malaysian Schools. 1990.**
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan. **'Kajian Tugas Guru Besar, Penolong Kanan 1, Penolong Kanan 11, Penolong Kanan Kokurikulum, Penyelia Petang dan Guru-Guru Sekolah Rendah.'** (Edaran Terhad). 1992.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. **Falsafah Pendidikan Negara.** Pusat Perkembangan Kurikulum. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1990.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. **Iklim Sekolah: Satu Kajian Awal.** Julai, 1988.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. **Pukul Latihan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1990.
- Koontz, Harold dan Wiehrich, Heinz. **Pengurusan.** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 199 1.
- Kumar, Lilie Mac. **'Three Effective Schools in Puerto Rico (Mercedes Rosado School, Pedro F. Colherg School. Angela Cordero Bernard School).'** Diss. Columbia University Teachers College. 1994.
- Lee Pau Wing. **'Perancangan Dan Pelaksanaan Pengajaran Bersama Sebagai Satu Pendekatan Penyeliaan Untuk Meningkatkan Mutu Pendidikan.'** Kerja Kerja 16, Dibentangkan Di Seminar Nasional Ke 3, Pengurusan Pendidikan 'Senario Masa Kini, Gerak Tuju Masa Hadapan.' Institut Aminuddin Baki. Genting Highlands. 25 - 27 November, 1993.
- Lim Chee Tong. 'Pengurusan Berasaskan Objektif Satu Pandangan.' **Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia.** Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan. Kementerian Pendidikan Malaysia. Keluaran 7 1. Julai, 1988.

- Mahathir Mohamad. **Malaysia: The Way Forward**. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Kerajaan. 1991.
- Mohd. Daud Hamzah. **Liputan Kurikulum Sekolah**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1995.
- Mohd. Daud Hamzah. **Pembahagian Kurikulum Sekolah**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1995.
- Mohd. Daud Hamzah. **Penerokaan Teori Kurikulum**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993.
- Mohd. Daud Hamzah. **Perkembangan Kurikulum Sekolah**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1995.
- Mohd. Daud Hamzah. **Reka Bentuk Kurikulum Sekolah**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994.
- Mohd. Idris Jauzi. **Kepimpinan Pendidikan Cemerlang Ke arah Pencapaian Wawasan 2020**. Institut Aminuddin Baki. 1995.
- Mohd. Majid Konting. **Kaedah Penyelidikan Pendidikan**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993.
- Mohd. Sabri Mohd. Ali dan Mohamad Yahaya. **'Kreativiti Dalam Pengurusan: Pengurusan Strategik Dalam Amalan Pendidikan**. Kertas Kerja 11, Dibentangkan Di Seminar Nasional Ke 3, Pengurusan Pendidikan 'Senario Masa Kini, Gerak Tuju Masa Hadapan.' Institut Aminuddin Baki. Genting Highlands. 25 - 27 November, 1993.
- Nazaruddin Mohd. Jali, Abdul Rahman Md. Arof, Sharifah Md. Nor. 'Kecemerlangan Pendidikan Melalui Budaya Penyelidikan Pegawai Pendidikan Daerah Sebagai Penggerak.' **Jurnal Pengurusan Pendidikan**. Jilid 2. Bil. 11. September, 1992.
- Nik Aziz Nik Pa. 'Isu dan Cabaran Dalam Kepimpinan Profesional Pendidikan Di Peringkat Sekolah.' **Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia**. Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, KPM. Keluaran 71. Jilid XXXII. Julai, 1988.
- Oppenheim, A.N. **Questionnaire Design And Attitude Measurement**. New York: Basic Books. 1966.
- Parkinson C. Northcote dan Rustomji M.K. **Kecemerlangan Mengurus**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1992.

- Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam. **Analisis Keputusan SPM 1993 Sekolah Sekolah Menengah Daerah Sabak Bernam.** 1994. Laporan Tidak Diterbitkan.
- Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat Dan Sepang. **Analisis Penilaian Menengah Rendah 1993.** 1993. Laporan Tidak Diterbitkan.
- Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat Dan Sepang. **Analisis Peperiksaan PMR 1994, Daerah Kuala Langat Dan Sepang.** 1994. Laporan Tidak Diterbitkan.
- Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor. **Analisis SPM 1993.** 1994. Laporan Tidak Diterbitkan.
- Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor. **Analisis Penilaian Menengah Rendah (PMR) Tahun 1994.1994.** Laporan Tidak Diterbitkan.
- Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor. **Analisis PMR 1993.** 1993. Laporan Tidak Diterbitkan.
- Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam. **Analisis Keputusan Peperiksaan PMR Daerah Sabak Bernam 1993.** 1994. Laporan Tidak Diterbitkan.
- Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam. **Analisis PMR 1994 Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Sabak Bernam.** 1994. Laporan Tidak Diterbitkan.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. ‘Rahsia Kecemerlangan Sekolah Kebangsaan Kubang Chenok Pasir Mas.’ **Berita Kurikulum: Ke Arah Keberkesanan Pelaksanaan Kurikulum.** Pusat Perkembangan Kurikulum. Jld. 5. Bil. 1 & 2. April & Ogos 1992.
- Razali Arof. ‘Mengenalpasti Komponen Yang Lemah Di Dalam Sistem Kurikulum dan Pengajaran: Satu Model Cadangan.’ **Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia.** Keluaran 71. Jilid XXXII. Julai, 1988.
- Razali Arof. **Pengantar Kurikulum.** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1991.
- Razali Othman. ‘Satu Kajian Mengenai Iklim Sekolah Menengah di Daerah Temerloh.’ **Jurnal Pendidikan.** Jilid 14. 1992.
- Rita Vias. ‘**Penanggungjawaban Guru Melalui Pusat Sumber Sekolah dan Pusat Kegiatan Guru Yang Berkesan.**’ Kertas Kerja 22, Disampaikan Di Seminar Nasional Ke 3, Pengurusan Pendidikan. “Senario Masa Kini, Gerak Tuju Masa Hadapan.” Genting Highlands. 25 - 27 November. 1993.

Sabitha Marican. Pengurusan: **Masalah dan Penyelesaian**. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 1994.

Shukor Abdullah. **‘Membina Pengurusan Sekolah Yang Berkesan: Pengurusan Setempat, ‘Empowerment’ Dan Kepimpinan Sebagai Inisiatif Polisi.’** Kerja Kerja 07, Dibentangkan Di Seminar Nasional Ke 3, Pengurusan Pendidikan ‘Senario Masa Kini, Gerak Tuju Masa Hadapan.’ Institut Aminuddin Baki. Genting Highlands. 25 ▪ 27 November, 1993.

Siti Hawa Ahmad. **‘Sistem Pengesanan dan Pengawalan Pelaksanaan Dalam Menentukan Akauntabiliti Dan Kualiti Pendidikan.’** Kertas Kerja 23, Disampaikan Di Seminar Nasional Ke 3, Pengurusan Pendidikan. “ Senario Masa Kini, Gerak Tuju Masa Hadapan.” Genting Highlands. 25 ▪ 27 November. 1993.

Sufean Hussin. **Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993.

Tyler, Ralph W. **Prinsip Asas Kurikulum Dan Pengajaran**. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. 1990.

W. Tuckman, Bruce. **Conducting Educational Research**. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Publishers. 1972.

Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin. **‘Pengisian Wawasan Pendidikan.’** Kertas Kerja Utama, Disampaikan Dalam Persidangan Nasional, IAB, Genting. 8 ▪ 11 April. 1993.

Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin. **Kertas Ucapan Utama**. Disampaikan Di Persidangan Pendidikan Nasional Ke 2 ‘Pengisian Wawasan Pendidikan’. Institut Aminuddin Baki. Genting Highlands. 11 ▪ 15 Julai 1994.

LAMPIRAN A

No	Rujukan							I	I	I	I
----	---------	--	--	--	--	--	--	---	---	---	---

1 - 11

PENGESANAN SISTEM PENGURUSAN KURIKULUM
(Untuk diisi oleh Setiausaha Kurikulum/Akademik)

Ini adalah satu soal selidik untuk mengumpul maklumat berkenaan sistem pengurusan sekolah anda. Soal selidik ini mengandungi 3 bahagian.

Tujuan soal selidik ini adalah semata-mata untuk kajian. Dapatan kajian akan digunakan untuk meningkatkan sistem pengurusan kurikulum Sekolah-Sekolah Menengah.

Anda tidak perlu menulis nama dan nama sekolah pada borang ini. Semua maklumat yang diberikan akan dirahsiakan dan akan dimusnahkan sebaik sahaja kajian selesai. Semua borang juga akan diproses secara berkumpulan. Oleh itu anda adalah diminta memberikan kerjasama yang sepenuhnya dengan memberikan jawapan yang paling TEPAT, BENAR dan JUJUR. Ini kerana ketepatan hasil kajian ini adalah bergantung kepada sejauh mana kejujuran anda memberikan jawapan dan maklumat.

Atas segala kerjasama **anda**, kami ucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga.

KEJUJURAN DAN KERJASAMA
ANDA SANGAT-SANGAT
DIHARGAI

BAHAGIAN 1: BUTIR-BUTIR DIRI

KOD

1. Gred Sekolah
A c l B ☐
12
2. Kedudukan Sekolah:
Luar Bandar ☐ Bandar ☐
13
3. Kelulusan Akademik Yang Tertinggi
SPM/MCE ☐ Ijazah Sarjana Muda ☐
STPM/HCE ☐ Ijazah Sarjana ☐
Diploma c l
14
4. Peratus murid lulus dalam PMR
1993 1994
c l
15
5. Peratus murid lulus dalam SPM
1993 1994
c l
16
6. Lama menjadi Setiausaha Akademik/Kurikulum
0 - 2 c l 7 - 8 c l
3 - 4 c l 9 - 10 ☐
5 - 6 c l 11 tahun ke atas ☐
17

BAHAGIAN 2: PENGESANAN SISTEM PENGURUSAN KURIKULUM

ARAHAN:

